# MINDEF

# 2011

# LAPORAN TAHUNAN KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

ANNUAL REPORT

KEMENTERIAN
PERTAHANAN MALAYSIA
*MINISTRY*
*OF DEFENCE MALAYSIA*

# KANDUNGAN
# *CONTENT*


| | | |
|---|---|---|
| **SEKAPUR SIREH** | | ***FOREWORD*** |
| Menteri Pertahanan | i | *Defence Minister* |
| Ketua Setiausaha | vi | *Secretary General* |
| Panglima Angkatan Tentera | x | *Chief of Armed Forces* |
| **MAKLUMAT KORPORAT** | 1 | ***CORPORATE INFORMATION*** |
| Carta Organisasi | 2 - 3 | *Organization Chart* |
| Info Korporat | 4 - 10 | *Corporate Infomation* |
| **SEKTOR KETUA SETIAUSAHA** | | ***SECRETARY GENERAL SECTOR*** |
| Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Am | 11 - 16 | *Internal Audit And Investigation Division* |
| Bahagian Undang-Undang | 17 - 20 | *Legal Division* |
| Jabatan Ketua Hakim Penguam | 21 - 24 | *Judge Advocate General's Department* |
| Unit Komunikasi Korporat | 25 - 31 | *Corporate Communications Unit* |
| Urusetia Majlis Angkatan Tentera | 33 - 38 | *Secretariat Armed Forces Council* |
| Cawangan MinDef Sarawak | 39 - 43 | *MinDef Sarawak Branch* |
| Cawangan MinDef Sabah | 45 - 48 | *MinDef Sabah Branch* |
| **SEKTOR PEMBANGUNAN** | | ***DEVELOPMENT SECTOR*** |
| Bahagian Pembangunan | 49 - 53 | *Development Division* |
| Bahagian Perolehan | 55 - 64 | *Procurement Division* |
| Penguasa Katalog ATM | 65 - 72 | *Malaysia Armed Forces Cataloging Authority* |
| **SEKTOR PENGURUSAN** | | ***MANAGEMENT SECTOR*** |
| Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 73 - 78 | *Human Resource Management Division* |
| Bahagian Pengurusan Maklumat | 79 - 84 | *Information Management Division* |
| Bahagian Kewangan | 85 - 91 | *Finance Division* |
| Bahagian Akaun | 93 - 98 | *Accounts Division* |
| Bahagian Pentadbiran | 99 - 104 | *Administration Division* |
| **SEKTOR DASAR** | | ***POLICY SECTOR*** |
| Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik | 105 - 109 | *Policy And Strategic Planning Division* |
| Bahagian Industri Pertahanan | 111 - 118 | *Defence Industry Division* |
| Depoh Simpanan Pertahanan | 119 - 125 | *Defence Reserve Depot* |

| | | |
|---|---|---|
| **AGENSI DIBAWAH KEMENTERIAN** | | ***AGENCY UNDER MINISTRY*** |
| Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan | 127 - 134 | *Science & Technology Research Institute For Defence* |
| Jabatan Latihan Khidmat Negara | 135 - 144 | *National Service Training Department* |
| Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM | 145 - 152 | *Malaysian Armed Forces Veterens Affairs Department* |
| Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera | 153 - 159 | *Ex-Servicemen Affairs Corporation* |
| **ANGKATAN TENTERA MALAYSIA** | | ***MALAYSIA ARMED*** |
| Markas Angkatan Tentera Malaysia | 161 - 170 | *Malaysian Armed Forces Headquarter* |
| Markas Angkatan Bersama | 171 - 178 | *Joint Task Forces* |
| Markas Tentera Darat | 179 - 188 | *Malaysian Army* |
| Markas Tentera Laut | 189 - 199 | *Royal Malaysian Navy* |
| Markas Tentera Udara | 201 -211 | *Royal Malaysian Air Forces* |
| **KELAB DAN PERSATUAN BERDAFTAR** | | ***REGISTERED & ASSOCIATE CLUB*** |
| Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) | 213 - 217 | *Puspanita* |
| Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP) | 219 -224 | *Ministry Of Defence Civil Servants' Club* |
| Badan Amal Kebajikan Angkatan Tentera Malaysia (BAKAT) | 225 - 229 | *BAKAT* |

# SIREH SEKAPUR

## ACKNOWLEDGEMENT

- MENTERI PERTAHANAN
  *Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi*
- KETUA SETIAUSAHA
  *Y. Bhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail*
- PANGLIMA ANGKATAN TENTERA
  *Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Bin Mohd Zin*



# PERUTUSAN/*FOREWORD*

## DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

Menteri Pertahanan Malaysia / *Defence Minister*
Kementerian Pertahanan Malaysia / *Ministry of Defence Malaysia*

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1 Malaysia.

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat saya menukilkan sepatah dua kata di dalam Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan untuk edisi 2011.

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga MinDef, sektor awam dan tentera yang telah berjaya melaksanakan agenda MinDef dengan begitu baik sepanjang tahun 2011. Tidak ketinggalan ucapan sekalung tahniah kepada kakitangan MinDef yang telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan ini.

Tahun 2011 telah kita tinggalkan dengan cemerlangnya di mana MinDef telah mencapai beberapa kejayaan sepanjang tahun ini. Walaupun kita terpaksa menempuh pelbagai rintangan dan cabaran dalam mencapai kejayaan tersebut, namun dengan sikap bertanggungjawab, jujur, dedikasi dan perkhidmatan efisyen warga MinDef semuanya telah berjaya diharungi.

Mungkin ramai di antara kita yang masih lagi mengenang kejayaan MinDef menganjurkan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 2011, LIMA telah berlangsung selama 5 hari dari 6 Disember dan berakhir pada 10 Disember. Dapat saya katakan bahawa penganjuran LIMA 2011 adalah pencapaian terbesar MinDef sepanjang tahun 2011. Pameran ini telah berjaya menarik kedatangan pengunjung seramai 125,000 orang yang merupakan jumlah tertinggi sejak kali pertama LIMA diperkenalkan pada tahun 1991. Dengan jumlah peserta yang terdiri daripada syarikat-syarikat pempamer yang terus meningkat sehingga menjadikan LIMA 2011 diiktiraf

*Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh and salam 1 Malaysia.*

*I thankful to the Almighty for His grace for allowing me to write a few words in the Ministry of Defence Annual Report 2011 edition.*

*Here I would like to express my regards and thanks to all MinDef citizens, civilian and military forces for their success in implementing MinDef agendas so well in 2011. Congratulations also to MinDef staffs who involved in this successful production of the Ministry of Defence Annual Report 2011.*

*Indeed, in 2011, we left with excellence whereby MinDef has achieved success throughout this year. Despite many obstacles and challenges to achieve the success, thus with a sense of responsibility, honesty, dedication and efficient services by MinDef workforce, we managed to endure everything. Congratulations to all!*

*Perhaps many of us still recall the success story of MinDef organizing the Langkawi International Maritime and Aerospace 2011 or better known as LIMA 2011 which was held for 5 days starting from December 6 and ends on December 10. I can say that the organization of LIMA 2011 is the most significant achievements recorded by the Ministry of Defence during the year 2011 whereby this exhibition has attracted a total of 125 000 visitors, which stated as the highest since the first time it was introduced, back in 1991 while the number of participants from companies exhibiting increased up, and able to make LIMA 2011 to be recognized in the Malaysia Book*





di dalam Malaysia Book of Record sebagai Pameran Maritim dan Aeroangkasa terbesar pernah diadakan di Malaysia.

Penghargaan saya kepada kakitangan dan warga MinDef yang berjaya membawa MinDef memperoleh Penarafan 5 bintang dalam Star Rating yang dikelolakan oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri. Namun disebalik status 5 bintang yang kita capai MinDef masih berada di kedudukan kedua di belakang Kementerian Kesihatan dalam carta kedudukan SSR yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU. Saya berharap pada tahun 2012 kita akan berjaya mengekalkan status 5 bintang disamping berjaya berada di kedudukan teratas dalam senarai SSR. Saya menyeru kepada semua warga MinDef supaya berusaha bersungguh-sungguh ke arah itu.

MinDef juga telah berjaya memperbaharui Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S untuk tahun yang ketiga. Sesungguhnya kejayaan ini telah meningkatkan nilai tambah kepada pembudayaan budaya kerja berprestasi tinggi di MinDef. Cuma jangan lupa sentiasa amal!

Tahun 2011 juga telah mencatatkan satu sejarah kepada MinDef di mana golongan selebriti dan pengamal media telah mendaftarkan diri sebagai askar wataniah. Selebriti sering menjadi role model kepada para belia dan remaja dan inisiatif selebriti mendaftar diri sebagai askar wataniah merupakan satu langkah yang baik kerana dapat menggalakkan rakyat khususnya para belia untuk sama-sama menjadi warga askar wataniah dan pada masa yang sama dapat menanam sikap berjuang demi negara. Bagi pihak Kementerian Pertahanan saya sangat mengalu-alukan semua golongan rakyat Malaysia untuk menyertai askar wataniah.

Sebagai mewakili Kementerian Pertahanan dan warga MinDef, saya mengucapkan selamat bertugas kepada Panglima ATM yang baru iaitu Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin yang telah menggantikan Jeneral Tan Sri Dato' Azizan bin Ariffin yang bersara pada 16 Jun 2011. Semoga Panglima ATM yang baru ini dapat meneruskan kesinambungan tugas-tugas murni ATM dalam mempertahankan negara.

Melalui penerbitan Laporan Tahunan ini, saya percaya banyak informasi mengenai kejayaan dan kecermerlangan yang dikecapi oleh Kementerian Pertahanan dapat diketahui umum. Para pembaca khususnya rakyat dapat mengetahui peranan dan

*of Record as the largest Maritime and Aerospace Exhibition that ever held in Malaysia.*

*In addition, I am very proud, especially to the MinDef staff and citizens for leading MinDef to achieve 5 stars in SSR conducted by MAMPU, Prime Minister Department. Although we have five stars status, but unfortunately MinDef ranks as the second position behind the Ministry of Health in the SSR ranking. I hope that next year we will be able to maintain a five-star status, but this time we will ranked top in the list of SSR instead of second place. Therefore, I urge all citizens of MinDef to work hard towards that vision.*

*Ministry of Defence also has successfully renewed the 5S Quality Certification for Environmental Practices for the third year. Indeed, this success has increased the value to the acculturation of high performance work culture in the MinDef. Just don't forget to practice!*

*2011 also has recorded a history for MinDef where the celebrities and mass media practitioners had registered to be a reserve soldier. Today celebrity has become a role model towards the youths and adolescents, and whatever action they made will be followed. In my opinion, the initiative of celebrity signing up as reserved soldier is a good move because it will encourage the youths to join together the reserved soldier force and together instilling the youth with the spirit to fight for the country. On behalf of the MinDef, I welcome any party regardless of the celebrity, media practitioners, civil servants and individuals to join reserved soldier force.*

*It is not too late for me to represent the MinDef citizens to wish our warm welcome to the new Chief of Defence Forces, General Tan Sri Dato'Sri Zulkifeli bin MohdZin. He had replaced General Tan Sri Dato 'Azizan bin Ariffin who retired on June 16, 2011. Hopefully, the new Chief of Defence Forces can continue the armed forces noble task of defending our beloved country.*

*Through the publication of this Annual Report, I believe a lot of info about the successes attained by the Ministry of Defence as well as the activities undertaken by the ministry will be highlighted. In addition, the readers, especially the people will know*

tanggungjawab MinDef dalam memberi perkhidmatan yang terbaik demi kepentingan negara.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua warga MinDef sentiasa menjalankan tugas hakiki mereka dengan gigih dan ikhlas agar mutu perkhidmatan yang disediakan dan kerjasama yang telah terjalin antara MinDef dengan pihak luar dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi demi agama, bangsa dan negara.

Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

*about Ministry of Defense roles and responsibilities in providing the best services to protect national interest.*

*In the end, I urge MinDef citizens and Armed Forces to always carry their official duties earnestly and sincerely so that the quality of services provided and cooperation established between the Ministry of Defence and external parties can be improved to the higher level. All this is important in order to achieve the good values for religion, race and nation.*

*Thank you. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, and Salam 1 Malaysia.*

**DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI**
Menteri Pertahanan Malaysia / *Defence Minister*
Kementerian Pertahanan Malaysia / *Ministry of Defence Malaysia*

# SEKAPUR SIREH
## ACKNOWLEDGEMENT

- MENTERI PERTAHANAN
  *Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi*
- **KETUA SETIAUSAHA**
  ***Y. Bhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail***
- PANGLIMA ANGKATAN TENTERA
  *Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Bin Mohd Zin*



# PERUTUSAN/*FOREWORD*

## Y. BHG. DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL

Ketua Setiausaha / *Secretary General*
Kementerian Pertahanan Malaysia / *Ministry of Defence Malaysia*

Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

*Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh, salam sejahtera and salam 1 Malaysia.*

Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. atas segala rahmat dan kenikmatan yang kita perolehi sehingga ke hari ini. Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya jua kita dapat terus berusaha untuk menyumbang ke arah memartabat dan memperkasakan Kementerian Pertahanan seiring dengan kemajuan dan kemodenan negara.

*Praises to Allah and way peace and blessings be upon the Prophet Muhammad SAW, on the mercy and pleasure that we get until today. I am thankful to the Almighty for the consent given; we are able to continue in contributing towards the enhancement and the strengthening of Ministry of Defence (MinDef), along with the progression and modernization of the country.*

Seperti tahun-tahun lepas, Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan 2011 kini diterbitkan lagi dengan jayanya. Laporan tahunan 2011 yang menjadi salah satu kayu pengukur dalam menilai pencapaian Kementerian Pertahanan sepanjang tahun ini amat penting untuk panduan pada masa hadapan. Laporan ini, diharap menjadi rujukan bagi penambahbaikan ke atas perkara-perkara yang perlu dilakukan supaya segala program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih efisyen dan terancang.

*As in previous years, the Ministry of Defence 2011Annual Report is now published with full of success. This 2011Annual Report, which became a benchmark in assessing the achievement of the MinDef throughout the year, is very crucial for future guidance. This report is expected to be the best references for all improvements towards matters concerned so that it will be executed accordingly and more efficiently.*

Kementerian Pertahanan telah diperuntukan Belanja Mengurus sejumlah RM10.53 billion bagi tahun 2011 yang merupakan peningkatan sebanyak 15.7% berbanding dengan peruntukan bagi tahun 2010. Daripada jumlah ini, sebanyak RM3.3 billion merupakan anggaran perbelanjaan pembangunan 2011 mengikut maksud. Pada masa yang sama, usaha berterusan perlu dilakukan dengan melaksanakan program pemodenan dan peningkatan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui perolehan pelbagai aset dan peralatan canggih, terkini dan moden. Kita sedia maklum bahawa aset negara masih di tahap sederhana dan untuk mensiapsiagakan pertahanan negara, kita harus melakukan segala yang termampu demi memastikan pertahanan negara berada di tahap terbaik.

*MinDef had been allocated a total of RM10.53 billions Operating Budget in 2011, which shows an increament of 15.7% compared to the year of 2010. From this amount, RM3.3 billions is the estimated development expenditure in 2011 according to its purpose. At the same time, continuous efforts should be done by implementing the modernization programmes and increased the ability of the Malaysian Armed Forces (ATM) through the acquisition of various assets and advanced equipment that is current and modern. We are aware that the assets of the country are still at moderate level and for its defense preparedness; we should do everything we can to ensure that national defence was at its best.*

Bagi berada di tempat tersebut, peruntukan sebanyak RM 9 bilion telah diberi di bawah Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2011 yang bertujuan untuk memodenkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Walaupun jumlah peruntukan itu jauh lebih rendah berbanding yang dimohon sebelum itu, peruntukan tersebut telah digunakan secara berhemah dengan membeli aset-aset ketenteraan yang diperlukan berdasarkan keutamaan dalam usaha untuk memodenkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

*To be in place, the allocation of RM 9 billion has been granted under the 2011 Federal Budget which aims to modernize the Malaysian Armed Forces (ATM). Although the total allocation was far lower than what we applied before, this provision has been used wisely by purchasing military assets needed based on priority in an effort to modernize the Malaysian Armed Forces (ATM).*

Kementerian Pertahanan telah melaksanakan sistem kewangan berkomputer bagi tujuan mempercepatkan proses pembelian, pembayaran dan penyediaan laporan kewangan dan perakaunan. Sistem ini menambahbaik keupayaan proses kerja dan menjimat kos serta masa operasi.

*MinDef also has implemented a computerized financial system for the purpose of expediting the purchasing process, payments and financial reporting and accounting. This system is mainly for improving the capability in work process and saving cost or time operation.*

Kementerian Pertahanan juga telah menunjukkan prestasi yang memberansangkan sepanjang 2010 apabila meraih Taraf Lima Bintang dalam Sistem Penarafan Bintang (SSR). Ini merupakan satu kejayaan yang cukup membanggakan demi menjana kecemerlangan Kementerian Pertahanan dan meningkatkan imej di kaca mata rakyat.

*MinDef has also shown great performance by achieving Five Star Status in the 2010 Star Rating System (SSR). This is an impressive achievement for in promoting its excellence and at the same time helps in enhancing the image of MinDef in the citizen eyes.*

Selain itu, program berterusan seperti Program 5S yang dititikberatkan di setiap Jabatan dan Bahagian kini diharap dapat melatih setiap warga kerja Kementerian Pertahanan untuk terus berusaha menjadikan tempat kerja yang selesa dan kondusif dan seterusnya dapat melahirkan warga kerja yang lebih produktif dan berdisiplin.

*In addition, the ongoing programs such as 5S programmes that are fully concern in all departments and divisions are expected to train all MinDef staff to continue making the workplace as comfortable and conducive environment, also to produce a more productive and disciplined workforce.*

Walau bagaimanapun, semua usaha pembudayaan akhlak, etika dan integriti tersebut tidak akan memberi sebarang makna sekiranya setiap pegawai gagal mempraktikkannya dalam segala aspek tugas dan tanggungjawab. Usaha-usaha ke atas penerapan, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni serta bersih daripada gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa juga perlu kita perkukuhkan lagi. Segala tindak tanduk harus lahir dari hati yang ikhlas agar setiap usaha dan langkah yang diambil memperoleh keberkatan serta dapat dilakukan dalam keadaan terbaik di samping membuahkan hasil yang boleh dibanggakan.

*However, all efforts in cultivating morality, ethics and integrity will not mean anything if every officer failed to practice these morale in all aspects of their duties and responsibilities. All efforts on the appliance, appreciation and practice of moral values and clean from corruption, fraud and abuse of power should also be fostered further. All actions must come from a sincere heart so that all efforts and steps taken will acquire the blessings and can be done in the best condition as well as results that can be proud of.*

Nilai-nilai murni seperti benar, amanah, telus dan berintegriti bukan saja perlu tetapi wajib ada dalam setiap warga kerja. Penggunaan teknologi terkini dan tercanggih dapat membantu dalam meningkatkan

*Moral values such as truth, honesty, transparency and integrity are not only necessary but required in each of our workforce. Advanced technology usage can help to improve productivity, but if the element*

produktiviti tetapi jika elemen nilai-nilai murni tidak dihayati dan diletakkan seiring, teknologi tidak mampu membantu kita untuk melaksanakan tugas dengan baik. Saya percaya bahawa dengan iltizam yang baru dan dengan kerjasama warga kerja Kementerian Pertahanan termasuklah awam dan tentera, Kementerian Pertahanan akan dapat mencapai objektif kerja dengan jayanya.

Sememangnya pelbagai usaha berterusan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan dengan membuat penambahbaikan dan kajian semula berkaitan organisasi dan aspek pengurusan. Program pembaikpulihan bangunan dan sektor-sektor terlibat juga telah dilakukan dengan harapan dapat melahirkan suasana kerja yang baik dan selesa bagi setiap warga MinDef.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga Kementerian Pertahanan, tidak kira awam dan tentera yang telah memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan Kementerian Pertahanan terus cemerlang.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

*values are not being appreciated and placed in line, there is no technology that can help us to carry out duties properly. I believe that with new commitments and in collaboration with the MinDef staff, including civilians and military force, MinDef will be able to achieve work objectives successfully.*

*Indeed, the ongoing efforts are being implemented by MinDef to make improvements and review regarding the organization and management aspects. Such programmes like building improvements and other sectors involved has also been done with the hope of producing a great working atmosphere and comfortable for every MinDef workforce.*

*In the end, I would like to express my gratitude to all MinDef staff, regardless of civilians and military force who gave their commitment in ensuring MinDef to continue to excel.*

*Thank You. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**Y. BHG. DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL**
Ketua Setiausaha / *Secretary General*
Kementerian Pertahanan Malaysia / *Ministry of Defence Malaysia*

# SEKAPUR SIREH
## ACKNOWLEDGEMENT

- MENTERI PERTAHANAN
  *Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi*
- KETUA SETIAUSAHA
  *Y. Bhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail*
- **PANGLIMA ANGKATAN TENTERA**
  ***Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Bin Mohd Zin***



# PERUTUSAN/*FOREWORD*

## JENERAL TAN SRI DATO' SRI ZULKIFELI BIN MOHD ZIN

Panglima Angkatan Tentera / *Chief of Armed Forces*
Angkatan Tentera Malaysia / *Malaysia Armed Forces*

Saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya jua, ATM telah dizinkan melakar pelbagai kejayaan dan kemajuan sepanjang tahun 2011. Sesungguhnya, segala pencapaian tersebut adalah hasil gandingan mantap antara ATM dengan rakan-rakan awam KEMENTAH serta berkat sokongan padu Kerajaan dan rakyat jelata. Justeru, saya melahirkan rasa gembira kerana kesepaduan dan kerjasama antara semua pihak telah membolehkan ATM untuk memperkasakan keselamatan dan kedaulatan negara serta meneruskan agenda transformasi angkatan secara konsisten.

ATM amat menghargai keprihatian berterusan Kerajaan terhadap keperluan pengoperasian dan pengurusan di tahun lalu walaupun negara masih dilanda kemelut ekonomi. Alhamdulillah, pelan peningkatan keupayaan angkatan dimensi keempatnya ataupun lebih dikenali sebagai Fourth Dimension Malaysian Armed Forces (4D MAF) yang merangkumi aspek-aspek penstrukturan organisasi, rancangan perolehan aset-aset tempur yang canggih serta membudayakan nilai-nilai teras yang berwibawa, kepimpinan berintegriti dan pembangunan modal insan yang berkualiti tetap berjalan dengan pesat di atas landasannya.

Secara tidak langsung, impak pelaksanaan 4D MAF di tahun 2011 telah membolehkan ATM melipat-gandakan sumbangannya terhadap usaha-usaha KEMENTAH khasnya dan Kerajaan amnya ke arah Pembangunan Negara Bangsa. Dalam konteks ini, ATM sentiasa memberi dokongan jitu dalam merealisasikan matlamat KEMENTAH, termasuk bersama-sama menjayakan sasaran Petunjuk Prestasi Utama YB Menteri Pertahanan. Antara kejayaan yang dicapai termasuklah membantu PDRM mengurangkan kadar jenayah, menubuhkan 50 kompeni Askar Wataniah di kawasan-kawasan Parlimen yang disasarkan serta membantu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyiapkan atau membaiki 707 buah rumah dan membantu Kementerian Kesihatan menyalurkan bekalan air bersih ke 37 kawasan. Di samping itu, ATM telah turut mempelopori agenda nasional di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy) bagi menentukan kejayaan Bidang Keberhasilan Utama Negara atau National Key Result Areas (NKRA) Kerajaan. Secara amnya, kerjasama ATM – PDRM menerusi NKRA 1 - Mengurangkan Jenayah, NKRA 2 - Program Pemasyarakatan Banduan dan NKRA 3 - Pembangunan Infrastruktur Luar Bandar telah mencatat indeks yang amat memberangsangkan.

Beralih ke peringkat global pula, ATM terus menyerlahkan keunggulannya sebagai ketumbukan yang mampu memikul hasrat Kerajaan untuk terus aktif dalam misi yang menyumbang kepada keamanan sejagat. Pada penghujung tahun 2011, terdapat hampir 900 warga ATM yang berkhidmat dalam misi keamanan luar negara sama ada di bawah Panji-Panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun melalui peraturan dua hala atau pelbagai hala yang lainnya. Saya berbesar hati kerana penglibatan cemerlang trup kita di bumi Lubnan amat disanjungi oleh Kerajaan dan rakyat tempatan. Selain itu, penugasan ATM di Mindanao dan Afghanistan turut menyerlahkan kredibiliti trup kita serta terus mendapat pengiktirafan dari pihak luar. Dalam pada itu, ATM telah menempa kejayaan besar dalam pelaksanaan Operasi FAJAR di sekitar Teluk Aden, khususnya dalam misi menyelamat kapal MT Bunga Laurel daripada menjadi tawanan lanun Somalia dan diikuti dengan kejayaan menyelamatkan kapal MT Nautica Johor Bahru daripada rampasan lanun di Laut China Selatan. Selain itu, saya berpuas hati dengan komitmen berterusan ATM yang turut menyumbang kepada keselamatan Selat Melaka menerusi program Eyes-in-the Sky dan juga penglibatan aktif dalam misi-misi Bantuan Kemanusiaan dan Menyelamat Bencana Alam di rantau Asia.

Ke arah menentukan kesinambungan peranannya sebagai Perisai Negara yang kredibel, relevan dan kompeten, ATM sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan demi untuk menentukan tahap kesiagaannya mampu menangani sebarang ancaman keselamatan semasa dan masa hadapan dengan lebih berkesan. Justeru itu, langkah melancarkan Buku Panduan Kesiagaan ATM

*Praise be to Allah Subhanahu Wataala for it is with his blessings that the MAF was able to achieve much success and chart positive development throughout 2011. Without doubt, the success would not have been possible without the strong support of our civilian counterparts in MINDEF, as well as the continued support from the Government and the rakyat. Hence, I am pleased with the cooperation and camaraderie from all involved, which has afforded the MAF to further strengthen the security and sovereignty of the nation whilst implementing the force transformation agenda consistently.*

*The MAF appreciates the continued commitment from the Government towards operational and development requirements despite the country is still afflicted by fiscal challenges. The plan to enhance the capabilities of the fourth dimension force or better known as the 4th Dimension Malaysian Armed Forces (4D MAF), which includes the aspects of force restructuring, acquisition of sophisticated defence assets and internalisation of core values, leadership with integrity and quality human capital development has been able to be implemented according to plan.*

*Indirectly, the impact of the implementation of 4D MAF throughout 2011 has allowed the MAF to further intensify its contributions toward the efforts of MINDEF and the Government in actualising Nation Building. In this context, the MAF will continue to give its strong support in realising the objectives of MINDEF, which includes the collective achievements of the Honourable Defence Minister's Key Performance Indicator (KPI). Amongst these would be the assistance rendered to the Royal Malaysian Police (RMP) in reducing the Crime Index, the establishment of 50 Territorial Army companies at the various Parliamentary Constituencies indentified, the support provided to the Ministry of Rural and Regional Development in completing 707 houses and aid rendered to the Health Ministry in providing treated water to 37 areas. Over and above that, the MAF has also taken lead role in driving the national agenda under the National Blue Ocean Strategy initiatives to ensure the attainment of the Government's National Key Result Areas (NKRA). In general, the MAF -RMP cooperation through NKRA 1 – Crime Reduction, NKRA 2 – The Socialisation of Prisoners, and NKRA 3 – The Development of Rural Infrastructures have recorded inspiring indexes.*

*On the global perspective, the MAF continues to gain prominence as a force which is able to uphold the Government's intention by actively participating in missions contributing towards world peace. In 2011, at any one time, a total of 900 MAF personnel had been deployed on peace support missions either under the auspices of the United Nations or through other bilateral and multilateral arrangements. I am most delighted that the excellent services rendered by our troops in Lebanon had been well appreciated by the Lebanese Government and the local population as a whole. Similarly, the MAF mission's in Mindanao and Afghanistan had further brought to prominence the credibility of our troops. In the same sense, the MAF had attained significant success in the execution of Operation FAJAR in the vicinity of the Gulf of Aden, specifically during the rescue mission onboard the MT Bunga Laurel from being abducted by Somali pirates. Similarly, the rescue mission onboard MT Nautica Johor Bahru in liberating its crew from piracy in the South China Sea is worthy of note. Apart from that, I am pleased with the continuous contributions of the MAF in ensuring the safety of the Straits of Malacca through the Eye-in-the-Sky program. Noteworthy too is the active participation of the MAF in Humanitarian Assistance and Disaster Relief missions throughout Asia.*

*In ensuring its continuity as a credible, relevant and competent "Nation's Shield", the MAF upholds continuous improvements to guarantee a high degree of preparedness in engaging future challenges. To that end, the launching of the MAF Preparedness Handbook in 2011 is an apt initiative in ensuring that we are able to execute our missions through the acquisition of sophisticated assets and enhance the*

pada 2011 adalah satu inisiatif yang tepat ke arah memastikan ATM melaksanakan misinya menerusi pemilikan keupayaan aset yang canggih di samping memberi tumpuan kepada peningkatan keupayaan masa hadapan sejajar dengan perancangan 4D MAF. Saya penuh yakin bahawa usaha ini yang selari dengan Sistem Pengurusan Strategik ATM serta tertumpu kepada kesiagaan dan kemampanan aset-aset Perkhidmatan mampu menjadikan ATM sebagai satu ketumbukan perang yang menonjolkan kesan sinergi dan cegah rintang yang lebih berwibawa. Pada masa yang sama, saya turut gembira kerana tahun 2011 telah menzahirkan Anugerah Kesiagaan Panglima Angkatan Tentera atau Siaga PAT bagi menggantikan Anugerah Khas Menteri Pertahanan bagi Kategori Kesiagaan iaitu salah satu Anugerah Kualiti Menteri Pertahanan.

Secara keseluruhannya, prestasi cemerlang ATM di tahun 2011 adalah petunjuk positif yang harus kita jadikan sebagai pemangkin ke arah pencapaian yang lebih baik di tahun 2012. Saya meletakkan keyakinan yang tinggi bahawa dengan komitmen, dedikasi serta pengorbanan setiap peringkat warganya dan awam KEMENTAH serta sokongan padu Kerajaan dan rakyat jelata, ATM akan berupaya untuk menempa kejayaan yang berpanjangan serta kekal relevan ke arah memartabatkan integriti dan pengukuhan pertahanan tanah air yang tercinta, dan sekaligus menyumbang secara signifikan dalam arus perdana ke arah kelancaran dan kejayaan proses transformasi negara.

"SENTIASA BERSEPADU"

*development of future capabilities in line with the 4D MAF plan. I am confident that this effort, which is in concurrence with the MAF Strategic Management System emphasizing in creating a combat force with significant synergetic effects and credible deterrence would be forthcoming. At the same time, I am pleased that 2011 had witnessed the Chief of Defence Force Preparedness Awards or Aware CDF having replaced the Minister of Defence Special Award for the category of preparedness, which is part of the Minister of Defence Quality Award.*

*In essence, the MAF's excellent accomplishments in 2011 yield a positive indicator which must be used as a platform towards achieving better results in 2012. I have every confidence that the commitment, dedication and sacrifice of all military personnel and MINDEF civilian staff, coupled with the strong support from the Government and the rakyat, the MAF will be able to achieve continuous success and remain relevant towards ensuring the integrity and defence of the nation, thus contributing significantly towards ensuring a smooth and successful national transformation process.*

*"ALWAYS INTEGRATED"*



**JENERAL TAN SRI DATO' SRI ZULKIFELI BIN MOHD ZIN**
Panglima Angkatan Tentera / *Chief of Armed Forces*
Angkatan Tentera Malaysia / *Malaysia Armed Forces*

# MAKLUMAT KORPORAT

*CORPORATE INFORMATION*

**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**
*MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA*

# CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
## *MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA ORGANIZATION CHART*



# INFO KORPORAT/CORPORATE INFORMATION

**KEMENTERIAN PERTAHANAN SEPINTAS LALU**

Kementerian Pertahanan telah ditubuhkan pada 31 Ogos 1957 dan memulakan operasi rasminya di sebuah bangunan yang terletak di Brockman Road (sekarang Jalan Dato' Onn), Kuala Lumpur. Bangunan ini turut menempatkan pejabat Menteri Pertahanan yang pertama iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussien yang berkhidmat dari 31 Ogos 1957 hingga 22 September 1970. Bangunan Kementerian Pertahanan yang pertama telah dibina oleh Kerajaan Persekutuan dengan kos bernilai RM122,000.00 dan telah dirasmikan oleh Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein pada 18 Mac 1960. Bangunan yang dibina di Jalan Padang Tembak ini juga menempatkan pejabat Panglima-panglima dan Pegawai Tinggi Angkatan Tentera Malaysia dari ketiga-tiga perkhidmatan.

Kementerian Pertahanan diterajui oleh Menteri Pertahanan dan dibantu oleh seorang Timbalan Menteri. Organisasi Kementerian Pertahanan pula mengandungi dua perkhidmatan utama iaitu Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh Ketua Setiausaha manakala Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diketuai oleh Panglima Angkatan Tentera. Kementerian Pertahanan bertanggungjawab terhadap perlaksanaan Dasar Pertahanan Negara dan segala Pengurusan ehwal pertahanan serta sumber-sumber yang disediakan kepada Angkatan Tentera Malaysia untuk mempertahankan Negara.

***THE MINISTRY OF DEFENCE AT A GLANCE***

*Ministry of Defence was established on August, 1957 and officially begin it's operations in a building located in Brockman Road (now Jalan Dato' Onn), Kuala Lumpur. This building also placed the office of the first Defence Minister, the late Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein office who had served from August 31, 1957 to 22 September 1970. Ministry of Defence's first building was constructed by the Federal Government with a total cost of RM122,000.00 and was officiated by Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein on March 1960. The building which was constructed in Padang Tembak Road also placed the office for the Chiefs and Officers of Malaysian Armed forces of three services.*

*Ministry of Defence which was led by Defence Minister and assisted by a Deputy Ministry of Defence organization consist of two main services that is Public Service, headed by the Secretary General and the Malaysian Armed Forces (ATM) which was headed by Chief of Armed Forces. Ministry of Defence is responsible for the implementation of the National Defence Policy and all Management regarding defence affairs and resources provided to the Malaysian Armed Forces in defending the country.*

**MISI**
Memantapkan Pengurusan pertahanan Negara supaya kepentingan strategik, kedaulatan dan keutuhan Negara terjamin.

***MISION***
*Strengthening the management of National defence to ensure strategic importance, national sovereignty and integrity are secured.*

**VISI**
Menjadi sebuah organisasi pertahanan yang berwibawa bertaraf dunia berdasarkan Dasar Pertahanan Negara.

***VISION***
*To become a credible world class organization based on the National Defence Policy.*

**OBJEKTIF**
Mengurus pertahanan Negara secara cekap dan berkesan.

***OBJECTIVE***
*To manage the national defence efficiency and effectively.*





**PIAGAM PELANGGAN**

1. **MENGURUSKAN PERTAHANAN NEGARA DENGAN CEKAP DAN BERKESAN SUPAYA KEPENTINGAN STRATEGIK, KEDAULATAN DAN KEUTUHAN NEGARA SENTIASA TERJAMIN**

**1.1 PENGURUSAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK**

1.1.1 Menyediakan nota percakapan dan ikhtisar pertahanan untuk dimajukan ke Kementerian/ Agensi/ Organisasi Antarabangsa/ Organisasi Tempatan yang berkaitan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tarikh permohonan diterima.

1.1.2 Memajukan draf nota bantahan diplomatik dalam tempoh dua (2) hari bekerja mulai tarikh penerimaan laporan yang lengkap kepada Kementerian Luar Negeri.

1.1.3 Memberi pandangan kepada Kementerian Luar Negeri mengenai permohonan untuk kelulusan diplomatik bagi pesawat-pesawat dan kapal-kapal tentera asing dalam tempoh dua (2) hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.

1.1.4 Jawapan kepada pertanyaan jawab lisan Parlimen disiapkan dan dimajukan ke Pejabat Menteri atau Timbalan Menteri selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum tarikh menjawab di Parlimen.

**1.2 PEMBANGUNAN INDUSTRI PERTAHANAN (BIP)**

1.2.1 Mengeluarkan surat keputusan permohonan keahlian syarikat industri pertahanan sebagai ahli kumpulan kerja Majlis Industri

**CUSTOMER CHARTER**

*1.* ***TO EFFECTIVELY AND EFFICIENTLY MANAGE THE NATION'S DEFENCE TO ENSURE THAT THE COUNTRY'S SOVEREIGNTY, STRATEGIC INTEREST AND STRENGTH ARE ALWAYS UPHELD.***

**1.1 POLICY MANAGEMENT**

*1.1.1 To prepare brief and speaking notes on matters pertaining to defence for Ministries/ Agencies/ International Organizations/ Local Organizations within seven (7) days upon request.*

*1.1.2 To prepare diplomatic protest notes within two (2) working days from the date of receipt of the complete report, and to be submitted to the Ministry of Foreign Affairs.*

*1.1.3 To provide views and comments concerning diplomatic clearance application for foreign military ships and aircraft to Ministry of Foreign Affairs within two (2) working days upon receiving complete information.*

*1.1.4 To prepare and forward answers for Oral Parliamentary questions to the Minister's or Deputy Minister's Office no later than two (2) days before it is to be answered to Parliment.*

***1.2 DEVELOPMENT OF DEFENCE INDUSTRY***

*1.2.1 To issue decision letter on application by defence industry company for membership of a working group in Malaysian Industry Council for*

Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES) dalam tempoh dua (2) minggu setelah dokumen lengkap diterima dan semua prosedur dilaksanakan.

1.2.2 Menyediakan surat kelulusan credit offset (credit claim) dalam tempoh dua (2) minggu setelah dokumen lengkap diterima.

1.2.3 Mengkoordinasikan aktiviti/ penyertaan syarikat industri pertahanan ke pameran pertahanan antarabangsa empat (4) bulan sebelum pameran berlangsung.

## 1.3 PENYELIDIKAN PERTAHANAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL (STRIDE)

1.3.1 Permohonan R&D pertahanan dinilai dan dipertimbangkan dalam masa satu (1) bulan selepas penerimaan cadangan yang lengkap.

1.3.2 Menyelesaikan pengujian dan mengeluarkan laporan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan.

1.3.3 Mengesahkan dan mengeluarkan Sijil Spesifikasi Perolehan Pertahanan dalam tempoh tidak melebihi dua (2) bulan dari tarikh permohonan.

1.3.4 Menyelesaikan penyiasatan kegagalan dan mengeluarkan laporan dalam tempoh tidak melebihi dua (2) bulan dari tarikh permohonan.

## 1.4 KHIDMAT PERUNDANGAN (BUU)

1.4.1 Memberi perkhidmatan nasihat undang-undang yang berkualiti menurut Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang dengan mengikut keutamaan dalam masa empat (4) minggu selepas menerima permintaan yang dilengkapkan dengan maklumat latar belakang yang sempurna dan dokumen-dokumen yang berkaitan.

1.4.2 Mengeluarkan draf kontrak mengikut keutamaan dalam tempoh empat

*Defence, Enforcement and Security (MIDES) within two (2) weeks upon receipt of complete documents and all procedures are met.*

*1.2.2 To issue letter of approval pertaining to offset credit claim within two (2) weeks upon receipt of complete documents.*

*1.2.3 To coordinate the activities/ participation of defence industry companies in international defence exhibitions four (4) months prior to the exhibitions held.*

## *1.3 DEFENCE AND TECHNICAL SUPPORT RESEARCH*

*1.3.1 Consider and evaluate application for Defence R & D within one (1) month from the date of receipt of the complete proposal.*

*1.3.2 Complete request for testing and issue test report in less than one (1) month from the date of application.*

*1.3.3 Endorse and issue Endorsement Certificate for Procurement Specification in less than two (2) months from the date of application.*

*1.3.4 Complete request for failure investigation and issue report in no more than two (2) months from the date of application.*

## *1.4 LEGAL SERVICES*

*1.4.1 Providing quality legal advice based on Federal Constitution and the Law according to the priority within four (4) weeks after receiving a complete request with sufficient background information and related documents;*

*1.4.2 Preparation of contract drafts according to priority within four*





(4) minggu dari tarikh penerimaan arahan dengan syarat maklumat adalah lengkap dan sempurna.

## 1.5 PENGAUDITAN (BADSA)

1.5.1 Melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AIMS) secara 'on line'.

1.5.2 Menjalankan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Manual) terhadap PTJ mengikut giliran secara adil, bebas dan saksama.

1.5.3 Menyediakan Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan kepada auditi dalam tempoh 20 hari bekerja dari tarikh majlis penutupan.

1.5.4 Mengeluarkan Laporan Audit Prestasi yang objektif dan seimbang dalam tempoh 30 hari selepas pengauditan selesai dilaksanakan.

## 1.6 PENGURUSAN ADUAN PELANGGAN (UKK)

1.6.1 Memperakui penerimaan aduan kepada pengadu dalam tempoh 24 jam selepas penerimaan aduan.

1.6.2 Memberikan maklum balas tentang status aduan yang diambil tindakan sama ada telah selesai atau memerlukan siasatan lanjut dalam tempoh 10 hari berkerja dari tarikh penerimaan aduan.

# 2. MELAYANI DENGAN PENUH ILTIZAM SEGALA KEPERLUAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DALAM PEMBANGUNAN KEUPAYAAN DAN KESIAPSIAGAAN

## 2.1 BAHAGIAN PEROLEHAN

### PENGURUSAN PEROLEHAN KELENGKAPAN DAN PERKHIDMATAN

2.1.1 Proses pengurusan dan pentadbiran perolehan barangan dan perkhidmatan Kementerian

*(4) weeks from the date of receipt of instruction provided that the information is sufficient and complete;*

## *1.5 AUDITING*

*1.5.1 To carry out an on line Audit on Financial Management based on the Accountability Index (AIMS).*

*1.5.2 To conduct Financial Management Auditing (Manually) on each Responsibility Centre (RC) by rotation in a fair and independent manner.*

*1.5.3 To prepare an Audit Report for Financial Management for the Auditee within 20 working days from the date of the conference closure ceremony.*

*1.5.4 To produce a Performance Audit Report in an independent and balanced manner within 30 days after completion of an audit.*

## *1.6 CLIENT COMPLAINTS MANAGEMENT*

*1.6.1 To acknowledge complaints received from complainants within 24 hours.*

*1.6.2 To provide feedback regarding the status of the complaint, whether action has been taken or it needs further investigation, within 10 working days from the date of receipt of the complaint.*

# *2. COMMITTED TO SERVE THE NEEDS OF THE MALAYSIAN ARMED FORCES IN TERMS OF CAPABILITY DEVELOPMENT AND PREPAREDNESS.*

## *2.1 PROCUREMENT*

### *UTILITIES AND SERVICES MANAGEMENT*

*2.1.1 The management and administrative process for the procurement of supplies and services start from the*

Pertahanan daripada permohonan pengguna yang lengkap diterima sehingga Surat Setuju Terima (SST/LOA) hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut:-

*receipt of a complete application from the user until the issuance of the Letter of Acceptance shall be done within the stipulated period as follows:*

| Bil. No. | Kaedah Perolehan *Procument Method* | Jenis Perolehan *Procument Type* | Kaedah Penilaian *Evaluation Method* | Tempoh Masa (Hari Bekerja) *Duration (Working days)* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Sebutharga *Quotation* | - | Harga/*Price* | 73 |
| | | | Harga dan Teknikal *Price and technical* | 163 |
| 2. | Tender *Tender* | Terbuka & Terhad *Open and limit* | Harga/*Price* | 142 |
| | | | Harga dan Teknikal *Price and technical* | 246 |
| | | Antarabangsa *International* | Harga/*Price* | 177 |
| | | | Harga dan Teknikal *Price and technical* | 267 |

2.1.2 Semua kontrak perkhidmatan, rafio dan alat ganti hendaklah diperbaharui 14 hari sebelum kontrak semasa tamat bagi membolehkan keperluan berkenaan diterima.

*2.1.2 All contracts of services, rations and spare parts shall be renewed within 14 days before expiry of the current contracts.*

## 2.2 PENGURUSAN PROJEK INFRASTRUKTUR (PEMBANGUNAN)

## *2.2 PROJECT INFRASTRUCTURE MANAGEMENT (DEVELOPMENT)*

2.2.1 Proses pengurusan tender dan sebut harga bagi kontrak kerja daripada tarikh tutup tender atau sebut harga ditutup sehingga tarikh Surat Setuju Terima (SST/LOA) hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut:

*2.2.1 Tender and quotation process for the contract works from the date of the tender or quotation is closed until the date of the Letter of Acceptance (SST/LO) HAVE be implemented within the time specified as follows: -*

| Bil. No. | Kaedah Perolehan *Procument Method* | Tempoh masa *Duration* |
|---|---|---|
| 1. | Sebutharga / *Quotation* | 60 hari / *day* |
| 2. | Tender / *Tender* | 90 hari / *day* |

2.2.2 Dokumen kontrak disediakan untuk ditandatangani dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pengeluaran surat tawaran.

*2.2.2 Contract documents must be prepared within three months from the date of Letter of Acceptance (LOA).*





## 3. MELAYANI DENGAN PENUH ILTIZAM SEGALA KEPERLUAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DALAM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, KEWANGAN DAN ICT

## 3. COMMITTED TO SERVE THE NEEDS OF THE MALAYSIAN ARMED FORCES IN TERMS OF HUMAN RESOURCE MANAGEMENT, FINANCE AND ICT.

### 3.1 PENGURUSAN KEWANGAN

3.1.1 Semua program menerima waran peruntukan AM (WPA) dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh penerimaan waran daripada perbendaharaan melalui pegawai pengawal.

3.1.2 Permohonan kelulusan kewangan diproses dan diputuskan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.

### *3.1 FINANCE MANAGEMENT*

*3.1.1 All the respective Programs receive the General Allocation Warrant (GAW) in ten (10) workings day from the date the warrant is received from Treasury through the Controlling Officer.*

*3.1.2 Financial applications approval are processed within five (5) working days from the date of submission.*

### 3.2 PENGURUSAN BAYARAN (AKAUN)

3.2.1 Semua bil bayaran dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil lengkap diterima.

### *3.2 MANAGEMENT OF PAYMENTS*

*3.2.1 All bills must be settled within 14 days upon receiving fully supported.*

### 3.3 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

3.3.1 Mengkaji dan memberi pertimbangan ke atas semua kertas cadangan penambahbaikan dan permohonan elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan ATM untuk dikemukakan ke JPA dalam tempoh 21 hari dari tarikh kertas cadangan diterima.

3.3.2 Surat tawaran lantikan untuk urusan pengambilan kakitangan awam di bawah Perwakilan Kuasa P.U.(B) 496 dikeluarkan dalam tempoh lima (5) bulan dari tarikh iklan ditutup.

3.3.3 Melaksanakan sesi kaunseling atau intervensi psikologi dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja daripada permohonan diterima daripada individu atau Ketua Jabatan.

### *3.3 HUMAN RESOURCE MANAGEMENT (BPSM)*

*3.3.1 To review and consider all proposals and applications regarding improvements, allowances, terms and conditions of the Malaysian Armed Forces (MAF) services and submit them to the Public Service Department (PSD) within 21 days from the date of receiving the proposals.*

*3.3.2 The letter of appointment for recruitment of civil servants under the Delegation of Powers PU (B) 496 should be issued within five (5) months from the date the advertisement ends.*

*3.3.3 To carry out counselling or psychological interventions within ten (10) working days from the date the application is received from the individual or the Head of Department.*

### 3.4 PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ICT (BPM)

3.4.1 Memastikan rangkaian dan sistem aplikasi supaya mencapai tahap tidak kurang 99% ketersediaan capaian dalam tempoh waktu bekerja.

3.4.2 Memastikan sistem aplikasi digunakan sekurang-kurangnya 80% daripada pengguna berdaftar.

3.4.3 Menyelesaikan 100% insiden keselamatan ICT dalam tempoh 24 jam.

### *3.4 ICT MANAGEMENT & DEVELOPMENT*

*3.4.1 To ensure the network and application system achieves at least 99% accessibility during working hours.*

*3.4.2 To ensure the application system is utilized by at least 80% of registered users.*

*3.4.3 To fully resolve ICT security breach incidents within 24 hours.*

# 2011

# SEKTOR KETUA SETIAUSAHA
# SECRETARY GENERAL SECTOR

- **Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Am**
  ***Enternal Audit And Investigation Division***
- Bahagian Undang-undang
  *Legal Division*
- Jabatan Ketua Hakim Peguam
  *Judge Advocate General's Department*
- Unit Komunikasi Korporat
  *Corporate Communications Unit*
- Urusetia Majlis Angkatan Tentera
  *Armed Forces Council*
- Cawangan MinDef Sarawak
  *MinDef Sarawak Branch*
- Cawangan MinDef Sabah
  *MinDef Sabah Branch*

# BAHAGIAN AUDIT DALAM DAN SIASATAN AM (BADSA)

## *INTERNAL AUDIT AND INVESTIGATION DIVISION*

### RANCANGAN AUDIT TAHUNAN

Rancangan Tahunan 2011 BADSA adalah merangkumi Pengauditan Pengurusan Kewangan (Manual), Pengauditan Pengurusan Kewangan Secara Online - Accountability Index Monitoring System (AIMS), Pengauditan Prestasi/Kajian Audit, Pengauditan Di Pejabat Penasihat Pertahanan (MALAWAKIL) dan Pengauditan Khas/Siasatan. Penggunaan manual, soal selidik dan senarai semak yang seragam telah digunapakai bagi menghasilkan laporan yang berkualiti dan mengikut standard.

### *ANNUAL AUDIT PLAN*

*BADSA annual plan in 2011 consist of Audit on Financial Management (Manual), Accountability Index Monitoring System (AIMS), Performance Audit, Audit Presence in Defence Advisory Office (MALAWAKIL) and Special / Investigative Audit. BADSA had been using the uniformity of questionnaires and checklist to produce quality and standardize reports.*

### PENCAPAIAN KERJA

Pada tahun 2011, BADSA telah berjaya melaksanakan Rancangan Audit Tahunan yang telah ditetapkan. Kejayaan melaksanakan Rancangan Audit Tahunan yang telah disasarkan adalah hasil daripada kerjasama yang diberikan oleh semua pihak. Selain itu pertambahan bilangan pegawai/ kakitangan BADSA juga banyak memberi sumbangan daripada aspek kemahiran dan pengalaman termasuk percambahan fikiran ahli Tim Audit bagi menjayakan Rancangan Audit Tahunan yang telah ditetapkan. Jadual berikut menunjukkan ringkasan rancangan dan pelaksanaan Audit bagi tahun 2011.

### *ACHIEVEMENT*

*In year 2011, BADSA has successfully performed the annual audit plan. The accomplishments of the annual audit plan is a result of outstanding teamwork among the staffs. The increasing number of BADSA staff contribute to improved the variance range of skill sets and enhanced the knowledge based which lead to a success annual audit plan execution. The Audit Program is shown in the following schedule:-*

**JADUAL 1 : RINGKASAN RANCANGAN AUDIT TAHUNAN BERBANDING PENCAPAIAN BADSA 2011**
*TABLE 1 : SUMMARY OF ANNUAL PLAN vs BADSA ACHIEVEMENT IN 2011*

| Bil. *No.* | Jenis Pengauditan *Types Of Unit* | Rancangan Tahunan *Annual Report Plan* | Pencapaian Sebenar *Actual Performance* |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengauditan pengurusan kewangan (manual) *Financial management audit (manually)* | 73 PTJ *73 RCS* | 73 PTJ *73 RCS* |
| 2. | Pengauditan pengurusan kewangan secara online (AIMS) *Online financial management audit (AIMS)* | 103 PTJ *103 RCS* | 103 PTJ *103 RCS* |
| 3. | Pengauditan prestasi/kajian audit *Performance audit* | 17 Kajian *17 Reports* | 14 Kajian *14 Reports* |
| 4. | Pengauditan di pejabat penasihat pertahanan (MALAWAKIL) *Audit presence in defence advisory office (MALAWAKIL)* | 4 MALAWAKIL *4 MALAWAKIL* | 3 MALAWAKIL *3 MALAWAKIL* |
| 5. | i. Pengauditan khas *i. Special audit* ii. Siasatan am *ii. Investigative audit* | i.Berdasarkan arahan pengurusan atasan *i.Based on top management instruction* ii.16 Aduan awam *ii.16 Complaints* | i. 7 Kajian Khas *i. 7 Reports On Special Audit* ii. 12 Siasatan Am *ii. 12 Reports On Investigative Audit* |



Majlis Penyampaian Khidmat Cemerlang 2012 pada 12 dan 13 Mei 2012 di Auditorium Wisma Pertahanan
*The Give-away ceremony for excellent services 2012 on 12 nd and 13 rd 2012 at MinDef Auditorium*

### PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan bertujuan bagi menentukan wujudnya kawalan dalaman terhadap sesebuah organisasi. Tujuan audit adalah untuk menilai sama ada Pengurusan kewangan di Jabatan/ Bahagian telah mematuhi peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa. Tumpuan diberikan terhadap enam aspek kawalan dalaman iaitu Kawalan Pengurusan, Bajet, Terimaan/Hasil, Perbelanjaan, Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit serta Aset.

Pada tahun 2011, BADSA telah merancang untuk melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan terhadap semua 103 Pusat Tanggungjawab (PTJ). Tujuan pelaksanaan ke atas seluruh PTJ di Kementerian ini adalah untuk memastikan agar Kementerian dapat mencapai 4 Bintang dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara (JAN). Bagaimanapun disebabkan kekangan peruntukan kewangan, bilangan PTJ terpaksa dikurangkan menjadi 73 PTJ sahaja. Sasaran sebanyak 73 PTJ ini telah dapat dilaksanakan dengan baik. Hasilnya pada tahun 2011, Kementerian telah berjaya mendapat 4 Bintang dan menduduki senarai ke 7 dari 25 kementerian dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti oleh JAN.

### *FINANCIAL MANAGEMENT AUDIT (MANUALLY)*

*The Financial Management Audit is the audit approach to identify the internal control within any organisation. The Objective is to evaluate whether the financial management of the Department/ Division is in accordance with relevant financial laws and regulations. The focused is to emphasize on 6 main controls in financial management namely management, budgetary, receipt, expenditure, management of trust funds and deposits as well as management of assets and stores.*

*In 2011, BADSA has planned to implement the Financial Management Audit towards 103 Responsible Cost Center (RCs) in the Ministry. The purpose is to ensure the Ministry achieve 4 stars in Financial Management Audit based on Accountability Index by Auditor General Department. However, the number of audited RCs has been reduced to 73 RCs due to the financial constraint. All the 73 RCs were successful audited. As a result in 2011, the Ministry achieved 4 stars and was ranked 7th place out of 25 Ministries in Financial Management Audit Based on Accountability Index.*

### PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN SECARA 'ONLINE' (AIMS)

AIMS telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya terhadap semua 103 PTJ di Kementerian seperti yang telah dirancang. Pelaksanaan AIMS telah dibuat pada bulan Julai 2011. Bagaimanapun, pemantauan AIMS hanya dilaksanakan pada bulan Ogos hingga Disember 2011. Hasil daripada pemantauan tersebut, sebanyak 91 PTJ telah mendapat pengiktirafan 4 Bintang.

Tujuan AIMS dilaksanakan adalah untuk memberikan kesedaran kepada PTJ untuk mengesahkan semula kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh mereka melalui soalan yang disediakan. Sehubungan itu, proses ini akan memberi auditi ruang untuk melaksanakan pengauditan sendiri secara dalaman dan menjadikan mereka lebih bertanggungjawab serta meningkatkan komitmen terhadap tugasan yang dilaksanakan. Tahap Integriti yang sangat tinggi amat diperlukan bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan AIMS. Berikut adalah keputusan AIMS bagi tahun 2011.

### *ONLINE FINANACIAL MANAGEMENT AUDIT (AIMS)*

*AIMS was successfully implemented on 103 RCs by July 2011. Nevertheless, the monitoring of AIMS took placed in August to December 2011. As a result, 91 RCs were awarded with 4 stars.*

*The purpose of AIMS is to give awareness to RCs so that the verification of their task is executed through the series of questions. Therefore, this process will allow the auditee to perform the audit thoroughly themselves and educate them to be more responsible. This will also increase the commitment to the performed tasks. The highest level of integrity is needed to ensure effectiveness of AIMS. The results of AIMS in 2011 is stated below:-*

**JADUAL 2 : PENARAFAN BINTANG**
*TABLE 2 : STAR RATING*

| Bil. *No.* | Penarafan Bintang *Star Rating* | Peratusan (%) *Percentage (%)* | Prestasi PTJ *RCs Performance* | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Sebelum Semakan *Before Verification* | Selepas Semakan *After Verification* |
| 1. | ★★★★ | 95 - 100 | 101 | 101 |
| 2. | ★★ | 85 - 94.99 | 2 | 2 |
| 3. | ★ | 65 - 84.99 | 0 | 0 |
| | **JUMLAH** | | **103** | **103** |

## PENGAUDITAN PRESTASI / KAJIAN AUDIT

Pengauditan Prestasi/Kajian Audit yang dilaksanakan adalah berdasarkan aktiviti/program di jabatan/ bahagian di Kementerian. Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada Kementerian dapat mengurus atau menggunakan sumber dengan cara yang cekap, ekonomi dan berkesan selaras dengan perbelanjaan berhemat dalam mencapai objektif program/projek/aktiviti yang ditetapkan.

Sebanyak 18 Kajian Audit telah dirancang untuk dilaksanakan. Bagaimanapun hanya 14 kajian yang dapat dilaksanakan berdasarkan peruntukan sedia ada. Pemilihan tajuk kajian dibuat melalui 7 kriteria utama yang ditetapkan dalam Perancangan Stategik. Senarai tajuk kajian adalah seperti berikut:

## *PERFORMANCE AUDIT*

*The Performance Audit are selected based on the activity/program of department/division in the Ministry. The audit is performed to identify whether the Ministry is able to handle and use the resources efficiently, economically and in accordance with their objectives.*

*There are 18 Performance Audit which has been plan to be execute. However only 14 Performance Audit has been conducted based on the allocated budget. The topic were selected based on 7 main criterias in the Strategic Planning. The selected topic are as follows:*

**JADUAL 3 : PENGAUDITAN PRESTASI**
*TABLE 3 : PERFORMANCE AUDIT*

| Bil. *No.* | Pengauditan Prestasi *Performance Audit* |
|---|---|
| 1. | Pengurusan sistem simulator Angkatan Tentera Malaysia<br>*Management of Malaysian Armed Forces simulator system* |
| 2. | Keberkesanan pengurusan sistem pengangkutan anak-anak anggota Angkatan Tentera Malaysia ke sekolah<br>*Effectiveness of the transportation system management to school for army childrens* |
| 3. | Pengurusan aset di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (HATTM)<br>*Assets management at the Hospital Tuanku Mizan (HATTM)* |
| 4. | Pengurusan terhadap penggunaan bas Program Latihan Khidmat Negara<br>*Management of transportation system used for PLKN programme* |
| 5. | Pengurusan peralatan perabot rumah keluarga angkatan tentera (RKAT)<br>*Management of furnitures supply for malaysian army family members* |
| 6. | Pengurusan pengesahan spesifikasi perolehan, Kementerian Pertahanan<br>*To verify the specification of MinDef procurement* |
| 7. | Prasarana dan senggaraan sekolah dalam pengurusan ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) bagi tahun 2011<br>*The infrastructure and maintenance of Malaysian Armed Forces schools for the year 2011* |
| 8. | Pengurusan "Portable Electronik Target System (PETS)" di lapangsasar Tentera Darat<br>*Management of the Portable Electronic Target System (PETS) at the shooting range* |
| 9. | Program kebajikan sara hidup, persekolahan dan IPT JHEV.<br>*Management of the welfare and educations aid programme – cost of living aid, schooling aid and entrance to public institution of higher learning aid.* |
| 10. | Pengurusan sewaan bangunan/ pejabat Kementerian Pertahanan<br>*Management of premises rental for MinDef* |
| 11. | Pengurusan perolehan bagi pakaian no.5 Celoreng Tentera Darat<br>*The procurement of uniforms no. 5 for the Malaysian Army* |
| 12. | Pengurusan bayaran elaun perjalanan dari tempat kediaman ke tempat bertugas (Bat e 66)<br>*Management of travelling allowances from house to office (Bat e 66)* |
| 13. | Pengurusan dan senggaraan peralatan komunikasi ibusawat telefon Kementerian Pertahanan<br>*Management and maintenance of telecommunication equipments for MinDef* |
| 14. | Pengurusan unit – unit tentera di kem Paradise Kota Belud<br>*Management of armed forces units in paradise camp, Kota Belud* |





## PENGAUDITAN DI PEJABAT PENASIHAT PERTAHANAN (MALAWAKIL)

Sasaran terhadap 4 MALAWAKIL telah ditetapkan dalam Rancangan Tahunan Audit 2011 iaitu di MALAWAKIL Indonesia – Pontianak dan Jakarta, Moscow dan China-Beijing. Berdasarkan peruntukan yang ada, BADSA hanya berjaya melaksanakan Pengauditan ini terhadap 3 pejabat MALAWAKIL. Bagaimanapun, pejabat yang diaudit telah ditukar kepada pejabat MALAWAKIL di Lubnan, Jordan dan Yangon, Myanmar.

Seramai 5 pegawai Audit telah dihantar untuk tujuan pengauditan tersebut di mana setiap pejabat MALAWAKIL hanya 2 atau 3 pegawai audit yang terlibat.

## *AUDIT PRESENCE IN DEFENCE ADVISORY OFFICE (MALAWAKIL)*

*The target on 4 MALAWAKIL has been stated in the 2011 annual audit plans which are MALAWAKIL in Indonesia- Pontianak and Jakarta, Moscow and China-Beijing. Based on allocated budget, BADSA manage to audit 3 MALAWAKIL. However the audited offices are in Lebanon, Jordan and Yangon-Myanmar.*

*5 auditors were sent there for that auditing purpose whereby 2 or 3 auditors were involved in each MALAWAKIL.*

## PENGAUDITAN KHAS/SIASATAN AM

### 1.1 Pengauditan Khas

Pengauditan Khas yang dijalankan adalah berdasarkan kepada arahan daripada pihak pengurusan atasan. Hasil penguaditan khas tersebut akan dilaporkan secara terperinci kepada pihak atasan untuk tindakan selanjutnya. Kajian Khas yang dilaksanakan pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

## *SPECIAL / INVESTIGATIVE AUDIT*

### *1.1 Special Audit*

*Special Audit will be carried out based on instruction given from the Chief Secretary or highly authoritative personnel. The detailed report from this special audit will be reported to the top management for further action. The topic are as follows:*

**JADUAL 4 : PENGAUDITAN KHAS BERDASARKAN KAJIAN KHAS 2011**
*TABLE 4 : AUDIT BASED ON SPECIAL RESEARCH 2011*

| Bil. *No.* | Pengauditan Khas *Special Audit* |
|---|---|
| 1. | Pengauditan khas terhadap kontrak penswastaan makanan desatera *Special audit on food privatisation contract* |
| 2. | Pengauditan khas terhadap pembelian terus di 5 briged, Kem Lok Kawi, Sabah *Special audit on direct purchase in 5 briged, Kem Lok Kawi, Sabah* |
| 3. | Pengauditan khas terhadap pembelian terus di 6 briged, Kem Sungai Layar, Kedah *Special audit on direct purchase in 6 briged, Kem Sungai Layar, Kedah* |
| 4. | Pengauditan khas terhadap pembelian terus di Markas Wilayah Laut 2, Teluk Sepanggar, Sabah *Special audit on direct purchase in Markas Wilayah Laut 2, Teluk Sepanggar, Sabah* |
| 5. | Pengauditan khas terhadap pembelian terus di Markas Wilayah Laut 3, Pulau Langkawi, Kedah *Special audit on direct purchase in Markas Wilayah Laut 3, Pulau Langkawi, Kedah* |
| 6. | Pengauditan khas terhadap pembelian terus di Pangkalan Udara Butterworth, Pulau Pinang *Special audit on direct purchase in Pangkalan Udara Butterworth, Pulau Pinang* |
| 7. | Pengauditan khas terhadap pembelian terus di Markas Bantuan Lumut, Perak *Special audit on direct purchase in Markas Bantuan Lumut, Perak* |

### 1.2 Siasatan Am

Sebanyak 16 aduan telah diterima daripada individu dan jabatan untuk dibuat siasatan. Bagaimanapun, hanya 12 aduan telah disiasat dan dilaporkan kepada pihak pengurusan atasan Kementerian. Manakala 4 aduan lagi tidak perlu disiasat kerana tidak mempunyai asas yang kukuh.

### *1.2 Investigative Audit*

*There were 16 complaints reported by individuals and department for investigation. Thus, 12 complaints had been investigated and reported to the top management. However 4 complaints were ignored due to lack of concrete evidences.*



# 2011
# SEKTOR KETUA SETIAUSAHA
# SECRETARY GENERAL SECTOR

- Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Am
  *Enternal Audit And Investigation Division*
- **Bahagian Undang-undang**
  ***Legal Division***
- Jabatan Ketua Hakim Peguam
  *Judge Advocate General's Department*
- Unit Komunikasi Korporat
  *Corporate Communications Unit*
- Urusetia Majlis Angkatan Tentera
  *Armed Forces Council*
- Cawangan MinDef Sarawak
  *MinDef Sarawak Branch*
- Cawangan MinDef Sabah
  *MinDef Sabah Branch*



Bantuan Air bersih oleh SYABAS pada 3 dan 4 Februari 2011 di Segamat, Johor
*Clean Water Assistance by SYABAS on 3rd and 4th february 2011 in Segamat, Johor*

# BAHAGIAN UNDANG-UNDANG
## *LEGAL DIVISION*

### PENDAHULUAN

- Bahagian Undang-Undang bertanggungjawab terhadap perkara-perkara perundangan yang melibatkan Kementerian Pertahanan Malaysia;

- Fungsi Bahagian Undang-Undang adalah memberikan perkhidmatan perundangan kepada Kementerian Pertahanan Malaysia dengan menjalankan fungsi atau peranan Peguam Negara di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan;

- Antara skop utama perkhidmatan perundangan yang diberikan ialah:

**a) *Perkara-perkara nasihat (Advisory)***
Ia meliputi penyediaan pandangan undang-undang, nasihat perundangan, penyediaan dan semakan dokumen perjanjian atau memorandum persefahaman (MOU) dan lain-lain.

**b) *Perkara-perkara gubalan***
Ia meliputi penggubalan dan semakan dokumen-dokumen perundangan iaitu:
i) Perundangan Utama;
ii) Perundangan Subsidiari; dan
iii) Lain-lain bahan perundangan seperti Warta atau Pemberitahuan Kerajaan.

**c) *Guaman Sivil***
Ia meliputi tindakan-tindakan guaman dalam mewakili Kerajaan Malaysia dalam apa-apa kuasa tindakan oleh dan bagi pihak Kerajaan atau terhadap Kerajaan.

### *INTRODUCTION*

- *Legal Division is responsible for legal affairs relating to the Ministry of Defence, Malaysia;*

- *The Legal Division provides legal services to the Ministry of Defence Malaysia in carrying out the role and function of the Attorney General provided under Article 145 of the Federal Constitution;*

- *The main scope of legal services provided are:*

***a) Advisory***
*It covers the preparation of legal opinions, legal advice, document preparation and vetting of the agreement or memorandum of understanding (MOU) and others.*

***b) Drafting***
*It covers the formulation and revision of legal documents, namely:*
*i) Primary legislation;*
*ii) Subsidiary Legislation; and*
*iii) Other legal instruments such as Gazette or the Government Notification.*

***c) Civil litigation;***
*It covers legal actions in representing the Government of Malaysia in any cause of action by and on behalf of the Government.*

### AKTIVITI PERUNDANGAN 2011

i) Akta Veteran 2011 [Akta 740] telah diluluskan oleh Parlimen serta mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong. Ia telah disiarkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan pada 9 Februari 2012.

### *ACTIVITIES 2011*

*i) Veterans Act 2011 [Act 740] has been approved by the Parliament and received Yang di-Pertuan Agong assent. It was published in the Federal Government Gazette on 9 February 2012.*







MALAYSIA
Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA
*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*
*PUBLISHED BY AUTHORITY*
9hb Februari 2012
TAMBAHAN No. 2 AKTA

Akta-Akta Parlimen yang berikut, yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen dan dipersetujui oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, adalah diterbitkan menurut Fasal (5) Perkara 66 Perlembagaan:

The following Acts of Parliament, passed by both Houses of Parliament and assented to by his Majesty the Yang di-Pertuan Agong, are published pursuant to Clause (5) of Article 66 of the Constitution:

Akta 739 — Akta Pemulihan Rakyat 1Malaysia 2012
Akta 740 — Akta Veteran 2012
Veterans Act 2012

ii) Kaedah-Kaedah Angkatan Sukarela (Gaji dan Elaun) 2011 telah diluluskan dan disiarkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan pada 10 Mac 2011 melalui warta bernombor P.U. (A) 74/2011.

*ii) Volunteer Forces (Pay and Allowances) 2011 was approved and published in the Federal Government gazette on 10 March 2011 through Gazette numbered P.U. (A) 74/12.*



MALAYSIA
Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA
*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*
*PUBLISHED BY AUTHORITY*
10hb Mac 2011
AKTA ANGKATAN TENTERA 1972

iii) Kursus Lanjutan Undang-Undang Khas (anjuran bersama Bahagian Undang-Undang dan Jabatan Ketua Hakim Peguam);

- Kursus yang merupakan salah satu wadah menyatukan dan meningkatkan kerjasama antara semua pegawai dan kakitangan sokongan di samping memahami prosedur asas undang-undang dengan lebih jelas bagi tujuan melicinkan kerja dan pentadbiran seharian Bahagian Undang-Undang dan Jabatan Ketua Hakim Peguam;

*iii) Legal Advanced Course ( jointly organized by Legal Division and Judge Advocate General Department)*

- *The course is one platform to consolidate and improve cooperation between management and support staff as well as to understand the basic procedures of law more clearly for the purpose of facilitating the daily work and administration of the Legal Division and Judge Advocate General Department;*

- Kursus Lanjutan Undang –Undang Khas adalah bertujuan untuk memberikan hala tuju yang jelas dan bimbingan kepada semua pegawai dan kakitangan mengenai prosedur asas undang-undang agar dapat memantapkan perkhidmatan perundangan di Kementerian Pertahanan;

- Kursus tersebut telah diadakan pada 25 – 27 November 2011 di A Famosa Resort Hotel Melaka.

- *Legal Advanced Course is intended to provide clear direction and guidance to all officers and employees on the basis of legal procedures in order to strengthen the legal services of the Ministry of Defence.*

- *The course was held on 25 to 27 November 2011 at A'Famosa Resort Hotel Malacca.*



Peserta kursus bersama Setiusaha Bahagian Undang-Undang
*Participant with Secretary of Legal Division*



Kusus Lanjutan Undang-Undang
*Legal Advanced Course*

# 2011 SEKTOR KETUA SETIAUSAHA SECTOR SECRETARY GENERAL

- Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Am
  *Enternal Audit And Investigation Division*
- Bahagian Undang-undang
  *Legal Division*
- **Jabatan Ketua Hakim Peguam**
  ***Judge Advocate General's Department***
- Unit Komunikasi Korporat
  *Corporate Communications Unit*
- Urusetia Majlis Angkatan Tentera
  *Armed Forces Council*
- Cawangan MinDef Sarawak
  *MinDef Sarawak Branch*
- Cawangan MinDef Sabah
  *MinDef Sabah Branch*

# JABATAN KETUA HAKIM PENGUAM
## *JUDGE ADVOCATE GENERAL'S DEPARTMENT*

**PENDAHULUAN**

Jabatan Ketua Hakim Peguam adalah salah satu bahagian yang diletakkan di bawah pentadbiran Ketua Setiausaha.

Bahagian ini diketuai oleh seorang Ketua Hakim Peguam dan dibantu oleh seorang Hakim Peguam serta tiga orang kakitangan sokongan.

**VISI**

Menjadi sebuah organisasi berwibawa dalam memberikan perkhidmatan perundangan kepada Angkatan Tentera Malaysia.

**MISI**

Mengawal selia sistem perundangan ketenteraan untuk melaksanakan keadilan dengan cekap selaras dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang ketenteraan.

**FUNGSI**

a. Menasihati Majlis Angkatan Tentera, pegawai pengesah dan pihak berkuasa ulangkaji tentang keesahan dapatan dan hukuman Mahkamah Tentera;

b. Menasihati Majlis Angkatan Tentera dan pegawai Angkatan Tentera mengenai apa-apa perkara lain yang dirujukkan kepadanya dari semasa ke semasa; dan

c. Melantik orang yang mempunyai pengalaman undang-undang untuk bertindak sebagai Hakim Peguam dalam Mahkamah Tentera.

**KETUA HAKIM PEGUAM**

Jawatan Ketua Hakim Peguam adalah satu jawatan yang diwujudkan oleh Undang-Undang. Ketua Hakim Peguam adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Seksyen 150(1) Akta Angkatan Tentera 1972 memperuntukkan

> ***"150(1) Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seseorang yang sesuai untuk melaksanakan bagi angkatan tentera tugas-tugas yang boleh dijalankan oleh***

*INTRODUCTION*

*The Judge Advocate General's Department is one of the sections placed under the Chief Secretary's administration.*

*This section is headed by a Judge Advocate General and assisted by a Judge Advocate and three supporting staffs.*

*VISION*

*To be a credible organization in terms of providing legal services to the Armed Forces of Malaysia.*

*MISSION*

*Regulate the military legal system for the efficient administration of justice, in accordance with the requirements of the Federal Constitution and Military Laws.*

*FUNCTION*

*a. To advise the Majlis Angkatan Tentera, confirming officers and reviewing authorities regarding the validity of the findings and sentences of the court-martial;*

*b. To advise the Majlis Angkatan Tentera and the Armed Forces officers on any other matters referred to it from time to time and;*

*c. To appoint person having legal experience to act as Judge Advocate in the court-martial.*

*JUDGE ADVOCATE GENERAL*

*The Judge Advocate General post is a post established by law. The Judge Advocate General is appointed by the Yang di-Pertuan Agong according to section 150 (1) Armed Forces Act, 1972 which provides:*

> ***"150 (1) The Yang di-Pertuan Agong may appoint a suitable person to perform***



Majlis Pembungkusan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2011
*Aidilfitri 2011 Goodies Packing Ceremony*





> ***Ketua Hakim Peguam dengan sah di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain."***

Syarat perlantikan Ketua Hakim Peguam disebut dalam sub-seksyen (3):

> ***"150(3) Orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah sama ada merupakan seorang anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang telah berkhidmat selama tidak kurang daripada lima tahun, atau seorang peguambela dan peguamcara yang telah menjalankan amalan selama tidak kurang daripada lima tahun, atau seorang yang berkelayakan mengikut pengertian Akta Profesion Undang-Undang 1976 (Akta 168), yang telah berkelayakan sedemikian selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun."***

Majlis Angkatan Tentera dalam mesyuarat ke 354 pada 10 Disember 1996 telah mengesahkan tugas-tugas Ketua Hakim Peguam seperti berikut:

1. Memberi khidmat nasihat undang-undang kepada Majlis Angkatan Tentera, pegawai pengesah dan pihak berkuasa ulangkaji tentang sahnya keputusan-keputusan dan hukuman-hukuman Mahkamah Tentera;

2. (a) Memberi khidmat nasihat undang-undang kepada Majlis Angkatan Tentera dan pegawai-pegawai Angkatan Tentera tentang perkara-perkara yang berkait dengan Akta Angkatan Tentera, 1972, atau undang-undang dan peraturan lain;

   (b) Memberi khidmat nasihat undang-undang yang dirujuk oleh pegawai-pegawai awam Kementerian atau pegawai-pegawai Angkatan Tentera berhubung isu-isu yang terkandung di dalam Akta Angkatan Tentera, 1972 dan perundangan-perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya; dan

   (c) Menghadiri dan memberi khidmat nasihat undang-undang kepada berikut:

> ***in respect of the armed forces the functions which under this Act or any other written law exercisable by the Judge Advocate General."***

*The requirement for appointing the Judge Advocate General is stated in sub-section (3):*

> ***"150 (3) the person appointed under subsection (1) shall either be a member of the judicial and legal service of not less than five years' or an advocate and solicitor of not less than five years' standing, or a qualified person within the meaning of the Legal Profession Act 1976 (Act 168), who has been so qualified for a period of not less than five years"***

*The Majlis Angkatan Tentera in the 354th meeting on 10 December 1996 had confirmed the duties of Judge Advocate General as follows:*

*1. To provide legal advice to the Majlis Angkatan Tentera, confirming officers and reviewing authorities regarding the legality of the decisions and sentences in court-martial;*

*2. (a) To provide legal advice to the Majlis Angkatan Tentera and the Armed Forces officers on matters relating to the Armed Forces Act,1972, or other laws and regulations;*

*(b) To provide legal advice referred to by public officers or Armed Forces officers on issues contained in the Armed Forces Act 1972 and subsidiary legislation made hereunder; and*

*(c) Attending and giving legal advices to the following:*

i. Majlis Angkatan Tentera
ii. Jawatankuasa Penasihat Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota (JAKSPA)
iii. Lembaga-lembaga yang ditubuhkan oleh Majlis Angkatan Tentera, termasuk:
   a. Lembaga yang ditubuhkan oleh Perintah Majlis Angkatan Tentera seperti PMAT 3/91:
      - Majlis Tertinggi
      - Lembaga 1
      - Lembaga 2
      - Lembaga 3
   b. Apa-apa lembaga atau badan lain yang ditubuhkan oleh Majlis Angkatan Tentera.
iv. Jawatankuasa Tetap Bersama; dan
v. Lembaga Siasatan.

3. Melantik orang-orang yang mempunyai pengalaman undang-undang untuk bertindak sebagai Hakim Peguam di Mahkamah Tentera.

**HAKIM PEGUAM**

Hakim Peguam dilantik oleh Ketua Hakim Peguam untuk menjalankan tugas di Mahkamah Tentera yang melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan Darat, Laut dan Udara. Kehadiran Hakim Peguam adalah perlu untuk menasihati isu undang-undang.

Pada teorinya Hakim Peguam adalah seorang yang berkelayakan undang-undang yang dilantik oleh Ketua Hakim Peguam. Sekiranya Ketua Hakim Peguam gagal melantik Hakim Peguam, maka Hakim Peguam boleh dilantik oleh Pegawai Sidang. Bagaimanapun pada amalan sekarang Hakim Peguam adalah seorang pegawai undang-undang yang dipinjamkan dari Jabatan Peguam Negara. Tugas-tugas seorang Hakim Peguam adalah diperuntukkan di bawah Kaedah 103, Kaedah-Kaedah Acara Angkatan Tentera (Mahkamah Tentera) 1976. Dengan kata lain Hakim Peguam adalah penasihat undang-undang di Mahkamah Tentera.

*i. The Majlis Angkatan Tentera*
*ii. Advisory Committee of the Assistant Chief Staff of Member Service*

*iii. Boards that are established by the Majlis Angkatan Tentera, including:*

   *a. Board established by the Order of the Majlis Angkatan Tentera as PMAT 3/91:*
      *- The Supreme Council*
      *- Board No.1*
      *- Board No.2*
      *- Board No.3*
   *b. Any board or other body established by the Majlis Angkatan Tentera:*
*iv. Joint Permanent Committee, and*
*v. Board of Investigation.*

*3. Appointing persons having legal experience to act as Judge Advocates at Courts-Martial.*

***JUDGE ADVOCATE***

*Judge Advocate is appointed by the Judge Advocate General to carry out duty in the Court-Martial involving the three services; Army, Navy and Air Force. The presence of Judge Advocate is necessary in advising legal issues.*

*Theoretically, the Judge Advocate is a legally qualified person appointed by the Judge Advocate General. If the Judge Advocate General fails to appoint the Judge Advocate, the appointment may be made by the convening officer. However, in the current practice, Judge Advocate is a legal officer borrowed from the Attorney General Chamber. The duties of a Judge Advocate are stated under Rule 103, Armed Forces (Court-Martial) Rules,1976. In other words, Judge Advocate is a legal advisor in the Court-Martial.*



# 2011 SEKTOR KETUA SETIAUSAHA SECRETARY GENERAL SECTOR

- Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Am
  *Enternal Audit And Investigation Division*
- Bahagian Undang-undang
  *Legal Division*
- Jabatan Ketua Hakim Peguam
  *Judge Advocate General's Department*
- **Unit Komunikasi Korporat**
  ***Corporate Communications Unit***
- Urusetia Majlis Angkatan Tentera
  *Armed Forces Council*
- Cawangan MinDef Sarawak
  *MinDef Sarawak Branch*
- Cawangan MinDef Sabah
  *MinDef Sabah Branch*

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
## *CORPORATE COMMUNICATIONS UNIT*

### PENDAHULUAN

Unit Komunikasi Korporat telah distrukturkan semula melalui Waran Perjawatan Bil K41/09 Kementerian Pertahanan Malaysia – Perjawatan bagi Unit Komunikasi Korporat bertarikh 7 April 2009. Sehubungan itu, 14 perjawatan awam dan 30 tentera diwujudkan dan diselaraskan dibawah bahagian baru iaitu Unit Komunikasi Korporat (UKK) bagi menggantikan Cawangan Perhubungan Awam (CPA) yang diletakkan dibawah Bahagian Pentadbiran. Melalui perbentangan Kertas Kerja oleh Kementerian Pertahanan (semasa) yang bertajuk “Kertas cadangan pemantapan Perhubungan Awam Kerajaan”, telah dipersetujui agar Unit Perhubungan Awam Kementerian diletakkan terus di bawah Ketua Setiausaha (Perkara (5)(b)(iii)). Ini adalah bagi merealisasikan peranan para pegawai perhubungan awam sebagai penasihat kepada pengurusan tertinggi dalam pengurusan media dan perhubungan awam bukan setakat mengumpul media tertentu. Secara langsung tindakan ini dapat melancarkan proses penyampaian maklumat kepada umum.

### FUNGSI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Antara fungsi utama Unit Komunikasi Korporat ialah dalam memberikan perkhidmatan perhubungan awam serta keperluan hal ehwal korporat Unit iaitu melalui:

- Mewujudkan khidmat pengurusan pentadbiran yang cekap bagi mendukung objektif, misi dan visi Unit Komunikasi Korporat.
- Menguruskan sumber-sumber komunikasi melalui pendekatan rujukan dan penerbitan yang efektif dan komprehensif.
- Menentukan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan MinDef sejajar dengan keperluan dan seiring dengan garis panduan pengurusan pelanggan oleh MAMPU.

### *INTRODUCTION*

*Corporate Communications Unit has been restructed through Designation Warrat No K41/09 Ministry of Defence Malaysia – Establishment of the Corporate Communications Unit dated 7 April 2009. 14 civil and 30 military personnel were established and adjusted under the new division, Corporate Communications Unit (UKK) to replace the Public Relations Branch (CPA) that are placed under the Administration Division. Through the presentation made by the Ministry of Defence (currently) entitled “Enhancement proposal and the Government Public Relations”, the meeting agreed that the Public Relations Unit should be placed directly under the Secretary General (Article (5)(b)(iii)). This is to realize the role of Public Relations Officer as an advisor to the top management performance in media management and public relations by not just depending on certain media. This action will also help to facilitate the delivery of information to the public.*

### *CORPORATE COMMUNICATION FUNCTION*

*Among the main functions of the Corporate Communications Unit is based on role of each section/cell that exist in providing public relations services and corporate affairs needs:*

- *Create an efficient administrative management services to support the objectives, mission and vision of the Corporate Communications Unit.*
- *To manage communications resources through reference approach and an effective and comprehensive publication.*
- *To determine the best services to all MinDef customers and in line with customer management guidelines by MAMPU.*



Sambutan Hari Pahlawan pada 31 Julai 2011 bertempat di Dataran Merdeka
*Warrior Day Celebration on 31st July 2011 at Merdeka Square*





- Memberikan maklum balas tentang status aduan yang diambil tindakan samada telah selesai atau memerlukan siasatan lanjut dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan.
- Menguruskan program promosi khususnya kearah mencapai objektif Unit Komunikasi Korporat dan sekaligus membangunkan imej Kementerian Pertahanan.
- Merakam acara-acara/Program rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian Pertahanan serta Angkatan Tentera Malaysia untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.
- Memberi perkhidmatan dalam memantau portal rasmi Kementerian Pertahanan serta menerbitkan program-program video berbentuk treler untuk tayangan berbentuk promosi di stesen-stesen Tv.
- Membina kredibiliti dan meningkatkan imej MinDef dengan publisiti yang membina serta mengekalkan hubungan baik bersama pihak media.

### AKTIVITI UTAMA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2011, Unit Komunikasi Korporat memberi tumpuan aktiviti-aktiviti utama iaitu:

i. Memperakukan penerimaan aduan dalam tempoh 1 hari bekerja dan memberikan maklumbalas tentang status aduan yang diambil tindakan sama ada telah selesai atau memerlukan siasatan lanjut dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan. Sepanjang tahun 2011, Unit Komunikasi Korporat telah berjaya menyelesaikan aduan dalam tempoh 10 hari sebanyak 143 kes dan menjadikan peratus penyelesaian dalam tempoh 10 hari ialah 74.09%. pecahan adalah berdasarkan Jadual dibawah.

- *To provide feedback on the status of complaints have either been completed or require further investigation withi 10 days working days form the date of receipt of the complaints.*
- *To manage promotional programs, particularly towards achieving the objectives of the Corporate Communications Unit and thus develop the image of the Ministry of Defence.*
- *To record the special events/activities organized by the Ministry of Defence and Malaysia Armed Forces to serve as reference material.*
- *To monitor Ministry Of Defence official portal and publish video programs for broadcast in the form of promotional trailers on Tv stations.*
- *To build credibility and enhance the image of MinDef, to build publicity and maintain good relations with the media.*

### *MAIN ACTIVITIES FOR CORPORATE COMMUNICATIONS UNIT*

*As set forth in the Annual Work Target (SKT) in 2011, Corporate Communications Unit is focuses on key activities that is:*

*i. Certifying receipt of a complaint within a day and provide feedback on the status of complaints either completed or require further investigation within 10 working days from the date of receipt of the complaint. During the year 2011, the Corporate Communications Unit has successful in resolving a complaint within 10 days of 143 percent of cases and make settelment within 10 days is 74.09%. fraction is baesd on the table below:*

**JADUAL 1: PERATUSAN PENYELESAIAN ADUAN MINDEF SEPANJANG TAHUN 2011.**
***TABLE 1: PERCENTAGE OF MINDEF COMPLAINTS THROUGHOUT THE YEAR 2011***

| Bil. *No.* | Sumber Aduan *Complaints Resource* | Terima *Received* | Selesai 10 Hari *Settle within 10 days* | % Selesai 10 Hari *% Settle within 10 days* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Akhbar *News Paper* | 46 | 42 | 97.82 |
| 2 | Hari bertemu Pelanggan *Customer Day* | 2 | 2 | 100 |
| 3 | Laman Web 1Malaysia *1Malaysia Portal* | 2 | 2 | 100 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4 | Telefon<br>*Telephone* | 6 | 5 | 83.33 |
| 5 | Emel<br>*Email* | 6 | 6 | 100 |
| 6 | Surat<br>*Letters* | 7 | 5 | 71.42 |
| 7 | Borang Laman Web (iSPAA)<br>*Form (iSPAA)* | 80 | 48 | 60 |
| 8 | Biro Pengaduan Awam<br>*Public Complaints Bereau* | 44 | 30 | 68.18 |
| | **JUMLAH**<br>***TOTAL*** | **193** | **143** | **74.09** |

ii. Melaksanakan Kajian Kepuasan Pelanggan bagi mengkaji kepuasan pelanggan terhadap Kementerian Pertahanan. Kajian ini telah dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu Siri 1/2011 pada bulan Mei dan Siri 2/2011 dilaksanakan pada Oktober.

*ii. To exexute the customer satisfaction survey to study their satisfaction of Ministry of Defence. This study was performed twice series 1/2011 in May and Series 2/2011 that was carried out on October.*

iii. Penyediaan Pelan Media untuk semua aktiviti teras Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia seperti berikut:
- Hari Ulang Tahun Angkatan Tentera Malaysia.
- Hari Ulang Tahun Tentera Darat.
- Hari Ulang Tahun Tentera Laut
- Hari Ulang Tahun Tentera Udara
- Perarakan Panji-Panji Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong.
- Hari Pahlawan
- Majlis Wakaf Al-Quran
- Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa (LIMA)

*iii. Media plan preparation for all core activities of the Minstry of Defence and Malaysia Armed Forces as follows:*
- *Anniversary of the Malaysian Armed Forces*
- *Anniversary of Army*
- *Anniversary of Navy*
- *Anniversary of Air Force*
- *Trooping of the Colours by His Majesty the King.*
- *Warrior Day*
- *Council Quran Endowments*
- *Langkawi International Maritime Aerospace (LIMA)*

iv. Mengukuhkan hubungan kerjasama dengan pihak media dengan mengadakan Lawatan Editor-Editor Kanan di Pulau Ops Pasir Selatan pada 22 Julai 2011. Selain itu juga, bagi menghargai wartawan dan sumbangan khas kepada Kementerian Pertahanan, Unit Komunikasi Korporat telah melaksanakan Malam Apresiasi 1MinDef di Hotel Renaissance yang dihadiri oleh Y.Bhg Menteri Pertahanan.

*iv. Strengthening relationships with the media by holding a Visit Senior for Editor at Sand Island South Ops July 22, 2011. In addition, to rewards on the journalists for their special contribution to the Ministry of Defence, Corporate Communications Unit has implement 1MinDef Appreciation Night at the Renaissance Hotel which was attented by Minister of Defence.*





Malam Apresiasi 1MinDef
*1MinDef Appreciation Night*





v. Kanival 1MinDef atau sebelum ini juga dikenali sebagai Ekspo Kerjaya, Pendidikan dan Inovasi Kementerian Pertahanan. Ianya merupakan aktiviti tahunan yang menyediakan pameran statik dan kaunter khidmat pelanggan sebagai salah satu promosi kepada orang ramai berkenaan fungsi dan tanggungjawab Kementerian Pertahanan kepada Negara. Selain itu, program lain yang turut dilaksanakan bersama ialah demonstrasi oleh ATM dan pemeriksaan kesihatan percuma kepada orang awam. Objektif ekspo ini diadakan adalah seperti berikut:
- Memberi pendedahan dan menarik minat orang ramai khususnya belia untuk menyertai perkhidmatan ATM atau merebut peluang pendidikan di institusi yang terletak di bawah Kementerian Pertahanan.
- Memberi pendedahan berkenaan peranan ATM dalam aspek sumbangan terhadap pertahanan dan keselamatan Negara.
- Memupuk dan menyemai semangat serta cintakan negara dan kesedaran tentang tanggungjawab bersama mempertahankan Negara.
- Menyalurkan maklumat semasa kepada masyarakat terutamanya tentang fungsi dan peranan agensi – agensi yang terletak di bawah Kementerian Pertahanan.
- Menjadi medium untuk masyarakat menyalurkan cadangan dan aduan menerusi kaunter khidmat pelanggan.

*v. Carnival 1MinDef or formerly known as Ministry of Defence Career, Education and Innovation Expo is an annual event that provides a static display and customer service counter as a promotion to the public on the functions and responsibilities of Ministry of Defence. In addition, other programs that also being implemented is the demonstration by the ATM and free health screenings for the public. The objective of this expo is as follows:*
- *To expose and to attract people attention especially the youngsters to join in the armed forces besides to grab the education chances offered in the institutions that were administrated under MinDef.*
- *Provide exposure concerning the roles of Malaysian Armed Forces in terms of contribution to the national defence and security.*
- *Fostering and nurturing the spirit and love for the country and a sense of mutual responsibility to defend the country.*
- *To channel current information to the community, particularly the role and functions of the agencies under the Ministry of Defence.*
- *Become a medium to channel public suggestions and complaints through customer service counter.*



Siri 1/2011 Shah Alam, Selangor
*Siries 1/2011 Shah Alam, Selangor*



Siri 2/2011 Presint 2, Putrajaya
*Siries 2/2011 Presint 2, Putrajaya*



Siri 3/2011 Sandakan, Sabah
*Series 3/2011 Sandakan, Sabah*



Siri 4/2011 Johor Bahru, Johor
*Series 4/2011 Johor Bahru, Johor*

v. MinDef juga telah menerbitkan bahan-bahan penerbitan iaitu Buletin PATRIOT dan Laporan Tahunan MinDef bagi tahun 2010. Ini bagi memastikan penyaluran maklumat yang maksimum kepada pihak pentadbiran/ pengurusan Kementerian Pertahanan, lain-lain Kementerian, agensi awam dan Pusat Pengajian Tinggi Awam. Selain itu juga, Unit Komunikasi Korporat juga menyelaras dalam penerbitan sisipan-sisipan khas bagi aktiviti utama di MinDef.

*vi. MinDef has published materials and PATRIOT Buletin and Annual Report for 2010. This is to ensure the maximum dissemination of information to the administration / management of the Defence Ministry, other ministries, public agencies and the public High School. In addition, the Corporate Communication Unit also coordinate the publication of an insertion of the main activities of MinDef.*



Penerbitan Buletin PATRIOT tahun 2011 sebanyak 3 kali setahun dan Laporan Tahunan 2010
*PATRIOT Bulletin publication is made 3 times a year and Annual Report 2010.*

vi. Sepanjang tahun 2011, Unit Komunikasi Korporat telah menerbitkan 18 buah video termasuklah video korporat MinDef, Sambutan-sambutan Hati Ulang Tahun perkhidmatan serta video sorotan bulanan yang ditayangkan kepada umum melalui Tv Interaktif MinDef.

*vii. During 2011, the Corporate Communicatios Unit has published 18 videos including MinDef corporate video, celebration, service anniversary celebration and monthly highlights video that was shown to the public through MinDef interactive Tv.*

## PENCAPAIAN UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

i. Kementerian Pertahanan telah mendapat Sijil khas dari Biro Pengaduan Awam Malaysia berdasarkan prestasi cemerlang Kementerian Pertahanan melalui Unit Komunikasi Korporat dalam menyelesaikan aduan yang diterima oleh Kementerian Pertahanan sepanjang tahun 2011.

ii. Hasil kerjasama dan usaha yang telah diberikan oleh semua anggota, Unit Komunikasi Korporat antara penerima Sijil Pencapaian Terbaik dalam program Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Tahun 2011.

## *ACHIEVEMENT OF CORPORATE COMMUNICATIONS UNIT*

*i. Ministry of Defence received a special certificate from the Malaysia Public Complaints Bereau based on it's performance of through Corporate Communications Unit in the resolution of complaints received by Ministry of Defence during the year 2011.*

*ii. The cooperation and efforts given by all members of the Corporate Communications Unit has qualified MinDef to Certificate of Achievement of the Best in Quality Environement (5S Practices) program 2011.*









Sijil-sijil Penghargaan
*Appreciation Certificate*





Sisipan-sisipan khas berdasarkan aktiviti utama Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia.
*Special insertion based on the main activities of Ministry of Defence and Malaysia Armed Forces.*

## PENUTUP

***Mission:*** *To ensure the machinery and methods of acquisition are able to support Ministry of Defence to be an excellent defense organization.*

### *QUALITY POLICY ACQUISITION DIVISION*

***P =*** *Pay Attention: It's all in detail to meet customer requirement and ensure customer satisfaction.*

***E =*** *Enact: Perform quality right the first time and all the time by no problems are hidden via building a culture of stopping to fix problems, to get quality right the first time using visual control.*

**R =** Right Process will produce right results
**O =** Organization Excellence through relentless reflection (Hansei) and continues improvement (Kaizen)

## OBJEKTIF BAHAGIAN PEROLEHAN

Objektif Umum: Merancang, menyelaras, melaksana dan mengurus segala perolehan peralatan, kelengkapan serta perkhidmatan yang menepati keperluan ATM dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) berlandaskan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dan menentukan setiap perolehan dengan baik bagi mendapatkan faedah yang maksimum selaras dengan konsep 'BEST VALUE FOR MONEY'.

## OBJEKTIF KUALITI

- Mencapai tahap 50% (minimum) dalam melaksanakan proses pengurusan dan pentadbiran perolehan barangan dan perkhidmatan Kementerian Pertahanan mengikut tempoh yang ditetapkan di dalam Pelan Kualiti sehingga Surat Setuju Terima;
- Proses Perolehan melalui sebut harga diselesaikan dalam tempoh 73 hari sehingga Surat Setuju Terima;
- Proses Perolehan melalui tender diselesaikan sehingga Surat Setuju Terima di dalam tempoh masa berikut:
  - Tender Tempatan diselesaikan dalam tempoh 142 hari
  - Tender Antarabangsa diselesaikan dalam tempoh 177 hari
- Mencapai tahap kepuasan pelanggan sekurang-kurangnya 90%.

## PIAGAM PELANGGAN BAHAGIAN PEROLEHAN

- Proses pengurusan dan pentadbiran perolehan barangan dan perkhidmatan Kementerian Pertahanan daripada permohonan pengguna yang lengkap diterima sehingga Surat Setuju Terima (SST/LOA) hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut:
- Kontrak hendaklah disediakan dan ditandatangani dalam tempoh masa empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SST).
- Lembaga Perolehan hendaklah bersidang dalam tempoh tiga (3) minggu selepas penilaian tender selesai.
- Lembaga Perolehan hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua (2) minggu.
- Keputusan yang perlu keputusan Perbendahraan hendaklah dirujuk dalam tempoh tujuh (7) hari selepas keputusan oleh Lembaga Perolehan.

*R = Right Process will produce right results*
*O = Organization Excellence through relentless reflection (Hansei) and continues improvement (Kaizen)*

## *PROCUREMENT OBJECTIVES*

*General Objective: To plan, coordinate, implement and manage the procurement of equipment, equipment and services that meet the needs of Armed Forces and the Ministry of Defence (MINDEF) in accordance to regulations prescribed by the Government and determine each acquisition with good to get maximum benefits in line with the concept of 'BEST VALUE FOR MONEY'*

## *QUALITY OBJECTIVES*

- *Achieve at least 50% (minimum) in implementing management and administration process of Ministry of Defense goods and services acquisition in the prescribed period in Quality Plan to Agree Letter Received;*
- *Acquisition Process through quoted price be solved within 73 days to Letter Agree Received;*
- *Acquisition Process through tenders completed until Agree Letter Received in following period:*
  - *Local Tender completed within 42 days*
  - *International Tender completed within 77 days*
- *Achieve customer satisfaction stage at least 90%.*

## *PROCUREMENT DIVISION CHARTER*

- *Equipments and services procurement management and administration process for Ministry of Defense from users completed application received to Agree Letter Received (SST / LOA) shall be implemented in period time as the following:*
- *Contract should be provided and be signed in four (4) months time period from date discharge of Agree Letter Received (SST).*
- *Procurement Body shall be sitting in three (3) weeks period after tender evaluation is completed.*
- *Procurement Body shall be sitting at least once in period two (2) weeks.*
- *The results that require Treasury decision should be referred in period seven (7) days after decision made by Procurement Body.*





- Semua kontrak perkhidmatan, rangsum dan alat ganti hendaklah diperbaharui 14 hari sebelum kontrak semasa tamat bagi membolehkan keperluan berkenaan diterima.
- Semua surat-surat pertanyaan, rayuan dan pendaftaran pembekal hendaklah dijawab dalam tempoh empat belas (14) hari dariapada tarikh surat berkenaan diterima.
- Setiap pegawai dan kakitangan hendaklah menjalani latihan tahap kecekapan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun.
- Semua contoh fizikal tender/sebut harga milik pelanggan hendaklah diterima, disemak, didaftarkan, dilabelkan dan disimpan dengan selamat untuk penilaian teknikal tender/sebut harga.
- Pelanggan yang berurusan dengan Bahagian Perolehan hendaklah 90% berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

- *All contract services, rations and tools replacement should be renewed 14 days before contract ended to enable the acceptance of the needs.*
- *All the inquiries letters, appeals and suppliers registration should be answered in fourteen (14) days period from the letter's acceptance date.*
- *Each officers and staffs shall be undergoing efficiency training stage at least seven (7) days a year.*
- *All examples of customer physical tender / quotation price must be received, checked, registered, labeled and stored safely for tender / quotation price technical valuation.*
- *Those who deal with Procurement Division should be 90% satisfied with services rendered.*

| Dasar Perolehan Kerajaan<br>*Government Procurement Policy* | Objektif Perolehan<br>*Procurement Objective* | Prinsip Perolehan<br>*Principle Procurement* |
|---|---|---|
| Akauntabiliti awam<br>*Public Accountability* | Nilai faedah terbaik<br>*Best value for money* | Menggalakkan pertumbuhan industri tempatan melalui penggunaan bahan/barangan tempatan dan penggunaan sektor perkhidmatan tempatan.<br>*Encourage the growth of local industry through the use at local service.* |
| Diuruskan secara telus<br>*Transparent* | Kualiti yang terjamin.<br>*Guaranted quality* | |
| Nilai faedah yang terbaik<br>*Best value for money* | Kuantiti yang dikehendaki dan berterusan.<br>*Ongoing quality required* | Mempertingkatkan keupayaan industri tempatan melalui pemindahan teknologi.<br>*Enchance the capability of local industry through technology transfer* |
| Saingan terbuka<br>*Open competition* | Sebagai alat untuk mencapai dasar kerajaan.<br>*As a tool to achieve the government's policy* | Menggalakkan penglibatan usahawan bumiputera.<br>*Encourage the participation of bumiputera entrepreneurs* |
| Adil dan saksama<br>*Fair dealing* | Menggalakkan pertumbuhan industri tempatan.<br>*Encourage the growth of local industry* | Memelihara dan mempertahankan kepentingan dasar perolehan Kerajaan bagi mencapai objektif nasional dalam menghadapi cabaran globalisasi dan libralisasi.<br>*Protect and defend the interest of government procument policy to achieve national objectives in facing the challenges* |
| | Pemindahan teknologi.<br>*Technology transfer* | |
| | Menjimatkan pertukaran wang asing<br>*Sore foreign exchange* | |

## JENIS DAN KAEDAH PEROLEHAN

- Bahagian Perolehan Kementerian Pertahanan melaksanakan perolehan bekalan dan perkhidmatan sahaja.
- Kaedah perolehan adalah seperti berikut:

**SEBUT HARGA** = perolehan yang melebihi RM50,000 – RM500,000 bagi Bekalan/Perkhidmatan

**RUNDINGAN TERUS** = perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan

**TENDER** = perolehan yang melebihi RM500,000

## *TYPE AND METHOD OF PROCUREMENT*

- *Ministry of Defence Procurement Division implementing procurement of supply and services only.*
- *Method of procurement is as follows:*

***QUOTATION** = procurement exceeding RM50, 000 - RM500, 000 for Supplies / Services*

***CONTINUOUS NEGOTIATION** = must be approved by the Ministry of Finance*

***TENDER** = procurement exceeds RM500, 000*

## CARTA FUNGSI BAHAGIAN PEROLEHAN

**SETIAUSAHA BAHAGIAN PEROLEHAN (VU7)**

**TIMBALAN SETIAUSAHA BAHAGIAN (A) (M54)**

**UNIT PEROLEHAN 1 (DARAT)**
•Mengurus Perolehan:
*Senjata
*Peluru
*Kenderaan A, B, dan C
*Stor Teknikal

**UNIT PEROLEHAN 5 (GUNASAMA II)**
Mengurus Perolehan:
*Alat Komunikasi.
*Sistem Komputer.
*Peralatan Pejabat
*Mesin Worksyop, Stor Am, Metal/Non Metal.
*Percetakan
*Perabot
*Peralatan Berek

**UNIT PEROLEHAN 4 (GUNASAMA I)**
•Mengurus Perolehan:
*Rangsum Basah dan Kering pukal.
*Rangsum Penerbangan.
*Pakaian serta Aksesori ATM
*Perubatan dan Peralatan.

**UNIT PEROLEHAN 6 (GUNASAMA III)**
•Mengurus Perolehan:
*Perkhidmatan dan Penyewaan yang melibatkan Kenderaan (Pengangkutan Darat/Laut/Udara)
*Perkhidmatan Dobi dan Jahitan.
*Perkhidmatan Kantin ATM(Darat/Laut/Udara)
*Perkhidmatan Pengurusan Pembuangan Sisa Klinikal dan Kimia untuk ATM.
*Perkhidmatan bagi Sektor Awam.

**TIMBALAN SETIAUSAHA BAHAGIAN (B) (M54)**

**UNIT PEROLEHAN 2 (LAUT)**
•Mengurus Perolehan:
*Kapal.
*Alat Ganti dan Penyelenggaraan Kapal.

**UNIT PEROLEHAN 3 (UDARA)**
•Mengurus Perolehan:
*Kapal Terbang.
*Alat Ganti dan
*Penyelenggaraan Kapal Terbang

**UNIT PEROLEHAN 8 (Urusetia Bahagian dan PTJ Bahagian)**

**Pentadbiran.**
•Menguruskan dan meyelaras Hal Ehwal Pentadbiran Pejabat, Keselamatan, Sokongan Logistik, Sumber Manusia

**Pusat Tanggung Jawab**
•Menguruskan pembayaran bil-bil mengikut peraturan kewangan semasa.
•Merancang Perbelanjaan Tahunan
•Menyediakan Laporan, Kewangan, Penyelenggaran Buku Vot/Penyata Penyesuaian.

**UNIT PEROLEHAN 7**
•Urusetia kepada Lembaga Tender A dan B.
•Urusetia Mesyuarat J/Kuasa Sebutharga.
•Menguruskan Pendaftaran Syarikat
•Menguruskan Kutipan Hasil dan Denda Lewat
•Menyelaras proses pengiklanan, penjualan dokumen tender, Penjadualan tender dan Buka/tutup Tender.
•Menyelaras pengedaran pekeling/surat arahan SUB berkaitan Perolehan.
•Menyelaras Sistem Maklumat Perolehan
•Mengurus Dokumen ISO
•Urusetia Pelaksanaan e-Perolehan dan e-Bidding

**CAWANGAN TEKNIK DAN PEMERIKSAAN**
•Menguruskan Kerja-Kerja Penilaian Mutu.
•Menguruskan Penerimaan dan Pemeriksaan.
•Menguruskan contoh-contoh Perolehan.




















































**AKTIVITI KELAB KEBAJIKAN BAHAGIAN PEROLEHAN**

Melalui Mesyuarat agung KSKBP bagi sessi 2011/2013 telah diadakan pada 22 April 2011, Kelab Kebajikan Bahagian Perolehan dinaung oleh Setiausaha Bahagian, Dato' Nadzri bin Siron bagi penggal 2011/2013 dan presiden Kelab adalah Timbalan Setiausaha Bahagian, Puan Zawiah binti Awang. Lantikan Ahli Jawatankuasa telah dipilih di kalangan KPSU dan PSU tiap unit.

**Aktiviti – Aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2011**

- Jamuan Hari Raya Aidilfitri di Dewan Seroja, Kementah
- Jamuan Open House Bahagian Perolehan di Dewan Felda

***PROCUREMENT DIVISION WELFARE CLUB ACTIVITIES***

*Through KSKBP general meetings for 2011/2013 session that was was held on April 22, 2011, the Welfare Club led by Procurement Division Secretary, Dato' Nadzri bin Siron for the 2011/2013 term and president of the Club is the Deputy Secretary, Mrs Zawiah Awang. The appointment of Committee Members has been selected among each unit KPSU and PSU.*

***The activities that has been carried out during the year of 2011***

- *Aidilfitri Open House at Dewan Seroja, MinDef*
- *Procurement Division Open House at Felda Banquet Hall*





- PERO Starlight Dinner di Grand Seasons Hotel
- Jamuan Perpisahan SUB Bahagian Perolehan dan Pegawai-pegawai Bahagian Perolehan di FELDA
- Majlis bacaan Yassin dan tahlil peringkat Bahagian Perolehan telah diadakan dua (2) kali sebulan oleh Jawatankuasa Agama dan Kerohanian

- *PERO Starlight Dinner at the Grand Seasons Hotel*
- *Procurement Division SUB and Division officers farewell in Felda*
- *Tahlil and Yassin recital has been held two (2) times a month by the Religion and Spirituality Council of the Procurement Division*







# SEKTOR PEMBANGUNAN
# DEVELOPMENT SECTOR

2011

- Bahagian Pembangunan
  *Development Division*
- Bahagian Perolehan
  *Procurement Division*
- **Peguasa Katalog ATM**
  ***Malaysia Armed Forces Cataloging Authority***

# PENGUASA KATALOG ATM

## MALAYSIA ARMED FORCES CATALOGING AUTHORITY (MAFCA)

### PELBAGAI KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI OLEH MAFCA SEPANJANG TAHUN 2011

### *VARIOUS SUCCESSES ACHIEVED BY MAFCA ON 2011*

### AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S MAFCA

MAFCA telah berjaya dianugerahkan Persijilan 5S pada tahun 2010. Pada 28 Sept 2011 pula MAFCA telah meneruskan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S bagi memastikan pencapaian pensijilan 5S dapat dikekalkan. Kejayaan MAFCA dalam memperolehi Sijil 5S anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) adalah merupakan kerjasama dan dorongan dari semua warga MAFCA.




### *QUALITY ENVIRONMENTAL PRACTICES 5S MAFCA*

*MAFCA been awarded 5S certification in 2010. On 28 September 2011, MAFCA has continued its practice of Quality Environmental to ensure the achievement of 5S is maintained. MAFCA success in getting 5S Certificate organized by the Malaysian Productivity Corporation (MPC) were the cooperation and encouragement of all MAFCA staff.*

### PENGIKTIRAFAN MALAYSIA SEBAGAI NEGARA TIER 2

MAFCA telah berjaya menaiktaraf status NCB Malaysia dari TIER 1 kepada TIER 2 pada 1 Disember 2010. Ini bermakna keupayaan MAFCA kini terbukti dapat memenuhi kehendak dan keperluan AC/ 135 dan negara-negara NATO.



### *RECOGNITION OF MALAYSIAN AS A TIER 2 NATION*

*Now, Malaysia through MAFCA has successfully upgraded from Tier 1 status to Tier 2 on 1st December 2010. This means MAFCA capability now proven to fulfill AC/135 requirement and NATO countries.*



Lawatan Y. B Menteri Pertahanan bersama pegawai atasan ATM ke China Press pada 26 Julai 2011

*The Official visit to China Press by Minister of Defence and the Senior Officers on 26th July 2011*





### MAJLIS PELANCARAN PERSIJILAN ISO 9001:2008

Pada 8 Jul 2011, Majlis Pelancaran Persijilan ISO 9001:2008 telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), MINDEF iaitu YBhg Dato' Mohamad Khalid bin Hj Shariff.



### *LAUNCHING CEREMONY OF ISO 9001:2008 CERTIFICATION*

*On July 8, 2011, the launch of ISO 9001:2008 was inaugurated by the Deputy Secretary General (Development), MINDEF - Dato' Mohamad Khalid bin Hj Shariff.*

### AKTIVITI MAFCA SEPANJANG TAHUN 2011

#### Serah Terima Tugas Pengarah MAFCA

Pada 02 Feb 2011 tampuk pemerintahan MAFCA telah digantikan dengan pemerintahan baru di bawah Lt Kol Mohd Fisoll bin Hj Aziz TUDM.

### *MAFCA ACTIVITIES DURING THE YEAR 2011*

#### *New Director of MAFCA*

*On February 2, 2011 MAFCA command have been replaced with a new director, Lt Col Mohd Fisoll bin Hj Aziz RMAF.*





### Sambutan HUT Ke-30 MAFCA

Penguasa Katalog ATM (MAFCA) telah menyambut ulang tahun yang ke 30 pada 07 Apr 2011 bertempat di Bangunan ZETRO yang diterajui oleh Pengarah MAFCA Lt Kol Mohd Fisoll bin Hj Aziz TUDM. Perbarisan HUT MAFCA terdiri dari 8 Pegawai, 43 anggota Lain-lain Pangkat dan 22 Kakitangan Awam Tetap dan Sambilan.



### *The 30th Anniversary of MAFCA*

*MAFCA celebrated the 30th anniversary on April 7, 2011 located at ZETRO Building, headed by the Director of MAFCA, Lt Col Mohd Fisoll bin Hj Aziz RMAF. MAFCA Anniversary Parade consists of 8 Officers, 43 members of Others Rank and 22 Permanent and Temporary Civilian Staff.*

## Mesyuarat dan Lawatan TKSU (Pembangunan)

*Meeting and Visiting Deputy Secretary General (Development)*

Mesyuarat dan lawatan dari Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), MINDEF iaitu YBhg Dato' Mohamad Khalid bin Hj Shariff telah diadakan pada 08 Jul 2011. Lawatan ini adalah yang pertama kali diadakan semenjak MAFCA di bawah organisasi TKSU (Pembangunan).



*Meeting and visiting of Deputy Secretary General (Development), MINDEF - Dato' Mohamad Khalid bin Hj Shariff was held on July 8, 2011. This visit was the first held since the MAFCA organization's under Deputy Chief of Secretary (Development).*

## BAHAGIAN TEKNIKAL

*TECHNICAL DEPARTMENT*

### Spesifikasi Dan Standard

*Specifications and Standards*

Sebagai penguasa tunggal Biro Kodifikasi Nasional, pihak MAFCA ada melanggan produk-produk Information Handling Services (IHS) yang mana terdiri dari CD/DVD berkaitan Spesifikasi dan Standardisasi bagi kegunaan ketiga-tiga perkhidmatan ATM dan agensi kerajaan yang lain.

*As the sole authority of the National Codification Bureau, MAFCA have subscribed products Information Handling Services (IHS), which consists of a CD/DVD related to the Specification and Standardization for using by all Armed Forces and other government agencies.*

**ANALISA PENGGUNAAN 2011**
*USAGE ANALYSIS 2011*

| Bil/ *No.* (a) | Jenis Dokumen Standard *Document Type Of Record Standard* (B) | Jumlah *Total* (C) | Catatan *Remark* (D) |
|---|---|---|---|
| 1 | MIL-STD | 28 | |
| 2 | IEC | 23 | |
| 3 | BSI | 59 | |
| 4 | ISO | 65 | |
| 5 | ASTM | 16 | |
| 6 | SAE | 9 | |
| | **JUMLAH** | **200** | |





**ANALISA PEMBERIAN NCAGE 2011**
*ANALYSIS OF GRANTS NCAGE 2011*

| DAFTAR *REGISTER OF* | JAN *JAN* | FEB *FEB* | MAC *MAC* | APR *APR* | MEI *MEI* | JUN *JUN* | JUL *JUL* | AUG *AUG* | SEP *SEP* | OKT *OKT* | NOV *NOV* | DIS *DIS* | JUMLAH *TOTAL* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tahun 2011 | | | | | | | | | | | | |
| PENGILANG *MANUFACTURER* | 1 | 0 | 1 | 0 | 82 | 4 | 2 | 0 | 0 | 9 | 1 | 2 | 102 |
| PEMBEKAL *SUPPLIER* | 2 | 0 | 5 | 201 | 0 | 6 | 2 | 1 | 0 | 16 | 1 | 9 | 243 |
| JUMLAH *TOTAL* | 3 | 0 | 6 | 201 | 82 | 10 | 4 | 1 | 0 | 25 | 2 | 11 | 345 |





**SIJIL NCAGE**
*NCAGE Certificate*

## BAHAGIAN RANCANG, PROJEK DAN LATIHAN

*PLAN, PROJECT AND TRAINING DEPARTMENT*

### KURSUS-KURSUS KATALOG

*CATALOGUE COURSE*

Latihan berterusan amat penting dalam usaha memenuhi keperluan penempatan modal insan berkemahiran di Seksyen-seksyen Katalog ATM.

*Continuous training is very important in order to fulfill requirements of skilled human capital at Armed Forces Catalogue Sections.*

Ianya selaras dengan objektif MAFCA untuk mewujud, mengawal dan menyelenggara sistem katalog didalam sistem logistik dan perolehan kerajaan yang berlandaskan kepada Sistem Kodifikasi NATO (SKN).

Justeru, MAFCA telah mengelolakan 8 kursus sebagaimana berikut:

*It is consistent with the objectives of MAFCA to create, control and maintain the catalogue system in the logistics and government procurement system based on NATO Codification System (NCS).*

*Therefore, MAFCA has conducted 8 courses as follows:*

**KURSUS YANG DISEDIAKAN OLEH MAFCA**
*COURSE PROVIDED BY MAFCA*

| Bil. *No.* | Kursus *Courses* | Tarikh *Date* | Tempat *Venue* | Peserta *Participants* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan Sistem Katalog (LLP) Siri 23 *Introduction of Catalogue System (Others Rank) Series 23* | 07.02.11 - 11.02.11 | Kuala Lumpur | 25 |
| 2. | Pengenalan Sistem Katalog (Pegawai) Siri 22 *Introduction of Catalogue System (Officer) Series 22* | 28.02.11 - 04.03.11 | Kuala Lumpur | 25 |
| 3. | Indoktrinasi Sistem Katalog (LLP) Siri 46 *Catalogue System Indoctrination (Others Rank) Series 46* | 21.03.11 - 22.07.11 | MAFCA | 25 |
| 4. | Pengurusan Sistem Katalog (Pegawai) Siri 30 *Catalogue System Management (Officer) Series 30* | 26.09.11 - 20.10.11 | MAFCA | 25 |
| 5. | Pengenalan Sistem Kodifikasi Nasional (Zon Sabah) *The Introduction of National Codification System (Sabah Zone)* | 11.04.11 - 15.04.11 | Kota Kinabalu | 25 |
| 6. | Pengenalan Sistem Kodifikasi Nasional (Zon Selatan) *The Introduction of National Codification System (Southern Zone)* | 13.06.11 - 16.06.11 | Johor Bahru | 25 |
| 7. | Pengenalan Sistem Kodifikasi Nasional (Zon Sarawak) *The Introduction of National Codification System (Sarawak Zone)* | 11.07.11 - 15.07.11 | Kuching | 25 |
| 8. | Pengenalan Sistem Kodifikasi Nasional (Zon Utara) *The Introduction of National Codification System (Northern Zone)* | 16.10.11 - 20.10.11 | Pulau Pinang | 25 |















**BAHAGIAN PENGENALAN BARANG**

**Pencapaian Kodifikasi MAFCA Tahun 2011**

Sepanjang tahun 2011, MAFCA telah melaksanakan proses kodifikasi pelbagai alatan bagi Perkhidmatan ATM dan Sektor Awam (DDSA) sebanyak 19,855 baris alatan Graf pencapaian adalah seperti di bawah:

***ITEM IDENTIFICATION DEPARTMENT***

***MAFCA Codification Achievement Year 2011***

*During the year 2011, MAFCA had accomplish codification process of various items for Armed Forces and Government Sector (DDSA) which is 19,855 line items. Performance graph are shown below:*

**GRAF PENCAPAIAN KODIFIKASI JAN HINGGA DIS 2011**
*PERFORMANCE GRAPH ON CODIFICATION JAN TILL DEC 2011*



**Kod Projek**

Merupakan kod panduan untuk setiap alatan induk, bagi satu alatan induk diberi satu Kod Projek, yang perlu dibuat kodifikasi ini adalah bagi memudahkan permantauan dibuat, apabila proses kodifikasi dijalankan. Berakhir Disember 2011, sebanyak 489 Kod Projek telah dikeluarkan mengikut perkhidmatan seperti berikut:

1. Tentera Darat : 260
2. Tentera Laut : 173
3. Tentera Udara : 46
4. Data Dictionary Sektor Awam : 10

***Project Code***

*A project code for each tool holding, for a main device is given a project code in the process of codification is intended to facilitate monitoring done. Ended December 2011, a total of 489 project codes have been issued in accordance with the following services:*

1. *Army : 260*
2. *Navy : 173*
3. *Air Force : 46*
4. *Data Dictionary of Government Sector : 10*

2011

# SEKTOR PENGURUSAN

# MANAGEMENT SECTOR

- **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**
  ***Human Resource Management Division***
- Bahagian Pengurusan Maklumat
  *Information Management Division*
- Bahagian Kewangan
  *Finance Division*
- Bahagian Akaun
  *Accounts Division*
- Bahagian Pentadbiran
  *Administration Division*



Pameran Maritim dan Antarobangsa Langkawi 2012 pada 6 - 10 Disember 2011
*LIMA 2011 Exhibition on 6 th - 10 th December 2011*

# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
## *HUMAN RESOURCE MANAGEMENT DIVISION*

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah ditubuhkan pada tahun 1969 dengan nama Bahagian Naziran. Pada 1 Ogos 1985, Bahagian ini telah dicantumkan degan Bahagian Perkhidmatan dan dikenali dengan nama Bahagian Naziran Perjawatan dan Perkhidmatan. Berikutan dengan penubuhan Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahuan 1968 dan berdasarkan kajian Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha Negara pada tahun 2000, semua Bahagian Naziran Perjawatan dan Perkhidmatan di semua Kementerian telah ditukar kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) bagi menyesuaikan dengan peranan yang dilaksanakan pada masa tersebut. Sejak dari itu, peranan BPSM di Kementerian Pertahanan (MinDef) dan di Kementerian-kementerian lain telah diselaraskan bagi memainkan peranan sebagai mini JPA.

*The HR Management Division was established in 1969. It was then named the Inspectorate Division. On August 1, 1985, this division was merged with the Services Division and re-named as the Inspectorate, Staffing and Services Division. In 2000, it was re-named to Human Resource Management Division (BPSM). Since then, BPSM at Ministry of Defence (MinDef) has been functioned as a mini PSC (JPA).*

### PROGRAM-PROGRAM BPSM TAHUN 2011

Sebagai penggerak kepada kecemerlangan warga MinDef, BPSM telah mengadakan beberapa program di sepanjang tahun 2011 dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam di Kementerian Pertahanan. Antara Program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

### *PROGRAMME IN 2011*

*To improve performance, BPSM organized the following programs throughout the year aimed at upgrading the quality of its service in MinDef.*

#### i) Bulan Bahasa Kebangsaan

Program BBK yang pertama telah dilancarkan pada tahun 1999 oleh YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu dan pada tahun 2009, bersesuaian dengan matlamat pelaksanaannya, Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) telah dikenali dengan nama Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK). Tujuan Utama BBK ialah memantapkan, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia, menguatkan rasa megah terhadap bahasa kebangsaan, mengeratkan serta memperkukuh perpaduan bangsa melalui bahasa kebangsaan di samping menyemarakkan peranan bahasa kebangsaan sebagai tonggak pembinaan bangsa Malaysia. Sambutan BBK 2011 bertunjangkan tema '1Bahasa 1Bangsa 1Negara' yang diharap dapat menyuntik kesinambungan semangat rasa kecintaan dan kemegahan rakyat Malaysia terhadap bahasa, bangsa dan negara kita yang tercinta.

BPSM MinDef telah menganjurkan BBK pada 21 November 2011 sebagai satu inisiatif dalam usaha untuk menyemarakkan semangat cinta kepada bahasa kebangsaan di segenap lapisan warga MinDef. Sambutan BBK juga merupakan acara tahunan yang dilaksanakan oleh MinDef dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Disepanjang tempoh BBK, pelbagai program dan acara berkaitan bahasa dan sastera telah diatur rapi bagi mengisi dan menyemarakkan lagi sambutan BBK di peringkat MinDef antaranya, Pertandingan Pidato Peringkat Kementerian, Pertandingan Berbalas Pantun, Pertandingan Drama Sebabak, Deklamasi, Syair dan Sajak.

#### *i) National Language Month (NLM)*

*NLM program was launched in 1999 by the Deputy Prime Minister, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi. The main purpose of NLM is to reinforce a sense of national pride amongst Malaysian. It further aims to enhance and reinforce national unity through language besides uplifting the national language's fundamental role in shaping the '1Nation 1Race 1Language' Concept. It is hoped that this event can inject continuity in a sense of belonging and pride within the staff of MinDef.*

*BPSM celebrated NLM on 21 November 2011. The NLM celebration is an annual event conducted by MinDef in collaboration with Oxford University Press. During NLM, a variety of programs such as public speaking, poem recital and drama competition are held.*





Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan
*Celebration of the National Language month*

#### ii) Inovasi Pengurusan Psikologi Kementerian Pertahanan

a) Klinik Kaunseling 1MinDef

Penubuhan Klinik Kaunseling 1 MinDef adalah bertujuan untuk memberikan nafas baru atau "redefine" perkhidmatan psikologi dan kaunseling agar ia selari dengan peredaran masa dan kehendak semasa pengguna. Selain itu, ia bertujuan untuk memberikan ruang psikoterapi yang lebih kondusif kepada pengguna atau klien. Ia juga merupakan suatu kemudahan yang disediakan kepada warga kerja MinDef




#### *ii) Ministry of Defence Psychology Management Innovation*

*a) 1MinDef Counseling Clinic*

*The establishment of 1MinDef Counseling Clinic is aimed at redefining psychological and counseling services so that they are relevant with the times and the needs of the users. The clinic is intended to provide more conducive psychotherapy space to clients. The clinic ensures that employee welfare is safeguarded and not neglected. 1MinDef Counseling Clinic aims to provide effective psychotherapy treatment by taking into account the need for conduciveness to both consumers as well as to counseling officers/ practitioners.*

supaya kebajikan mereka sentiasa terjaga dan tidak diabaikan dengan membantu warga kerja ini dalam pembangunan dan perkembangan kerjaya. Klinik Kaunseling 1MinDef ini bercirikan rawatan psikoterapi yang efektif dengan mengambil kira sifat kondusif klinik ini kepada pengguna mahupun Pegawai Psikologi sebagai pengamal kaunseling. Klinik Kaunseling 1MinDef ini adalah yang pertama seumpamanya dilancarkan di peringkat Kementerian/ Jabatan Kerajaan selain ia mendapat liputan media secara meluas ketika pelancaran Klinik Kaunseling 1MinDef oleh YB Menteri pada 12 Mei 2011. Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di Klinik Kaunseling 1MinDef adalah seperti Intervensi Kaunseling Individu dengan pendekatan-pendekatan kaunseling seperti Person-Centered Approach, Cognitive Behaviour Therapy, RealityTherapy dan Rational Emotive; perkhidmatan konsultansi; perkhidmatanBasic Psychometric and Personality Test ( i.e. KIERSEY ), perkhidmatan Basic Health Screening ( Blood Pressure Reading ) serta perkhidmatan Bimbingan Perkembangan Kerjaya. Penciptaan idea Klinik Kaunseling 1MinDef ini adalah bertujuan untuk memberikan nafas baru atau "redefine" perkhidmatan psikologi dan kaunseling agar ia selari dengan peredaran masa dan kehendak semasa pengguna disamping memberikan ruang psikoterapi yang lebih kondusif kepada pengguna atau klien

*1MinDef Counseling Clinic is a first of its kind in the civil service and thus managed to get widespread media coverage when it was officiated by the Minister of Defence on May 12, 2011. Services provided at 1MinDef Counseling Clinic include individual counseling intervention with counseling approaches such as Person-centered Approach, Cognitive Behaviour Therapy, Reality Therapy and Emotive Rationale; Consultancy Services, Psychometric and Personality Test (i.e KIERSEY), basic services for health screening (Blood Pressure Reading) and guidance services for Career Development.*



b) e-psikologi

Idea untuk membangunkan e-psikologi tercetus setelah kajian awal yang dijalankan oleh BPSM mendapati terdapat kecenderungan penjawat awam Mindef mengutamakan medium interaksi melalui telefon dan e-mail berbanding berjumpa dengan Pegawai Psikologi secara bersemuka. Hal ini adalah disebabkan oleh stigma masyarakat yang merasakan mendapatkan perkhidmatan psikologi adalah seolah-olah menggambarkan seseorang itu adalah dari kalangan yang bermasalah. Berdasarkan kepada Buku Rekod Pendaftaran Klien di Cawangan Pengurusan Psikologi, 100% daripada klien yang berdaftar adalah klien yang dirujuk oleh Bahagian-Bahagian di Wisma Pertahanan

*b) e- Psychology*

*The e-Psychology initiative emerged after a study conducted by BPSM showed that there was a tendency by MinDef staff to use the phone and e-mail as their primary medium of interaction with a psychologist rather than meet face to face. This is mainly due to the stigma that is associated with psychology services. Based on the client registration record of MinDef Unit of Psychology Management, 100% of registered clients are referred from the brigades at Wisma Pertahanan. Many clients who voluntarily come to this unit as a result of a variety of psychological problems do not want to be registered because they fear being considered as low-performing officers. The Psychology Management*





dan Formasi dan Briged. Kebanyakan klien yang datang secara sukarela yang menghadapi pelbagai masalah psikologikal tidak mahu didaftarkan atas stigma takut dilabelkan sebagai Pegawai berprestasi rendah. Atas dasar ini, maka Cawangan Pengurusan Psikologi dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) mengambil inisiatif untuk memperkenalkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling ini secara atas talian sebagai pelengkap kepada kaedah-kaedah menolong yang lain. Selain itu, idea ini tercetus setelah mendapati agak sukar untuk setiap Pegawai Psikologi menyampaikan perkhidmatan secara menyeluruh disebabkan oleh faktor bilangan penjawat awam yang ramai (14,000 orang) serta penempatan mereka yang bersifat segenap pelusuk negara mengikut Formasi dan Briged serta Unit-Unit Tentera. Secara idealnya, menurut Perancangan Strategik Perkhidmatan Psikologi Perkhidmatan Awam berpandangan nisbah seorang Pegawai Psikologi kepada klien adalah 1 : 500, tetapi dengan jumlah Pegawai Psikologi sedia ada, seorang Pegawai Psikologi bernisbah 1: 3,750. Oleh itu, dengan adanya sistem seperti ini, ia dapat mengatasi masalah jurang nisbah yang terlalu tinggi antara Pegawai Psikologi dan Penjawat Awam (Klien). Selain itu, sistem ini dilihat dapat merapatkan hubungan profesional Pegawai Psikologi dengan penjawat awam secara maya dan Pegawai Psikologi dapat membantu penjawat awam yang mengalami krisis, buntu, serta masalah-masalah psikologikal yang lain secara terus meskipun dihalang oleh faktor masa, geografi dan fizikal kawasan.

*Unit has collaborated with the Information Management Division (BPM) to come out with this initiative to introduce online psychological services and counseling to complement existing services. e-Psychology allows psychologists to deliver their services to a larger number of public servants who are scattered all over the country in various Army Units. The Strategic Planning Unit in the Public Service Department suggests that the ratio of clients to psychologists is 500 to 1 but at MinDef it is 1:3750. e-Psychology can help in alleviating this problem of this ratio gap. It is further hoped that psychologists can assist a wider range of civil servants. This would be possible because e-Psychology is not dependent upon factors such as time, geography and physical isolation.*



**iii) Pencapaian Utama BPSM tahun 2011**

a) Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia

Berdasarkan Audit Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia pada tahun 2011, MinDef telah mendapat tempat ketiga dengan markah sebanyak 94.8 % iaitu perbezaan hanya sebanyak 0.2 % berbanding Jabatan Perkhidmatan Awam (95%). Berikutan dengan itu, MinDef telah dijadikan sebagai penanda aras Perkhidmatan Psoikologi dan Kaunseling di Kementerian-Kementerian lain dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Status keputusan Audit Standard Kualiti Psikologi Sumber Manusia adalah seperti berikut:

***iii) Key Achievements in 2011 for HR Division***

*a) Human Psychology Quality of Service Standard*

*Based on the Audit for HR Psychology Services Standard in 2011, MinDef managed to get third place with scores of 94.8%. This score is only 0.23% less than the score obtained by the Public Service Department (95%). Therefore, MinDef has been selected as a benchmark for other ministries/ departments. The Audit Results for Human Resources Psychology Quality Standards for the top 6 agencies are as follows:*

| Jabatan *Ministries* | Peratus *Percentage* |
|---|---|
| *JPM* | *98.0* |
| *JPA* | *95.0* |
| *MinDef* | *94.8* |
| *KDN* | *92.5* |
| *MITI* | *92.0* |
| *KPKK* | *90.5* |

# 2011

# SEKTOR PENGURUSAN
# MANAGEMENT SECTOR


- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia *Human Resource Management Division*
- **Bahagian Pengurusan Maklumat** ***Information Management Division***
- Bahagian Kewangan *Finance Division*
- Bahagian Akaun *Accounts Division*
- Bahagian Pentadbiran *Administration Division*



Majlis Perasmian Mesyuarat Agong Kelab dan Koperasi Veteran Risik Malaysia pada 31 Julai 2011
The Officiating Ceremony of General Meeting for Intelligence Club & Cooperation on 31[st] July 2011

# BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
# *INFORMATION MANAGEMENT DIVISION*

## PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) secara berterusan telah memanfaatkan kecanggihan dan keupayaan ICT dalam meningkatkan kecekapan dan produktiviti kerja di samping menyahut cabaran dalam memperkasakan budaya ICT di MinDef. BPM merupakan penggerak utama kepada pencapaian transformasi MinDef yang berteraskan lapan (8) tonggak utama terutama dalam Nilai Kreativiti dan Inovasi, Nilai Kepantasan dan Nilai Untuk Wang. Bersesuaian dengan objektif Bahagian dalam memastikan infrastruktur dan infostruktur ICT yang sentiasa tersedia, BPM telah merangka dan melaksanakan pelbagai program sepanjang tahun 2011 meliputi bidang-bidang berikut :

- Pengurusan Strategik ICT
- Pembudayaan ICT Dalam Penyampaian Perkhidmatan
- Pengekalan Kesiapsiagaan ICT
- Khidmat Runding dan Sokongan Teknikal
- Budaya Berkualiti Teras Perkhidmatan

## *1.0 INTRODUCTION*

*Information Management Division (BPM) has continued to take advantage of the sophistication and capabilities of ICT in enhancing efficiency and productivity as well as meet the challenges of ICT in empowering culture in MinDef. BPM is a key driver of performance-based transformation MinDef eight (8) mainstay, especially in the Value of Creativity and Innovation, Value Speed and Value For Money. In accordance with the objectives of the Division to provide ICT infrastructure and infostructure MinDef, BPM has developed and implemented various programs throughout the year 2011 covers the following areas:*

- *Strategic Management of ICT*
- *Enculturation of ICT in Service Delivery*
- *Maintenance of ICT Preparedness*
- *Advisory Service and Technical Support*
- *Culture of Quality Core Services*

## PENGURUSAN STRATEGIK ICT

### Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) MinDef (2011-2015)

MinDef telah membangunkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) bagi tempoh lima (5) tahun bermula 2011 hingga 2015. PSTM MinDef 2011-2015 dibangunkan secara dalaman dengan kerjasama Pasukan Pembangunan PSTM yang terdiri daripada wakil Bahagian, Jabatan dan Perkhidmatan ATM dan dibantu oleh Pasukan Perunding Strategik PSTM MAMPU. PSTM merupakan pelan induk ICT yang akan menjadi panduan dan sumber rujukan terpenting kepada seluruh warga MinDef yang dipertanggungjawabkan dalam mengendali dan mentadbir pengurusan ICT untuk mencapai matlamat keberhasilan kerja bermutu, berkualiti, cepat dan selamat melalui program dan kemudahan aplikasi ICT yang bakal dibangun dan dilaksanakan untuk tempoh lima tahun ke hadapan ini.

## *ICT STRATEGIC MANAGEMENT*

### *ICT Strategic Plan (ISP) MinDef (2011-2015)*

*Mindef has developed a Strategic Plan for Information Technology (ISP) for a period of five (5) years from 2011 to 2015. ISP MinDef 2011-2015 internally developed in collaboration with ISP Development Team consisting of representatives of Divisions, Departments and Services ATM and assisted by the Consulting Strategic ISP from MAMPU. ISP is an ICT master plan that will guide and source of reference for all citizens of the most important to MinDef responsible for operating and administering ICT management to achieve quality work outcomes, quality, fast and secure through application of ICT programs and facilities to be developed and implemented for a period these next five years.*





### Pemantapan Portal MinDef

Portal MinDef www.mod.gov.my merupakan gerbang utama dan saluran rasmi dalam memperkenalkan Jabatan/Perkhidmatan/Agensi di bawah Kementerian kepada umum serta menyediakan perkhidmatan atas talian kepada orang awam terutama warga Malaysia. Portal MinDef juga melambangkan imej serta identiti Kementerian. Usaha-usaha meningkatkan portal dibuat secara berterusan dengan memberi penekanan kepada maklumat yang sentiasa terkemaskini, memperbanyakkan perkhidmatan atas talian, mesra pengguna, rekabentuk yang menarik dan pencarian yang mudah. Pada tahun 2011, Portal MinDef telah dinilai dalam kategori lima bintang juga dengan jumlah markah sebanyak 92%. Kedudukan keseluruhan Portal MinDef berada di tangga ke 12 dari 1155 Laman Web/Portal Agensi/Jabatan Kerajaan yang dinilai.

- Prinsip-prinsip asas
  - Saluran rasmi
  - Pengemaskinian berterusan
  - Mesra pengguna
  - Mempromosi kerajaan
  - Memberi penjelasan
  - Maklumbalas
  - Perkhidmatan atas talian
- Garis panduan/pekeliling
  - Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2006
  - Standard, Policies and G MAMPU
  - MDeC



### *Portal MinDef*

*Mindef Portal www.mod.gov.my is the gateway and official channels in the introduction of the Department / Service / Agency under the Ministry to the public as well as providing on-line services to the public, especially citizens of Malaysia. Mindef portal also represents the image and identity of the Ministry. Efforts are made continuously to improve the portal with emphasis on information that is updated regularly, increasing the on-line services, user-friendly, attractive design and an easy search. In 2011, Portal Mindef was evaluated in five star categories with a total score of 92%. The overall position of MINDEF Portal ranked 12th out of 1155 Website / Portal Agency / Government Department reviewed.*

- *Basic Principal*
  - *Official Principle*
  - *Continuous Updates*
  - *User-friendly*
  - *Promoting the Gov*
  - *Explaination*
  - *Feedback*
  - *Online services*
- *Guidelines/Circular*
  - *General circular of Nu. 1 (year 2006)*
  - *Standard, Policies and guidelines, MAMPU*
  - *MDeC*

## PEMBUDAYAAN ICT DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

### Pelaksanaan Sistem-sistem Aplikasi MinDef

Sistem-sistem aplikasi di MinDef dibangunkan berdasarkan 6 teras perkhidmatan iaitu pentadbiran, sumber manusia, logistik, kewangan, operasi dan pengurusan strategik. Sehingga akhir 2011 terdapat 50 sistem aplikasi telah dibangun dan dilaksanakan.

### Peluasan Penyampaian Perkhidmatan ICT

Sepanjang tahun 2011, beberapa perkhidmatan telah ditransformasikan kepada perkhidmatan atas talian dengan memberi penekanan kepada proses dalaman MinDef. Ini adalah kerana dengan wujudnya sistem dalaman yang kukuh akan dapat menawarkan

## *ENCULTURATION OF ICT IN SERVICE DELIVERY*

### *Implementation of the Mindef Systems Applications*

*Aplication systems in MinDef is developed based on six service core; administration, human resources, logistics, financial, operational and strategic management. By the end of 2011, there were 50 application systems have been developed and implemented.*

### *Expansion of ICT Service Delivery*

*During 2011, some services have been transformed into online services with emphasis on internal processes of MinDef. It is because, with the existence of a strong internal system, it will be able to offer the services more efficently and effectively to*

perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada pelanggan luar. Antara sistem-sistem yang dibangunkan adalah :

a. Sistem Maklumat Syarikat Berwibawa (SMSB)

b. HRMIS (Modul Pembangunan Kompetensi)
c. Sistem 1MinDef 1Pengalaman 1Idea
d. Sistem Aduan Kerosakan dan Kebersihan
e. Sistem Bil Elektrik dan Air (SISBIL)
f. Knowledge Management System (KMS)
g. Sistem Pengurusan Aset (SPA)
h. Paperless Office
i. Fail Meja Online
j. e-Survey MinDef

**PENGEKALAN KESIAPSIAGAAN ICT**

**Menyediakan Infrastruktur ICT**

a. Access Control And Security System (ACASS)

– Card Issuances System (CIS)
Card Issuances System (CIS) merupakan salah satu subsistem yang terdapat dalam Access Control And Security System (ACASS). CIS digunakan untuk pendaftaran dan pengeluaran pas keselamatan bagi staf dan pelawat di Wisma Pertahanan.




b. Infrastruktur Rangkaian Internet MinDef

Dalam merealisasikan pelaksanaan Paperless Office di kalangan warganya, pada tahun 2011, infrastruktur rangkaian internet MinDef telah dinaiktaraf untuk memenuhi keperluan pertambahan pengguna, pelebaran jalur data internet 24 Mbps, perluasan rangkaian MinDef serta peningkatan teknologi gigabit.

Perluasan telah dibuat kepada enam (6) lokasi utama sekitar Wisma Pertahanan iaitu Ground Floor Wisma Pertahanan, TASKANITA, Wisma Transit, Kem 515 AW, Bangunan Kem KEMENTAH dan MPL/JLJ.

*the customer. There are several system that will be developed, which are:*

*a. Supplier Evaluation Information System (SMSB)*
*b. HRMIS (Competency Development Module)*
*c. 1MinDef 1Experience 1Idea System*
*d. Cleanliness and Defect Complaint System*
*e. Electricity and Water Billing System (SISBIL)*
*f. Knowledge Management System (KMS)*
*g. Asset Management System(SPA)*
*h. Paperless Office*
*i. Desk File*
*j. e-Survey MinDef*

***SUSTAINING ICT PREPAREDNESS***

***Provide ICT Infrastructure***

*a. Access Control And Security System (ACASS)*

*– Card Issuance System (CIS)*
*Card Issuances System (CIS) is one subsystem in the Access Control And Security System (ACASS). ). CIS is used for registration and issuance of security passes for staff and visitors at the Wisma Pertahanan.*

*b. MinDef Internet Network Infrastructure*

*In order to realize the implementation of Paperless Office among its citizens, in 2011, MINDEF Internet network infrastructure has been upgraded to meet the increasing needs of users, the widening of 24 Mbps broadband internet data, network expansion and technology upgrading gigabit Mindef.*

*The expansion has been made to six (6) main location around Wisma Pertahanan comprise of Ground Floor Wisma Pertahanan, TASKANITA, Wisma Transit, Kem 515 AW, Bangunan Kem KEMENTAH and MPL/JLJ.*





c. Kontrak Perolehan Peralatan ICT

Tiga (3) kontrak Perolehan Peralatan ICT berpusat telah diwujudkan iaitu :
i. Kontrak Perolehan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentauliah Komputer Peribadi (Apabila Diperlukan) di Kementerian Pertahanan
ii. Kontrak Perolehan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentauliah Komputer Riba (Apabila Diperlukan) di Kementerian Pertahanan
iii. Kontrak Perolehan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentauliah Pencetak Laser Warna, Pemgimbas dan LCD Projektor (Apabila Diperlukan) di Kementerian Pertahanan

BPM adalah bertanggungjawab sebagai Penyelaras yang mengawal nilai had bumbung kesemua kontrak tersebut. Dengan adanya kontrak ini proses perolehan ICT akan menjadi lebih mudah dan cepat.

**Melaksanakan Keselamatan Perlindungan Aset ICT**

Keselamatan perlindungan aset ICT merujuk kepada langkah-langkah yang diambil oleh BPM dengan melengkapkan ciri-ciri keselamatan di setiap rangkaian, perkakasan dan perisian yang dibekalkan oleh BPM. Infrastruktur rangkaian dan perkakasan ICT MinDef telah dilengkapi dengan peralatan dan perisian keselamatan ICT seperti firewall, PRISMA, antivirus desktop, antivirus gateway, content filtering dan email filtering bagi melindungi kepentingan pihak-pihak yang bergantung kepada sistem maklumat dari kesan kegagalan atau kelemahan dari segi kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan, kesahihan maklumat dan komunikasi.

**KHIDMAT RUNDING DAN SOKONGAN TEKNIKAL**

Perkhidmatan rundingan dan sokongan teknikal ICT merupakan salah satu perkhidmatan yang terdapat di BPM. Perkhidmatan ini terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu Penyelenggaraan aset ICT dan Pinjaman aset ICT.

**Penyelenggaraan Aset ICT**

BPM merupakan penyelaras bagi kontrak penyelenggaraan peralatan ICT berpusat di MINDEF. Pada masa ini, penyelenggaraan aset ICT melibatkan enam (6) kontrak secara corrective maintainence-per call basis. Kontrak ini dikenali sebagai sistem zon.

*c. ICT Equipment Procurement Contract*

*Three (3) Procurement contracts based ICT equipment has been established, namely :*
*i. Contract Procurement Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning of Personal Computers (As Required) in the Ministry of Defence*
*ii. Contract Procurement Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning of Laptops (As Required) in the Ministry of Defence*
*iii. Contract Procurement Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning of Colour Laser Printer, Pemgimbas and LCD projector (As Required) in the Ministry of Defence*

*BPM is responsible as the coordinator of all control ceiling value of the contract. With this contract ICT acquisition process will be easier and faster.*

***Implement ICT Asset Protection***

*ICT security asset protection refers to the steps taken by BPM through completing the security features in each network, hardware and software provided by the BPM. MinDef's ICT equipment and network infrastructure have been equipped with security software such as firewall, PRISMA, desktop antivirus, antivirus gateways, content filtering and email filtering to protect the interest of the parties that depend in information systems from the effect of failure or weakness in terms of confidentiality, integrity, availability, reliability of information and communication.*

***ENGAGEMENT AND TECHNICAL SUPPORT SERVICES***

*ICT Consultancy and technical support services are available in BPM. The services are divided by two (2) categories: Maintenance of ICT asset and ICT asset Loan.*

***ICT Asset Maintenance Services***

*BPM is the coordinator for centralized ICT asset maintenance contract in MINDEF. At present it involving six (6) Maintenance contract based on corrective maintenance - per call basis. This contract is known as the zone system.*

**Pinjaman Peralatan ICT**

Perkhidmatan ini melibatkan pinjaman peralatan ICT kepada pengguna dalaman dan luaran BPM. Bagi mempertingkatkan sistem penyampaian pengguna tersebut BPM ada menawarkan khidmat nasihat dan bantuan teknikal sebarang program-program dan majlis-majlis MINDEF. Perkhidmatan ini melibatkan penyediaan sistem audio dan video semasa program itu berlangsung. Antara program dan majlis yang melibatkan perkhidmatan ini adalah seperti LIMA 2011, Forum Putrajaya 2011, Mesyuarat-mesyuarat antara bangsa dan sebagainya.

***ICT Asset Loan Services***

*This service are provided loan unit of ICT assets to internal and external users of BPM. To improve their delivery system, BPM will offer any advice and technical assistance to programs and councils at MinDef. This service involves the provision of audio and video system during the program period. Among the programs and events had been involve such a LIMA 2011, Putrajaya Forum 2011, International meetings and so forth.*

**BUDAYA BERKUALITI TERAS PERKHIDMATAN**

**Persijilan MS ISO 9001:2008 Kementerian Pertahanan**

MS ISO 9001:2008 Kementerian Pertahanan berkuatkuasa mulai 3 Oktober 2011. BPM telah menetapkan skop pelaksanaan ditumpukan kepada dua (2) Prosedur Kualiti :

a. Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem Aplikasi
b. Pengurusan Backup dan Recovery

***CORE SERVICES QUALITY CULTURE***

***MS ISO 9001:2008 Certification of the Ministry of Defence***

*MS ISO 9001:2008 Ministry of Defence with effect from October 3, 2011. Define the scope of the implementation of BPM has focused on two (2) Quality Procedures:*

*a. Development and Implementation of Application Systems*
*b. Backup and Recovery Management*

2011

# SEKTOR PENGURUSAN
# MANAGEMENT SECTOR

- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
  *Human Resource Management Division*
- Bahagian Pengurusan Maklumat
  *Information Management Division*
- **Bahagian Kewangan**
  ***Finance Division***
- Bahagian Akaun
  *Accounts Division*
- Bahagian Pentadbiran
  *Administration Division*



Majlis Sambutan 10 Tahun JHEV pada 3 April 2011
*The Celebration of 10th years of JHEV on 3rd April 2011*

# BAHAGIAN KEWANGAN
## *FINANCE DIVISION*

### PENDAHULUAN

Bagi tahun 2011, Kementerian Pertahanan telah diperuntukan Belanja Mengurus (OE) dan Belanja Pembangunan (DE) sebanyak RM13,823,738,600. Daripada jumlah tersebut, peruntukan Belanja Mengurus Kementerian Pertahanan adalah sebanyak RM10,531,089,000 iaitu 76.18% daripada jumlah keseluruhan peruntukan Kementerian. Peruntukan Belanja Pembangunan Kementerian pula adalah sebanyak RM3,292,649,600 atau 23.82% daripada keseluruhan peruntukan Kementerian. Pecahan peruntukan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2011 mengikut Peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan adalah seperti Carta 1.

### *PREFACE*

*In 2011, the Ministry of Defense was allocated Operating Expenditure and Development Expenditure totaling RM13, 823,738,600. Out of this allocated amount, RM10,531,089,000 was for the Ministry's Operating Expenditure which represented 76.18% of the Ministry's allocation. The remaining balance of RM3,292,649,600 or 23.82% made up the Ministry's Development Expenditure. The breakdown for the allocations accorded to the Defense Ministry in 2011 is outlined in Chart 1.*

**CARTA 1 : PECAHAN PERUNTUKAN BAJET KEMENTERIAN PERTAHANAN BAGI TAHUN 2011**
***CHART 1 : APPORTIONMENT OF THE MINISTRY OF DEFENSE BUDGET ALLOCATION FOR 2011***




Bagi tahun 2011, Kementerian juga telah diperuntukan peruntukan tambahan sebanyak RM498,297,600 menjadikan jumlah kemaskini peruntukan Belanja Mengurus Kementerian adalah sebanyak RM11,029,386,600 atau RM14,322,036,200 secara keseluruhannya.

*However, the Ministry of Defense was subsequently awarded an additional allocation of RM498,297,600 and making the total allocation for Operating Expenditure of the Defense Ministry RM11,029,386,600 or an overall total allocation of RM14,322,036,200.*

### ANGGARAN BELANJA MENGURUS

Peruntukan kemaskini Belanja Mengurus tahun 2011 Kementerian Pertahanan adalah sebanyak RM11,029,386,600. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1,328,243,700 atau 12.04% berbanding peruntukan yang diperolehi pada tahun 2010 berjumlah RM9,701,142,900. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5,043,932,842 atau 45.73% adalah merupakan peruntukan bagi Emolumen manakala sebanyak RM5,985,453,758 atau 54.27% adalah untuk peruntukan Bukan Emolumen.

### *ESTIMATED OPERATING EXPENDITURE*

*The revised Operating Expenditure for the Defense Ministry in 2011 was RM11,029,386,600, an increase of RM1,328,243,700 or 12.04% compared to the allocation of RM9,701,142,900 received in 2010. Of the total Operating Expenditure allocation, RM5,043,932,842 or 45.73% represented the provision for Emoluments, with the remaining RM5,985,453,758 or 54.27% consisting of Non Emoluments – related spending.*

### Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Mengikut Dasar

Agihan peruntukan Belanja Mengurus mengikut Dasar dan perbandingan agihan bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di Jadual 1 dan Carta 2.

### *Distribution of Operating Expenditure by Policy*

*Distribution of allocations within Operating Expenditure according to policy and a comparison between 2010 and 2011 is shown in Table 1 and Chart 2.*

**JADUAL 1 : AGIHAN PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2010 DAN 2011 MENGIKUT DASAR**
***TABLE 1 : DISTRIBUTION OF THE OPERATING EXPENDITURE IN 2010 AND 2011 – BY POLICY***

| Dasar / *Policy* | Tahun / *Year* 2010 (RM) | Tahun / *Year* 2011 (RM) | Perbezaan / *Variation* | % |
|---|---|---|---|---|
| Dasar Sedia Ada / *Existing Policy* | 9,014,978,104 | 10,191,713,213 | 1,176,735,109 | 11.55 |
| Dasar Baru / *New Policy* | 254,000,000 | 323,603,980 | 69,603,980 | 21.51 |
| ***One-Off:*** | 432,164,796 | 514,069,407 | 81,904,611 | |
| Luar Negara / *Oversea* | 20,000,000 | 20,000,000 | 0 | 0.00 |
| Projek / *Project* | 409,864,796 | 489,279,407 | 79,414,611 | 16.23 |
| *Tajaan Biasiswa / Scholarship* | 2,300,000 | - | (2,300,000) | (100.00) |
| *Emolumen Kakitangan Kontrak / Contract Ofiicers' Emolument* | 0 | 4,790,000 | 4,790,000 | 100.00 |
| ***JUMLAH / TOTAL*** | **9,701,142,900** | **11,029,386,600** | **1,328,243,700** | **12.04** |

**CARTA 2 : PERBANDINGAN AGIHAN PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2010 DAN 2011 MENGIKUT DASAR**
***CHART 2 : COMPARISON OF THE OPERATING EXPENDITURE DISTRIBUTION IN 2010 AND 2011 – BY POLICY***







LAPORAN TAHUNAN 2011 Kementerian Pertahanan Malaysia

## Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Mengikut Jenis Perbelanjaan

Agihan peruntukan Belanja Mengurus mengikut Jenis Perbelanjaan dan perbandingan agihan bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di Jadual 2 dan Carta 3.

## *Distribution of Operating Expenditure by Expense Type*

*Distribution of allocations within Operating Expenditure according to expenses type and a comparison between 2010 and 2011 is illustrated in Table 2 and Chart 3.*

**JADUAL 2 : AGIHAN PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2010 DAN 2011 MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN**
***TABLE 2 : DISTRIBUTION OF THE OPERATING EXPENDITURE IN 2010 AND 2011 – BY EXPENSE TYPE***

| Jenis Perbelanjaan / Expense Type | Tahun / Year 2010 (RM) | Tahun / Year 2011 (RM) | Perbezaan / Variation | % |
|---|---|---|---|---|
| Emolumen / *Emolument* | 4,861,920,150 | 5,043,932,842 | 182,012,692 | 3.61 |
| Perkhidmatan & Bekalan / *Services & Supplies* | 4,213,649,442 | 5,441,726,385 | 1,228,076,943 | 22.57 |
| Aset / *Asset* | 551,832,146 | 443,061,237 | (108,770,909) | (24.55) |
| Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap / *Funding & Fixed Charges* | 72,199,251 | 100,403,423 | 28,204,172 | 28.09 |
| Perbelanjaan -Perbelanjaan Lain / Other Expenses | 1,541,911 | 262,713 | (1,279,198) | 486.92 |
| **Jumlah / *Total*** | **9,701,142,900** | **11,029,386,600** | **1,328,243,700** | **12.04** |

**CARTA 3 : PERBANDINGAN AGIHAN PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2010 DAN 2011 MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN**
***CHART 3 : COMPARISON OF THE OPERATING EXPENDITURE DISTRIBUTION IN 2010 AND 2011 – BY EXPENSE TYPE***




## Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Mengikut Program

Peruntukan Belanja Mengurus tahun 2011 sebanyak RM11,029,386,600 telah diagihkan kepada enam (6) Program iaitu Program Bantuan Bersama, Program Pertahanan Darat, Program Pertahanan Maritim, Program Pertahanan Ruang Udara dan Program Latihan Khidmat Negara. Jadual 3 dan Carta 4 menunjukkan agihan peruntukan Belanja Mengurus mengikut Program dan perbandingan agihan bagi tahun 2010 dan 2011.

## *Distribution of Operating Expenditure by Programme*

*The Operating Expenditure of RM11,029,386,600 received in 2011 was distributed across six (6) Programmes, namely Program Pentadbiran Pertahanan, Program Pertahanan, Program Bantuan Bersama, Program Pertahanan Darat, Program Pertahanan Maritim, Program Pertahanan Ruang Udara and Program Latihan Khidmat Negara. Table 3 and Chart 4 exhibit the allocation and a comparison on the amount received by Program in 2010 and 2011.*





**JADUAL 3 : AGIHAN PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2010 DAN 2011 MENGIKUT PROGRAM**
***TABLE 3 : DISTRIBUTION OF THE OPERATING EXPENDITURE IN 2010 AND 2011 – BY PROGRAMME***

| Program / *Programme* | Tahun / *Year* 2010 (RM) | Tahun / *Year* 2011 (RM) | Perbezaan / *Variation* | % |
|---|---|---|---|---|
| Pentadbiran Pertahanan / *Defence Administration* | 344,152,250 | 438,159,430 | 94,007,180 | 21.46 |
| Bantuan Bersama / *Joint Assistance* | 992,957,596 | 970,620,750 | (22,336,846) | (2.30) |
| Pertahanan Darat / *Land Defence* | 4,301,712,085 | 4,590,421,170 | 288,709,085 | 6.29 |
| Pertahanan Maritim / *Maritime Defence* | 1,484,803,960 | 2,196,162,130 | 711,358,170 | 32.39 |
| Pertahanan Ruang Udara / *Airspace Defence* | 1,960,417,009 | 2,081,101,120 | 120,684,111 | 5.80 |
| Jab. Latihan Khidmat Negara / *National Service Training Department* | 617,100,000 | 752,922,000 | 135,822,000 | 18.04 |
| **Jumlah / *Total*** | **9,701,142,900** | **11,029,386,600** | **1,328,243,700** | **12.04** |

**CARTA 4 : PERBANDINGAN AGIHAN PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2010 DAN 2011 MENGIKUT PROGRAM**
***CHART 4 : COMPARISON OF THE OPERATING EXPENDITURE DISTRIBUTION IN 2010 AND 2011 – BY PROGRAMME***




## PRESTASI BELANJA MENGURUS

Prestasi Belanja Mengurus Kementerian sehingga 31 Disember 2011 (AKB) berdasarkan Laporan Jabatan Akauntan Negara (Laporan A499) adalah sebanyak RM11,078,723,117.32 atau 100.45% daripada peruntukan yang disediakan.

## *OPERATING EXPENDITURE PERFORMANCE*

*Based on the Accountant's General Report (A499 Report) the Ministry's Operating Expenditure performance up to December 31, 2011 (closing of Payables Account (AKB) is RM11,078,723,117.32 or 100.45% of the allocated amount.*

### Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Mengikut Dasar

Prestasi perbelanjaan dan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mengurus mengikut Dasar bagi tahun 2011 adalah seperti di Jadual 4 dan Carta 5.

### *Operating Expenditure Performance by Policy*

*Performance of the Operating Expenditure according to policy and a comparison between the allocation and expenses incurred in 2011 is shown in Table 4 and Chart 5.*

**JADUAL 5 : PRESTASI PERBELANJAAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2011 MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN**
***TABLE 5 : PERFORMANCE OF OPERATING EXPENDITURE IN 2011 – BY EXPENSE TYPE***

| Dasar / *Policy* | Tahun / *Year* 2011 (RM) |
|---|---|
| Dasar Sedia Ada / *Existing Policy* | 10,258,124,309.95 |
| Dasar Baru / *New Policy* | 318,053,866.19 |
| **One-Off:** | 502,544,941.18 |
| Luar Negara / *Oversea* | 18,383,159.36 |
| Projek / *Project* | 480,734,649.14 |
| Emolumen Kakitangan Kontrak / *Contract Officers' Emolument* | 3,427,132.68 |
| **Jumlah / *Total*** | 11,078,723,117.32 |

**CARTA 6 : PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2011 MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN**
*CHART 6 : COMPARISON OF THE OPERATING EXPENDITURE ALLOCATION AND EXPENSES INCURRED IN 2011 – BY EXPENSE TYPE*




## Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Mengikut Program

Prestasi perbelanjaan dan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mengurus mengikut Program bagi tahun 2011 adalah seperti di Jadual 6 dan Carta 7.

## *Operating Expenditure Performance by Programme*

*Performance of Operating Expenditure according to Programme and a comparison between the allocation and expenditure incurred in 2011 is exhibited in Table 6 and Chart 7.*

**JADUAL 6 : PRESTASI PERBELANJAAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2011 BERAKHIR 31 DISEMBER 2011 (AKB) MENGIKUT PROGRAM**
*TABLE 6 : PERFORMANCE OF OPERATING EXPENDITURE IN 2011 – BY PROGRAMME*

| Program / *Programme* | Peruntukan / *Allocation* Tahun / *Year* 2010 (RM) | Perbelanjaan / *Expenditure* Tahun / *Year* 2011 (RM) |
|---|---|---|
| Pentadbiran Pertahanan / *Defence Administration* | 419,894,300 | 410,450,783.42 |
| Bantuan Bersama / *Joint Assistance* | 959,850,000 | 1,011,841,143.89 |
| Pertahanan Darat / *Land Defence* | 4,351,416,763 | 4,375,554,173.80 |
| Pertahanan Maritim / *Maritime Defence* | 2,117,101,100 | 2,122,610,116.36 |
| Pertahanan Ruang Udara / *Airspace Defence* | 2,004,500,000 | 2,027,248,556.48 |
| Jab. Latihan Khidmat Negara / *National Service Training Department* | 662,555,030 | 628,473,402.19 |
| One-Off (Luar Negara) / *One-Off (Oversea)* | 20,000,000 | 18,383,159.36 |
| One-Off (Harta Modal) / *One-Off (Asset)* | 489,279,407 | 480,215,812.25 |
| One-Off (Emolumen Kakitangan Kontrak) / *Contract Ofiicers' Emolument* | 4,790,000 | 3,945,969.57 |
| **Jumlah / *Total*** | **11,029,386,600** | **11,078,723,117.32** |





**CARTA 7 : PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2011 BERAKHIR 31 DISEMBER 2011 (AKB) MENGIKUT PROGRAM**
*CHART 7 : COMPARISON OF THE OPERATING EXPENDITURE ALLOCATION AND EXPENSES INCURRED IN 2011 – BY PROGRAMME*




## Perbandingan Peruntukan dan Perbelanjaan Belanja Mengurus Bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mulai Tahun 2007 Hingga 2011

Perbelanjaan Belanja Mengurus bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM11,078,723,117.32 (100.45%) daripada peruntukan yang diterima sebanyak RM11,029,386,600. Perbandingan prestasi perbelanjaan bagi tempoh lima (5) tahun mulai tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di Carta 8.

## *Comparison of Operating Expenditure Allocation and Expenditure for 5-Year Period between 2007 Through 2011*

*Operating Expenditure performance for 2011 was RM11,078,723,117.32 (100.45%) of the allocated amount of RM11,029,386,600. A comparison of the expenditure incurred in the 5-year period between 2007 through 2011 is outlined in Chart 8.*

**CARTA 8 : PERBANDINGAN PRESTASI BELANJA MENGURUS KEMENTERIAN PERTAHANAN DARI TAHUN 2007 HINGGA 2011**
*CHART 8 : COMPARISON OF THE OPERATING EXPENDITURE ALLOCATION AND EXPENSES INCURRED FROM 2007 THROUGH 2011*






# SEKTOR PENGURUSAN
# MANAGEMENT SECTOR

2011

- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
  *Human Resource Management Division*
- Bahagian Pengurusan Maklumat
  *Information Management Division*
- Bahagian Kewangan
  *Finance Division*
- **Bahagian Akaun**
  ***Accounts Division***
- Bahagian Pentadbiran
  *Administration Division*



Majlis Berbuka Puasa 2011 bersama Menteri Pertahanan bertempat di masjid Khalid Ibnu Al-Walid
*Breaking Fast Ceremony with Minister of Defence at Khalid Ibnu Al-Walid Mosque*

# BAHAGIAN AKAUN
# *ACCOUNTS DIVISION*

## PENDAHULUAN, VISI DAN MISI

*INTRODUCTION, VISION AND MISSION*



Bahagian Akaun adalah terletak di bawah Sektor Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan – TKSU (U). Visi Bahagian Akaun ialah untuk menjadi Pejabat Perakaunan terbilang dalam memberi perkhidmatan perakaunan yang cemerlang demi mencapai visi Kementerian. Misi Bahagian Akaun ialah untuk mengurus bayaran dan memberi perkhidmatan perakaunan dan kewangan serta maklumat pengurusan yang berkualiti bagi mencapai visi Bahagian.

*The Accounts Division is under the supervision of the Deputy Secretary General Management – TKSU (U). The vision of the Account Division is to be an outstanding Accounting Office in delivering excellent accounting services towards achieving the Ministry's vision. The mission of the Accounts Division is to manage payments and provide quality accounting, financial and management information towards achieving the vision of the Division.*

## OBJEKTIF BAHAGIAN AKAUN

*OBJECTIVES OF THE ACCOUNTS DIVISION*

- Memberi perkhidmatan pembayaran, terimaan dan perakaunan yang teratur, cekap dan tepat pada masanya.
- Memastikan akaun dan rekod-rekod perakaunan disenggara dengan lengkap dan kemaskini.
- Menyediakan Penyata Akaun Awam dan laporan perakaunan/kewangan dengan tepat, teratur, cekap dan berkesan berdasarkan peraturan/ tatacara yang berkuatkuasa untuk dikemukakan kepada stakeholder dan pelanggan.
- Memastikan pelaksaan sistem perakaunan dan kewangan kerajaan yang cekap seiring dengan perkembangan teknologi semasa.
- Memberi khidmat nasihat perakaunan dan kewangan yang berkesan kepada warga kementerian yang memerlukannya.
- Melaksanakan naziran ke PTJ sebagai satu langkah membantu PTJ menguruskan kewangan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

- *To provide efficient and effective payment, receipts and accounting services.*
- *To ensure accounts and accounting records are well maintained and up to date.*
- *To prepare timely and accurate Public Sector Accounts and accounting/ financial reports based on existing procedures to be presented to stakeholders and customers.*
- *To ensure accounting and financial systems are efficient and in line with the latest technology.*
- *To give effective accounting and financial advisory services to staff of the Ministry when required.*
- *To perform inspections at the Responsibility Centre as a means to assist them in managing finances according to current rules and regulations.*

## NILAI-NILAI DAN SIKAP KERJA YANG POSITIF

Dalam memberikan perkhidmatan yang 'mendahulukan rakyat' dan 'mengutamakan pencapaian', dari semasa ke semasa pihak pengurusan Bahagian Akaun akan menerapkan nilai-nilai dan sikap positif di kalangan warga kerjanya. Antara perkara yang telah diberi penekanan dalam melaksanakan tugas adalah seperti berikut:

### i) Multi tasking skill

Setiap warga kerja Bahagian Akaun perlu memahami dan berkemahiran mengenai proses pembayaran dan perakaunan. Ini bagi memastikan mana-mana pegawai pun mampu melaksanakan tugas rakan sejawatnya apabila ketiadaan pegawai oleh kerana bercuti, berkursus atau tugas luar supaya proses kerja tidak tergendala demi mengutamakan pencapaian Bahagian Akaun. Pelaksanaan pusingan kerja secara dalaman dilihat sebagai langkah terbaik dalam menerapkan kemahiran multi tasking. Justeru, ia telah mula dilaksanakan di Bahagian Akaun sejak tahun 2009. Selain tugas hakiki, warga Bahagian Akaun juga digalakkan untuk membantu dalam melaksanakan tugas-tugas yang lain.

### ii) Ownership

Penjawat Awam perlu bertanggungjawab di atas setiap tugas yang telah diamanahkan kepadanya. Tugas yang dilakukan dengan penuh rasa tanggungjawab akan menghasilkan output yang berkualiti dan dapat memenuhi kehendak pelanggan serta stakeholder. Dalam keadaan ketiadaan pegawai di pejabat maka pegawai berkenaan perlu memastikan segala tugas yang diamanahkan kepadanya diserah kepada pegawai yang lain agar tugasan dapat diselesaikan dengan segera.

## *POSITIVE VALUES AND WORK ATTITUDE*

*To provide services prioritizing citizens and achievements, the management of the Accounts Division instills positive values and work attitude amongst the staff. Amongst the matters focussed are as follows:*

### *i) Multi tasking skill*

*Every staff of the Accounts Division has to understand and attain skills relating to the payment and accounting process. This is to ensure the work can be carried out in the absence of the responsible officer in cases of leave, attending courses or on duty outstation. This is to ensure there is no work interruption. Job rotation promotes multi tasking and has been practiced in the Accounts division since 2009. Besides performing duties assigned, staff of the Accounts Division is encouraged to assist in other duties.*

### *ii) Ownership*

*Public sector employees have to be responsible to the duties entrusted to them. Duties have to carried out with full responsibility to produce quality output and satisfy the needs of customers and stakeholders. In the absence of the responsible officer, the duties have to be reassigned to another officer to ensure speedy completion of the job.*

### iii) Value Added

Ke arah membentuk budaya kerja kelas pertama, tindakan penambahbaikan di dalam proses kerja telah dilakukan oleh setiap seksyen dan unit. Kajian ke atas proses kerja di Bahagian Akaun akan dilakukan secara berterusan bagi menghasilkan output yang berkualiti dalam tempoh masa yang lebih singkat. Aspek kreativiti dan inovasi amat dititikberatkan dalam memberi nilai tambah kepada proses kerja sedia ada. Disamping itu, setiap warga Bahagian Akaun juga perlu melaksanakan tugas dengan daya usaha yang lebih tinggi.

## AKTIVITI UTAMA BAHAGIAN AKAUN

Sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2011, Bahagian Akaun memberi tumpuan aktiviti-aktiviti utama iaitu:

i. Menyediakan laporan bulanan perbelanjaan, terimaan serta amanah dan hantar kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) Mindef di Lembah Klang. Memantau dan menyemak penyata penyesuaian dari 58 PTJ.

ii. Memproses bil tuntutan sehingga bayaran untuk 58 PTJ Lembah Klang dan menyediakan laporan prestasi bil.

iii. Melaksanakan naziran Sistem Perancangan Dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB), naziran khas bayaran dalam 14 hari, naziran pungutan hasil serta naziran panjar wang runcit menyediakan laporan naziran.

iv. Memantau kutipan hasil dan Akaun Belum Terima (ABT) serta mengambil tindakan untuk mengurangkan ABT.

v. Melaksanakan sistem eTerimaan di semua Pusat Pemungut Mindef.

vi. Menganjurkan bengkel / latihan pengurusan perakaunan Akaun Amanah dan Deposit bagi PTJ Mindef serta mengadakan Latihan Perakaunan Forensik untuk anggota kerja Bahagian Akaun.

vii. Memproses gaji penjawat awam dan membayar potongan gaji kepada agensi berkaitan.

viii. Membuat pungutan hasil / deposit / amanah,

*iii) Value Added*

*To build a world class culture, improvement actions have been taken by each section and unit. Work processes in the Accounts Division will be continuously studied to produce quality output in the shortest period. Creativity and innovation give value added to current work processes. Every staff in the Accounts Division is required to improve his/her performance.*

## *MAIN ACTIVITIES OF THE ACCOUNTS DIVISON*

*As specified in the Yearly Work Target (SKT) 2011, the main activities of the Accounts Division are as follows:*

*i. Prepare monthly expenditure, receipts and trust reports for Responsibility Centres in the Klang Valley and also monitor and check reconcilition statements from 58 Responsibility Centres.*

*ii. Process payment for bills from 58 Responsibility Centres and prepare reports on the performance of payment of bills.*

*iii. Perform inspection of the Electronic Planning and Budgeting Control System, special inspection of bill payments in 14 days as well as inspection of revenue collections and inspection of the petty cash imprests. Inspection reports are also prepared after each inspection.*

*iv. Monitor revenue collections and Accounts Receivables and also to take action to reduce receivables.*

*v. Implement Electronic Collections in all collection centres of Mindef.*

*vi. Organise workshops / training on management of Trust and Deposit Accounts for Responsibility Centres of Mindef and also to organise Forensic Accounting training for staff of the Accounts Division.*

*vii. Process pay for civilians and also payment of pay deductions to relevant agencies.*

*viii. Make collection of revenue / deposit / trust and*





mengeluarkan resit, memasukkan pungutan ke dalam akaun bank, mengakaunkan ke dalam akaun pungutan serta menyediakan laporan pungutan.

ix. Menjana dan mengedarkan penyata akaun peminjam komputer dan kenderaan (bukan BSN) dua kali setahun.

x. Mengemaskini rekod perkhidmatan dan latihan anggota kerja Bahagian Akaun.

xi. Memantau aktiviti perakaunan dan kewangan oleh Pejabat perakaunan serta memberi khidmat nasihat dan bimbingan mengikut prosedur kerja perakaunan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

*issue receipts, banking in the collections and preparation of collection reports.*

*ix. Generate and distribute statements of computer and car loans (non BSN) twice a year.*

*x. Update services and training records of the staff of the Accounts Division.*

*xi. Monitor accounting and financial activities of the Accounting Offices and give advisory and counselling services based on accounting work procedures set by the Accountant General's Department of Malaysia.*



## PENCAPAIAN BAHAGIAN AKAUN

i. Kementerian Pertahanan telah mendapat Sijil MS ISO 9001:2008 pada 31 Disember 2011. Dua prosedur Bahagian Akaun yang termasuk dalam persijilan tersebut adalah prosedur pembayaran dan perakaunan.

ii. Bahagian Akaun telah dianugerahkan Sijil MS ISO 9001:2008 untuk tempoh 3 tahun dari 9 Jun 2008 hingga 2011 di bawah skop Pengurusan Pembayaran dan Perakaunan bagi semua PTJ di Kementerian Pertahanan. Skop yang merangkumi 15 Prosedur Kerja telah mendapat pembaharuan sijil untuk 3 tahun lagi dari 9 Jun 2011 hingga 8 Jun 2014 daripada Moody International Certification (M) Sdn. Bhd.

iii. Hasil kerjasama dan usaha yang telah diberikan oleh semua anggota kerja, Bahagian Akaun telah berjaya memenangi Anugerah Pertandingan Pejabat Terbaik Kementerian Pertahanan Siri 1 dan Siri 2 bagi program Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Tahun 2011.

## *ACHIEVEMENTS OF THE ACCOUNTS DIVISION*

*i. The Ministry of Defence has obtained the certificate MS ISO 9001:2008 on 31 December 2011. Two procedures of the Accounts Division namely the payment and accounting procedures are included in that Certificate.*

*ii. The Accounts Division has been awarded the MS ISO 9001:2008 Certificate for 3 years from 9 Jun 2008 till 2011under the management of payments and accounting scope for all the Responsibility Centres in the Ministry Of Defence. The Certificate encompassing 15 Work Procedures has been renewed for 3 more years from 9 June 2011 till 8 June 2014 from Moody International Certification (M) Sdn. Bhd.*

*iii. As a result of cooperation and joint efforts from all the staff of the Accounts Division, the Accounts Division won the Best Office Award for the first and second series under the 5S Quality Environment Practice 2011.*

iv. Bahagian Akaun juga telah mencapai 100 peratus SKT tahun 2011. Prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari Kementerian Pertahanan bagi tahun 2011 (termasuk tempoh Akaun Kena Bayar) adalah sebanyak 99.97% Prestasi pembayaran bil yang baik dicapai melalui kerjasama daripada semua PTJ Kementerian Pertahanan.

*iv. The Accounts Division has also achieved 100 Percent of the Yearly Work Targets for 2011. Payment of bills within 14 days of the Ministry of Defence for 2011 (including the Accounts Payable period was 99.97%). The good performance for bills payments was achieved via cooperation from all Responsibility Centres of the Ministry of Defence.*

**PENUTUP**

Antara faktor utama yang menyumbang kepada kecemerlangan Bahagian Akaun sepanjang tahun 2011 ialah komitmen warga anggota Bahagian Akaun yang amat fokus dan sangat berdedikasi serta sentiasa bersedia bertugas di luar waktu pejabat serta di luar pejabat. Semangat mendahulukan perkhidmatan akan terus memberi kejayaan kepada segala usaha dan tugas Bahagian Akaun.

***CONCLUSION***

*Among the key factors contributing to the success of the Accounts Division throughout 2011 is the commitment of the staff who are very focused and dedicated as well as readiness to work outside office hours as well as outstation. Priorization of services will continue to make all efforts and work of the Accounts Division successful.*

# 2011

# SEKTOR PENGURUSAN
# MANAGEMENT SECTOR

- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
  *Human Resource Management Division*
- Bahagian Pengurusan Maklumat
  *Information Management Division*
- Bahagian Kewangan
  *Finance Division*
- Bahagian Akaun
  *Accounts Division*
- **Bahagian Pentadbiran**
  ***Administration Division***



Sambutan Maulidur Rasul 1432 H peringkat Kementerian Pertahanan pada 18 Februari 2011
*1432 H Maulidur Rasul Celebration at MinDef on 18th February 2011*

## BAHAGIAN PENTADBIRAN
## *ADMINISTRATION DIVISION*

Bahagian pentadbiran merupakan satu bahagian yang bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan yang cekap dan berkesan kepada semua pegawai dan kakitangan awam dan juga tentera di Kementerian Pertahanan. Bahagian Pentadbiran diketua oleh seorang Setiausaha Bahagian dan beberapa cawangan yang bertanggungjawab melaksanakan segala objektif dan misi bahagian.

*The administration division is responsible for providing effective and efficient support to all officers, civil servants and the military in the Ministry of Defence. This division is led by one Division Secretary and a number of branch which responsible in implementing the objectives and mission of the division.*

### PROJEK PENINGKATAN BANGUNAN WISMA PERTAHANAN

### *DEFENCE BUILDING IMPROVEMENT PROJECT*

Bangunan Wisma Pertahanan yang telah berusia hampir 28 tahun ini adalah sebuah bangunan yang sentiasa menjadi kebanggaan warga Kementerian mahupun ATM. Walaupun pelbagai bangunan pencakar langit telah wujud di sekitar bangunan ini namun , Bangunan Wisma Pertahanan yang menjadi bangunan sasaran penting negara tetap gagah berdiri dengan sejarahnya yang tersendiri.

*Ministry of Defence building which aged nearly 28 years old now has always been the pride of the Ministry or Armed Forces staffs. Although many skyscrapers are built and visible in the vicinity of this building, yet this building is stand still due to its importance and its own history.*

Tugas dan tanggunjawab untuk menjaga dan memelihara Bangunan ini diletakkan di bawah Bahagian Pentadbiran. Objektif utama Bahagian ini adalah untuk memastikan bangunan ini sentiasa selamat dan kondusif untuk semua warga yang bekerja dan berurusan di Bangunan Wisma Pertahanan.

*The duties and responsibilities of protecting and preserving this building are put under the Administration Department. The main objective of this department is to ensure that these buildings are safe and conducive for all employees who work and deal with the Ministry of Defence.*

Bagi memastikan Bangunan ini sentiasa selesa dan terkini, pelbagai usaha penambahbaikan dan naik taraf telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011 yang lalu. Pada tahun 2010, Bahagian Pentadbiran telah melaksanakan pelbagai projek peningkatan seperti berikut:

*To ensure that the building is always comfortable and up to date, many efforts and upgrading works have been implemented over the last 2011. In 2010, the Administration Department has executed various improvement projects as follows:*






Laluan jalan kaki berbumbung
*Roofed walkaways*





a. naik taraf kafetaria Kementerian,
b. peningkatan landskap persekitaran Bangunan Wisma Pertahanan
c. naik taraf Dewan Serbaguna Kementerian yang kini dikenali sebagai Dewan Seroja
d. naik taraf kawasan Dataran Wisma Pertahanan
e. penambahbaikkan bangunan parkir bertingkat
f. naik taraf kawasan lobi VIP dan kaunter pelawat Kor D
g. pengubahsuaian Sudut Inovasi Kementerian

*a. upgrading the Ministry cafeteria*
*b. improve the landscape at Defence Building*
*c. upgrade the Ministry Multipurpose Hall and now it is known as the Seroja Hall.*
*d. upgrade the Defence Square*
*e. improve storey car park building*
*f. upgrade of the VIP lobby area and Kor D visitors counter*
*g. modification of the Ministry Innovation Corner*

Kesimbungan ini telah diteruskan pada tahun 2011 di mana beberapa projek peningkatan telah dilaksanakan bagi memastikan Bangunan ini sentiasa ceria dan selesa diduduki. Antara projek yang telah dilaksanakan pada tahun lepas adalah:

*This continuity has been ongoing since 2011 in which several improvements projects had been made to ensure that this building is always cheerful and comfortable. Among the projects being implemented last year was:*

a. naik taraf kawsan foyer/ ruang legar utama Kementerian
b. menbina kawasan untuk pejalan kaki berbumbung dari kawasan Balai Pengawal sehingga Kor Pelawat
c. naik taraf Surau Al -Hidayah

*a. upgrade foyer areas / main foyer of the Ministry*
*b. build roofed area for pedestrians from the main gate until the Corps Visitor Controller*
*c. upgrading of Al-Hidayah Mosque*









Kerja naik taraf ruang legar
*Upgrading of the lobby/foyer*

## LATIHAN KEBAKARAN DI BANGUNAN WISMA PERTAHANAN

Kebakaran atau apa-apa kecemasan di bangunan-bangunan boleh berlaku pada bila-bila masa kecemasan boleh meragut nyawa, mencederakan dan memusnahkan harta benda. Latihan kawad kebakaran dan kecemasan adalah merupakan suatu langkah persediaan atau berjaga-jaga bagi menghadapi segala kemungkinan-kemungkinan yang berlaku mungkin berlaku.

Berdasarkan arahan Bomba, setiap premis digalakkan untuk menjalankan latihan kawad kebakaran dan kecemasan bagi menyediakan para wawrga bangunan jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini sekurang-kurangnya setahun sekali. Pada 30 Mei 2011, Bahagian Pentadbiran telah Berjaya melaksanakan latihan kawad kebakaran. Pihak Bomba yang menjadi pemerhati ketika latihan dijalankan telah memaklumkan bahawa latihan tersebut Berjaya dan tempoh masa pengosongan bangunan yang dilaksanakan adalah baik dan menepati. Beberapa teguran uga telah dibuat oleh pihak Bomba bagi tujuan penambahbaikan.

## *FIRE DRILL AT DEFENCE BUILDING*

*Fire or any emergency in the buildings can occur at any time and conditions unexpectedly. Fire and emergency could graze human life, cause injury and destroy the property. Therefore, fire drills and emergency evacuation is looked as important step to prepare all staffs with all possibilities that might occur.*

*Based on the fire brigade instructions, each premise is encouraged to go through fire drill to prepare them in case of any mishap at least once a year. On May 30, 2011, the Administration Department has successfully implemented fire drills exercise. The Fire brigade who as an observer during this training has informed that this training is a success and the evacuation time meet the target. Some comments are also being made by the Fire Department for the further improvement.*

## PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN

Berdasarkan kepada Pekeliling Am Tahun 2000, Perhimpunan Bulanan diadakan di semua Kementerian/ Agensi bertujuan menyampaian amanat-amanat penting Kerajaan dan Pengurusan Kementerian / Agensi Pengurusan Kementerian / Agensi kepada semua warga. Ia juga bertujuan untuk memupuk semangat dan sentiasa memastikan semua warga bekerja ke arah satu haluan bagi mencapai matlamat pembangunan dan kesejahteraan Negara.



## *THE MINISTRY MONTHLY GATHERINGS*

*According to the Second General Circular of 2000, Monthly Assembly should be held in all Ministries/ Agencies to spread an important message from Government, Ministries Administration/ Agencies to all citizens. It also aims to foster the spirit and always ensure that all staff working hard to achieve development and prosperity in the country.*

Perhimpunan Bulanan di Kementerian ini diketuai oleh YB Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia. Perhimpunan bulanan yang diadakan di Dataran Wisma Pertahanan ini turut disertai oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Panglima Angkatan Tentera Malaysia dan Panglima-Panglima Perkhidmatan.

*This monthly gathering is headed by YB Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Minister of Defence at Defence Square. This gathering was also attended by Chief Secretary of Ministry, Chief Commander of the Malaysian Armed Forces, and Chief of Services.*






Antara aturcara perhimpunan Kementerian ini adalah ucapan YB Menteri Pertahanan yang kemudian disusuli dengan majlis penyampaian hadiah / sijil / anugerah, pemakaian pangkat kehormat, pelancaran majlis, penyerahan sumbangan dan pelbagai lagi. Keunikan perhimpunan Kementerian ini lebih terselah dengan adanya persembahan kebudayaan daripada kumpulan tertentu yang terdiri daripada di kalangan warga Kementerian / Agensi di bawahnya.



Perhimpunan Bulan MinDef
*MinDef monthly assembly*

*Among the Ministry's Assembly tentative is the Main Speech by YB Minister of Defence which followed by the giveaway ceremony of prizes/ certificates/ awards, application of the honorary rank, contributions and many more. The uniqueness of this assembly is highlighted by the cultural performance among the staff of the Ministry/ Agency.*

**MAJLIS PERJUMPAAN KETUA SETIAUSAHA BERSAMA WARGA MINDEF SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI DAN MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAM MENTERI PERTAHANAN**

Sebagai salah satu usaha merapatkan silaturahim antara warga Kementerian dengan pihak pengurusan atasan Kemnterian, majlis tahunan seperti majlis berbuka puasa dan majlis beramah mesra bersama warga Kementerian sempena Hari Raya Puasa adalah aktiviti tahunan yang d dilaksanakan oleh Bahagian Pentadbiran.

Majlis Berbuka puasa selalunya diadakan di Masjid Khalid Al-Walid ini turut disertai oleh YB Menteri Pertahanan serta pegawai- kanan Awam dan ATM yang lain. MAjlis ini turut disulami dengan acara penyampaian sumbangan wang tunai kepada golongan yang kurang bernasib baik dan kepada warga ATM atau Awam yang baru memeluk agama Islam.

Majlis Sambutan Hari Raya peringkat Kementerian yang diadakan di Dewan Seroja pula kebiasaanya sangat meriah dengan pelbagai juadah Hari Raya di sediakan seperti rendang , ketupat, sate dan lain-lain lagi. Majlis turut disertai oleh warga ATM dan tetamu-tetamu kenamaan yang lain.



***CHIEF SECRETARY’S GATHERING CEREMONY ON AIDILFITRI AND BREAKING FAST CELEBRATION WITH MINISTER OF DEFENCE***

*As one effort to strengthen the relationship between the staff of the Ministry of Defence with their top management, an annual event such as the breaking fast ceremony and friendly conversation has been conducted on Aidilfitri celebration by Administration Department.*

*Breaking fast which usually took place at the Khalid Al-Walid Mosque was also attended by Minister of Defence and Senior Officers of Public Services Staff and Armed Forces members. This event was also included the giveaway of a cash contribution to the less fortunate and public staffs or Armed Forces who are newly converted.*

*Aidilfitri Celebration that was held at the Seroja Hall is full of excitement and cheerful with a variety of Hari Raya delicacies such as fross, ketupat, satay and others. This ceremony was also attended by Armed Forces members and other VIP guests.*



Majlis perjumpaan KSU bersara warga kementerian sempena Hari Raya
*KSU meeting with staff in conjunction with the Hari Raya celebration*

2011

# SEKTOR DASAR
# POLICY SECTOR

- **Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik**
  ***Policy And Strategic Planning Division***
- Bahagian Industri Pertahanan
  *Defence Industry Division*
- Depoh Simpanan Pertahanan
  *Defence Reserve Depot*

# BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK
## *POLICY AND STRATEGIC PLANNING DIVISION*



Mesyuarat Agong KAKEP pada 28 April 2011
*KAKEP Annual Meeting on 28th April 2011*

**PENGENALAN**

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) merupakan bahagian yang menguruskan hal ehwal antarabangsa yang melibatkan negara asing dan juga aktiviti-aktiviti strategik Kementerian. Bahagian ini telah wujud sejak tahun 1980 dan kemudiannya distrukturkan semula dan dinamakan sebagai Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik pada Julai 2010. Secara amnya, sepanjang tahun 2011 BDPS telah melaksanakan pelbagai aktiviti termasuk beberapa kejayaan penting Kementerian. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

**1. MESYUARAT ANTARABANGSA**

BDPS telah melaksanakan dan terlibat dalam 37 mesyuarat antarabangsa melalui kerjasama pertahanan pelbagai hala (multilateral) dan dua hala(bilateral). Antaranya:

**1.1 Malaysia-United State Strategic Talks (MUSST)**

MUSST ke-3 telah diadakan di Kuala Lumpur pada 10 Mac 2011. Penubuhan MUSST adalah hasil daripada peningkatan hubungan dua hala Malaysia – US menerusi Bilateral Training and Consultative Group (BITACG). Antara isu strategik yang telah dibincangkan adalah kestabilan di Timur Tengah, sumbangan Malaysia di Afghanistan, keselamatan maritim di Teluk Aden, China, Mindanao, Selatan Thailand, Indonesia, ADMM-Plus dan isu-isu laut China Selatan.

**1.2 Ulang Tahun FPDA ke-40**

Five Power Defence Arrangement (FPDA) telah wujud sejak tahun 1971. Tujuan penubuhan FPDA adalah untuk mempertahankan Malaysia dan Singapura daripada serangan dan ancaman luar. Selain Malaysia dan Singapura, negara-negara yang turut menganggotai FPDA adalah Australia, New Zealand dan United Kingdom. Pada

***INTRODUCTION***

*Policy and Strategic Planning Division (PSPD) is the division responsible in managing international affairs which involve foreign countries and strategic activities for the Ministry. The Division was established in 1980 but reshuffled and renamed as Policy and Strategic Planning Division on July 2010. Overall in 2011, PSPD has carried out a number of activities and brought some outstanding achievements to the Ministry. Some of the key events were as follows:*

***1. INTERNATIONAL MEETINGS***

*PSPD had carried out and involved in 37 international meetings through multilateral and bilateral defence cooperation, inter alia:*

***1.1 Malaysia-United States Strategic Talks (MUSST)***

*The 3rd MUSST was conducted in Kuala Lumpur on 10 March 2011. The establishment of MUSST was the result of enhancement of Malaysia-US bilateral relations through Bilateral Training and Consultative Group (BITACG). Some strategic issues discussed include the Instability of Middle East, Malaysia Contribution to Afghanistan, Maritime Secutiry in the Gulf of Aden, China, Mindanao, Southern Thailand, Indonesia, ADMM-Plus and issues related to South China Sea among others.*

***1.2 The 40th FPDA Anniversary***

*The Five Power Defence Arrangement (FPDA) had been in existence since 1971. The objective of the arrangement is to defend Malaysia and Singapore from external assault and threat. Apart from Malaysia and Singapore, members of FPDA*





1 hingga 2 November 2011 yang lepas, sambutan Ulang Tahun FPDA ke-40 telah diadakan. Sempena sambutan ini, Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan FPDA (FDMM) yang ke-6 telah diadakan di Singapura dan Malaysia. Mesyuarat FDDM tersebut telah turut membincangkan hala-tuju baru FPDA. Selepas Mesyuarat FDMM di Singapura, ahli-ahli FPDA telah diterbangkan ke Malaysia untuk lawatan ke Head Quarters, Integrated Area Defence System (HQIADS), Butterworth, Pulau Pinang. Menteri-menteri FPDA juga telah berkesempatan membuat kunjungan hormat

**1.3 Mesyuarat Dua Hala Malaysia-Jepun ke-3**

Secara amnya, hubungan diplomatik Malaysia-Jepun telah lama wujud sejak Merdeka. Walau bagaimanapun, hubungan pertahanan bermula sejak tahun 1999 sempena Mesyuarat Malaysia-Jepun yang pertama kali diadakan di Kuala Lumpur. Mesyuarat seterusnya diadakan pada tahun 2005 dan kemudiannya pada 2011. Malaysia dan Jepun berhasrat untuk mengukuhkan lagi hubungan pertahanan dua hala pada masa hadapan dengan mengadakan lebih banyak aktiviti berkaitan pertahanan dan juga dialog.

**1.4 Mesyuarat ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) ke-5**

Mesyuarat ADMM ke-5 yang berlangsung pada bulan Mei 2011 di Jakarta telah berjalan dengan jayanya. Antara perkara penting yang dibincangkan dan telah dimuktamadkan adalah:

i. Program Kerja 3 Tahun ADMM;
ii. Deklarasi Bersama ADMM;
iii. kertas konsep Establishment of an ASEAN Peacekeeping Centres Network; dan
iv. kertas konsep ASEAN Defence Industry Collaboration (ADIC.)

Selain itu, penubuhan lima(5) Experts' Working Group (EWG) iaitu:

i. Maritime Security
ii. Counter-Terrorism
iii. Peacekeeping Operations
iv. Military Medicine
v. Humanitarian Assistance and Disaster Relief (HADR)

*are Australia, New Zealand and the United Kingdom. From 1 to 2 November 2011, the 40th FPDA Anniversary had been conducted. In conjunction with the Anniversary, the 6th FPDA Defence Ministers Meeting (FDMM) was convened in Singapore and Malaysia. FDMM also discussed the future of FPDA. After FDMM in Singapore, FPDA members were flown to Malaysia for a visit to the Headquarters, Integrated Area Defence System (HQIADS) in Butterworth, Penang. The FPDA Defence Ministers also paid a call on the Deputy Prime Minister of Malaysia.*

***1.3. The 3rd Malaysia-Japan Bilateral Meeting***

*In general, Malaysia-Japan diplomatic relations had long existed since our Independence. Nevertheless, defence relations only started in 1999 during the first Malaysia-Japan meeting in Kuala Lumpur. The second and third meeting was conducted in 2005 and 2011 respectively. Malaysia and Japan intend to improve further the bilateral defence relations in the future by having more defence related activities and also dialogues.*

***1.4. The 5th ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM)***

*The 5th ADMM was successfully convened in May 2011 in Jakarta. Some of the key issues and plans finalized were:*

*i. The ADMM 3-year Work Program;*
*ii. The ADMM Joint Declaration;*
*iii. Concept Paper on Establishment of an ASEAN Peacekeeping Centres Network; and*
*iv. Concept Paper on ASEAN Defence Industry Collaboration (ADIC)*

*Apart from that, the establishment of five Experts' Working Group (EWG) are:*

*i. Maritime Security*
*ii. Counter-Terrorism*
*iii. Peacekeeping Operations*
*v. Military Medicine*
*vi. Humanitarian Assistance and Disaster Relief (HADR)*

Semua EWG tersebut telah dimuktamadkan pada Mesyuarat ASEAN Defence Ministers' Meeting-Plus (ADMM-Plus) di Hanoi pada tahun 2010. Malaysia merupakan Pengerusi Bersama Australia bagi Experts' Working Group on Maritime Security.

*All the EWGs had been officially launched during the ADMM Plus Meeting in Hanoi, 2010. Malaysia and Australia Co-chair the EWG on Maritime Security.*

## 2. STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS)

Secara amnya, BDPS dipertanggungjawab untuk memantau, membantu dan mengkaji pelaksanaan program-program NBOS seperti Rondaan Bersama Tentera dan Polis, Program Pemulihan Pemasyarakatan (PPP) dan Perladangan Kontrak Tanah Milik Tentera yang Tidak Digunakan. BDPS turut menyediakan laporan kemajuan kepada KSU untuk dibentangkan di National Strategy Execution Summit yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada setiap bulan.

## *2. NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)*

*In general, PSPD has been given the responsibility to monitor, assist and review the implementation of NBOS program, such as the Army-Police Joint Patrol, Correctional Rehabilitation Program and Contract Farming for the Military Owned Land for Unused Land. PSPD also prepared the progress report to the Secretary General to be tabled at the monthly National Strategy Execution Summit, chaired by the Chief Secretary of the Government of Malaysia.*



Tentera dan polis sedang menjalankan rondaan bersama
*Joint patrol between army and police on duty*



*Orang Yang Diselia (ODS) di PPP sedang mengatur pilih timun di pusat pengumpulan.*
*Supervisees (ODS) at the CRP sorting cucumbers at the collection centre*

## 3. BENGKEL /SEMINAR

### 3.1 Regional Threats Perception Workshop

Bengkel Regional Threats Perception telah diadakan pada 3 hingga 5 Mac 2011 di Hydro Hotel, Pulau Pinang. Objektif utama bengkel tersebut diadakan adalah untuk membuat penilaian secara berkala ke atas dokumen Dasar Pertahanan Negara (DPN) dengan menganalisa perkembangan semasa dan ancaman ke atas pertahanan dan keselamatan negara pada masa hadapan. Bengkel ini telah dihadiri oleh pegawai kanan Kementerian Pertahanan, ATM dan agensi lain yang bertanggungjawab dalam menggubal dasar dan pelaksanaan.

## *3. WORKSHOP/SEMINAR*

### *3.1. Regional Threats Perception Workshop*

*Workshop on Regional Threats Perception was conducted from 3 to 5 March 2011 at Hydro Hotel, Penang. The main objective of this workshop was to do a periodical assessment on the National Defence Policy (NDP) through analyzing the current development and threats towards national defence and security in the future. The workshop was attended by senior officials from the Ministry of Defence, the Malaysian Armed Forces and other related agencies which are responsible in drafting the policy and implementing the national defence operations.*







Para peserta sedang mendengar taklimat
*The participants listening attentively to the talks*




Barisan Penceramah sedang memberikan taklimat berkenaan Bengkel Regional Threats Perception
*Speakers who are giving their talks during the Regional Threats Perception Workshop*

### 3.2 Seminar "Promoting Peace Through Mainstreaming Gender in Peacekeeping Operations"

Seminar ini merupakan salah satu program kerjasama Kementerian Pertahanan dan United Nations Development Programme (UNDP). Seminar ini adalah julung kali diadakan di rantau ini pada 30 Okt – 1 Nov 2011.Tujuan utama seminar ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran mengenai isu-isu gender kepada peserta khususnya mereka yang terlibat dalam misi pengaman. Antara isu yang dibincangkan termasuklah gender, perlindungan orang awam, Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa, media dan sebagainya.

### *3.2 Seminar on Promoting Peace Through Mainstreaming Gender in Peacekeeping Operations*

*The seminar was one of programs organized by the Ministry of Defence in Partnership with the United Nations Development Program (UNDP). The seminar was the first of its kind held in this region on 30 October to 1 November 2011. The main objective of the seminar was to create awareness on gender issues for those who are involved in peacekeeping operations. Issues discussed include gender, protection on civilian, International Humanitarian Law, media among others.*

## 4. PENSIJILAN MS ISO 9001: 2008

BDPS selaku urusetia Kementerian Pertahanan telah berjaya mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9001: 2008 pada 31 Disember 2011. Pelaksanaan Pensijilan MS ISO adalah merupakan satu usaha bagi meletakkan asas kukuh dalam melahirkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan berkualiti yang memenuhi kehendak pelanggan serta menepati piawaian antarabangsa.

## *4. CERTIFICATION OF MS ISO 9001:2008*

*PSPD as the secretariat for Ministry of Defence had successfully obtained the MS ISO 9001:2008 certification on 31 December 2011. The implementation of MS ISO certification was part of the initiatives in developing the Efficient and Quality Public Service Delivery System that meets the customers' expectation and fulfils the international standard.*



Ketua Setiausaha menerima Sijil MS ISO 9001:2008 daripada Menteri Pertahanan
*Secretary General is receiving the MS ISO 9001:2008 from the Minister of Defence*



# 2011

# SEKTOR DASAR
# POLICY SECTOR

- Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik
  *Policy And Strategic Planning Division*
- **Bahagian Industri Pertahanan**
  ***Defence Industry Division***
- Depoh Simpanan Pertahanan
  *Defence Reserve Depot*



Misi bantuan kemanusian kepada mangsa banjir Thailand pada 15 Nov 2011
*Humanitarian Relief Mission towards Thailand flood victims on 15 th November 2011*

# BAHAGIAN INDUSTRI PERTAHANAN
## *DEFENCE INDUSTRY DIVISION*

**MAJLIS INDUSTRI PERTAHANAN, PENGUATKUASAAN DAN KESELAMATAN MALAYSIA (MIPPKM)**

Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MIPM) telah dinaiktaraf kepada Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIPPKM) pada 2 April 2010 bagi memperluaskan tanggungjawab Majlis dengan meliputi aspek penguatkuasaan dan keselamatan. Sebanyak enam kumpulan kerja bernaung di bawah MIPPKM iaitu Automotif, Maritim, Aeroangkasa, ICT dan Barangan Guna Sama. Sepanjang tahun 2011 beberapa aktiviti-aktiviti penting telah diadakan antaranya:

i. Mendapatkan pengesahan Kementerian Kewangan (MOF) bagi dokumen Panduan Program Pengukuhan Ekonomi (PPE) tahun 2011 dan diluluskan oleh MOF pada 28 Januari 2011;

ii. Mendapatkan pengesahan MOF bagi dokumen Garis Panduan Program Perdagangan Timbal balas Nasional dalam tempoh 2011 dan diluluskan oleh MOF pada 18 Mac 2011;

iii. Bengkel Pembangunan Vendor Kementerian Pertahanan yang diadakan di MATRADE Exhibition and Convention Centre (MECC), pada 31 Mac 2011. Satu sesi forum telah disampaikan oleh MITI semasa bengkel tersebut;

iv. Bengkel Memuktamadkan Blueprint IPPK pada 27-29 September 2011 di Port Dickson;

v. Pemantauan dan penambahbaikan Laman Web MIPPKM di rangkaian http://mides.mod.gov.my;

vi. ASEAN Defence Industry Dialogue pada 22 April 2010, bagi membincangkan cadangan kerjasama industri pertahanan di peringkat ASEAN; dan

vii. Penilaian audit ke atas sebanyak 30 syarikat tempatan bagi menilai keupayaan dan disenaraikan bagi program-program pembangunan industri pertahanan.

***MIDES***

*Malaysian Defence Industry Council (MDIC) was upgraded to Malaysian Industry Council for Defence, Enforcement and Security (MIDES) on 2 April 2010 to expand the functions of the council more comprehensively- to cover not only defence but also the aspects of enforcement and security. There are six working groups under the Council namely Automotive, Maritime, Aerospace, ICT and Common User Items. For 2011, there were several important activities undertaken relating to the development of local defence industry. They include:*

*i. Approval from the Ministry of Finance (MOF) for Economic Enhancement Programme in January 2011;*

*ii. Approval from the MOF for Guidelines on National Countertrade in March 2011;*

*iii. Vendor Development Workshop in March 2011;*

*iv. Workshop to Finalize the Defence Industry Blueprint in September 2011;*

*v. Monitoring and improvement of MIDES website at http://mides.mod.gov.my;*

*vi. ASEAN Defence Industry Dialogue in April 2010; and*

*vii. Audit assessment on 30 local industry companies.*



Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2011
*Langkawi International Maritim and Aerospace Exhibition 2011*

MIPPKM bersama-sama syarikat industri pertahanan tempatan telah menganjurkan Booth MIPPKM di pameran-pameran pertahanan antarabangsa dalam dan luar Negara antaranya DSA `2010 di Kuala Lumpur (19-22 April 2010) dan LIMA `11 di Langkawi (6-10 Disember 2011).

*MIDES had, together with several local industry companies set up booths at international exhibitions within and outside the country, such as the Langkawi International Maritime and Aerospace (LIMA) Exhibition 2011 from 6 to 10 December 2011.*






Perasmian Direktori Industri Pertahanan oleh Y.B. Menteri Pertahanan.
*Opening ceremony of Defence Industry Directory by the honorable Minister of Defence*

## HUBUNGAN DUA HALA DAN PELBAGAI HALA BAHAGIAN INDUSTRI PERTAHANAN

Melalui hubungan ini, teknologi ketenteraan, pendidikan, pelaburan dan latihan dapat diperluaskan dan memberi keuntungan kepada pembangunan ekonomi serta meningkatkan keupayaan dalam sistem pertahanan negara. Dalam usaha memupuk kerjasama dan hubungan pertahanan antarabangsa yang erat dan berkesan sepanjang tahun 2011, BIP telah mengadakan sembilan Mesyuarat Hubungan Dua Hala Industri Pertahanan. Lima mesyuarat telah diadakan di Kuala Lumpur iaitu Pakistan, United Kingdom, Turki, Perancis dan Russia. Manakala empat lagi mesyuarat diadakan di luar negara iaitu dengan Itali, Australia, Korea Selatan dan Brunei Darussalam.

Mesyuarat kerjasama pertahanan antara negara-negara ini telah membincangkan isu-isu strategik yang berkepentingan bersama serta aktiviti-aktiviti yang dirangka di bawah skop kerjasama pertahanan dalam usaha memantapkan profesionalisme Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan industri pertahanan, mesyuarat ini telah membuka peluang kerjasama dalam pembangunan industri pertahanan tempatan.

## *BILATERAL AND MULTILATERAL ENGAGEMENTS ON DEFENCE COOPERATION*

*Through bilateral and multilateral relations, defence technology, education, investment and training were materialized and had benefited the economy as well as managed to improve national defence capability. In its effort to forge stronger and effective ties, Defence Industry Division had involved in nine bilateral meetings. Five was held in Malaysia, namely with Pakistan, the United Kingdom, Turkey, France and Russia. Four more meetings were held outside Malaysia namely Italy, Australia, South Korea and Brunei.*

*The meetings with the defence authorities discussed the strategic issues on defence industries which were of mutual interests as well as the activities for the improvement of defence capabilities and professionalism of the armed forces personnel. They also managed to explore new areas of cooperation.*

## PROGRAM OFFSET

Program offset masih menjadi satu program penting dalam mendapatkan hasil daripada perolehan sistem-sistem pertahanan yang diperolehi dengan jumlah RM50 juta dan lebih. Program-program offset yang memberikan manfaat kepada Malaysia termasuklah pemindahan pengetahuan, kemahiran dan teknologi serta latihan-latihan. Kementerian Kewangan telah meluluskan garis panduan Program Pengukuhan Ekonomi (PPE) begi Kementerian Pertahanan mulai 28 Januari 2011. Program ini diwujudkan bagi memastikan sumbangan dari syarikat Industri Pertahanan Utama (IPU) tempatan kepada peningkatan dan perkembangan ekonomi negara menerusi pelaksanaan program offset yang diselaraskan dengan perolehan Kerajaan yang bernilai tinggi dan berimpak strategik. Menerusi garis panduan PPE ini, Kerajaan berhasrat untuk melahirkan syarikat-syarikat IPU terutamanya syarikat Bumiputera dalam bidang pembuatan dan dan perkhidmatan yang melibatkan penggunaan teknologi sederhana dan tinggi. Ia juga untuk mengukuhkan dan membangunkan keupayaan dan kapasiti syarikat-syarikat Industri Pertahanan Sokongan (IPS) bagi menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

## *OFFSET PROGRAMMES*

*Offset programme remains one of the most important programmes of defence industry in 2011. They are undertaken as consideration for the procurement of the defence systems worth RM50 million and more. These offset programmes benefit the nation through transfer of knowledge, technology, expertise and trainings. Through guidelines for (PPE) which was approved by the MOF on 28 January 2011, offsets programmes are aligned to benefit the main defence industry companies (IPU). This programme is intended to establish IPU companies that possess the capabilities in manufacturing and servicing fields involving medium and high technology.*





Beberapa kontrak perolehan dalam RMKe-10 bagi tahun 2011 yang telah diluluskan dan kini sedang dalam rundingan memuktamadkan cadangan PPE termasuklah kereta perisai 8 x 8 Armo Personal vehicle (APV), senjata 5.56mm M4 Carbine, kapal peronda secon generation petro vessel (SGPV), Training Ship dan Sistem Network Centric Operation NCO.

*Several contracts of procurement in 2011 that are in negotiation for PPE include Armored Personnel Vehicle (APV), 5.56mm M4 Carbine weapons, Second Generation Patrol Vessel (SGPV), training ship and Network Centric Operation (NCO).*



Pesawat SU-30 MKM
*SU-30 MKM Aircraft*



Kapal Selam (Scorpene) KD Tengku Abdul Rahman
*Submarine (Scorpene) KD Tengku Abdul Rahman*



Helikopter EC725
*EC725 Helicopter*



Kereta kebal MBT PT-91M
*Tanks PT-91M MBT*

## LIMA `11

Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2011 (LIMA `11) yang berlangsung selama 5 hari dari 6 – 10 Disember 2011 di Pulau Langkawi telah merekodkan kejayaan berganda. Selain daripada merekodkan jumlah penyertaan pempamer, pesawat, kapal serta pengunjung yang tinggi, Pameran LIMA juga telah diiktiraf sebagai Pameran Aeroangkasa Terbesar di Malaysia di dalam

## *LIMA 2011*

*LIMA was held for five days from 6 to 10 December 2011 in Langkawi. It recorded double success. In addition to recording high number of participation from the exhibitors, aircrafts, ships and visitors, LIMA was also recognized as the biggest Aerospace Exhibition in Malaysia which achievement was recorded in The Malaysia Book of Records. Certificate giving away ceremony was held on 10 December 2011 and was*

The Malaysia Book of Records. Majlis penyampaian sijil telah dibuat pada hari terakhir pameran kepada YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet LIMA.

*presented to Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Minister of Defence who was also the Chairman of LIMA Cabinet Committee.*

Pameran LIMA `11 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi. Antara yang turut hadir semasa majlis perasmian adalah YAB Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri-Menteri Kabinet serta bekas Perdana Menteri, YABhg. Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga merupakan pengasas pameran LIMA. Selain itu, tetamu-tetamu luar negara termasuk 4 orang Menteri Pertahanan asing dan ketua-ketua eksekutif syarikat pertahanan antarabangsa juga turut hadir.

*LIMA 2011 was officiated by Honorable Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Prime Minister at Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC), Langkawi. The event was also attended by the Honorable Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Cabinet Ministers, as well as former Prime Minister, Tun Dr Mahathir Mohamad, who was the founder of LIMA exhibition. Foreign guests include Ministers of Defence and Executive Heads of international defence companies.*

Pameran LIMA `11 melibatkan komponen aeroangkasa dan komponen maritim. Dewan dan perkarangan MIEC menjadi tempat bagi pameran aeroangkasa serta pertunjukan udara. Manakala pameran statik kapal-kapal perang dan demonstrasi bot diadakan di Awana Porto Malai.

*LIMA '11 involved aerospace and maritime components. The static exhibition and air show were held inside the hall and outside MIEC respectively. Static exhibition of warships and boat demonstration were held at Awana Porto Malai.*



Pertunjukan Udara Krisakti sempena LIMA `11
*Krisati airshow during LIMA '11*



Gelagat pengunjung di kawasan Apron LTAB
*Visitor's at LTAB Apron*

LIMA `11 merupakan siri yang ke-11 berjaya menarik penyertaan 403 syarikat daripada 35 negara. Sebanyak 178 syarikat tempatan mengambil bahagian dalam pameran LIMA `11. Lebih membanggakan ialah syarikat Malaysia kumpulan NADI (National Aerospace and Defence Industries Sdn. Bhd.) muncul sebagai pempamer terbesar dalam LIMA `11 tersebut. Antara syarikat-syarikat pertahanan utama dunia yang menyertai LIMA `11 ialah EADS, BAE Systems, Finmeccanica, Rosoboronexport, Eurocopter, Thales dan DCNS Group. Manakala syarikat-syarikat tempatan antaranya ialah Airod, Boustead Naval Shipyard, CTRM, Sapura, System Consultancy Services, Zetro Services, Satang Jaya, Heitech Padu dan Malaysia Airlines System.

*LIMA '11 was the 11th edition and attracted 403 companies from 35 countries. 178 local companies participated in LIMA '11. Malaysian group of companies NADI (National Aerospace and Defence Industries Sdn Bhd) became the biggest exhibitor in LIMA '11. Other big defence companies in the world that participated include EADS, BAE Systems, Finmeccanica, Rosoboronexport, Eurocopter, Thales and DCNS Group. Local companies include Airod, Boustead naval Shipyard, CTRM, Sapura, System Consultancy Services, Satang Jaya, Heitech Padu and Malaysian Airlines System.*





Kejayaan penganjuran LIMA `11 dibuktikan apabila merekodkan jumlah pengunjung yang paling ramai dalam sejarah penganjurannya iaitu 160,000 orang yang terdiri daripada pelawat perdagangan dan pelawat awam. Pameran juga telah menjadi medan persaingan yang paling sengit antara pembuat-pembuat jet tempur dari seluruh dunia untuk menarik perhatian bakal-bakal pembeli bagi pesawat pejuang pelbagai guna atau Multirole Combat Aircraft (MRCA). Beberapa model jet pejuang seperti pesawat Eurofighter Typhoon, Boeing Super Hornet F-18, JAS-39 Gripen, dan Dassault Rafale telah dibawa khas ke Langkawi untuk memperagakan keupayaan tempur dan ketangkasan teknologi masing-masing.

*The success of LIMA '11 was proven through the number of visitors i.e. 160,000 people consisting of trade and public visitors. Competition was apparent amongst the fighter jet or Multirole Combat Aircraft (MRCA) makers. Fighter jets such as Eurofighter Typhoon, Boeing Super Hornet F-18, JAS-39 Gripen and Dassault Rafale were brought to Langkawi to show off their fighting capabilities and technological advancement.*



YAB Perdana Menteri diiringi YB Menteri Pertahanan bagi merasmikan Pameran LIMA `11
*Prime Minister accompanied by Minister of Defense for opening the Exhibition LIMA `11*

Pameran LIMA `11 turut diserikan oleh pertunjukan udara daripada Tim Pertunjukan KRISAKTI melibatkan pesawat Extra 300L yang buat pertama kali menayangkan kehebatan juruterbang tempatan membuat aksi-aksi menarik dan pertunjukan aerobatik. Aset strategik negara kapal selam KD Tun Razak juga telah mempamerkan wajahnya dengan timbul dan berlabuh di perairan Langkawi dan dipertontonkan kepada pelawat LIMA di Awana Porto Malai.

*LIMA '11 was also made alive with the air show by the KRISAKTI involving Extra 300L aircrafts whcih for the first time displayed the skills and acrobatic show. National strategic asset, KD Tun Razak submarine was also shown to the public coming to the surface and berthed at Awana Porto Malai.*

Kehadiran tetamu dari luar negara untuk memeriahkan LIMA `11 telah memberikan nilai tambah kepada pameran ini di samping dapat mengeratkan lagi hubungan dalam bidang pertahanan antara Malaysia dan negara-negara delegasi yang hadir. Seramai 297 tetamu kerajaan asing berserta pengiring daripada 33 buah negara yang terdiri pegawai tertinggi awam, pertahanan dan tentera serta agensi keselamatan telah menaikkan prestij LIMA sebagai pameran ternama di rantau ini. Pameran LIMA `11 juga merekodkan pencapaian kehadiran Menteri Pertahanan luar negara seramai 4 orang iaitu Menteri Pertahanan negara Filipina, Indonesia, Kemboja dan Singapura. LIMA `11 turut menyaksikan kehadiran kepimpinan tertinggi luar negara iaitu Perdana Menteri Qatar serta Timbalan Perdana Menteri Kemboja merangkap Menteri Pertahanan.

*The presence of the foreign guests had contributed added value to the exhibition apart from enabled stronger ties between Malaysia and the delegations. 297 guests from foreign governments together with accompanying officers from 33 countries consisting of high rank civilian, defence and military personnel as well as the security agencies had managed to improve the prestige of LIMA as one of the most well known exhibitions in the region. Defence Ministers who attended the exhibition were the Defence Ministers of the Philippines, Indonesia, Cambodia and Singapore. Also present were from highest leadership- the Prime Minister of Qatar and Deputy Prime Minister of Cambodia who is also the Defence Minister.*

LIMA `11 telah merekodkan 36 kontrak/MOU/LOA/LOI yang melibatkan antara Kerajaan dengan syarikat serta antara syarikat dengan syarikat. Daripada jumlah ini, Kementerian Pertahanan telah mengumumkan 24 kontrak/MOU/LOA/LOI bernilai RM1.8 billion. Manakala jumlah dagangan bagi kontrak dan MOU yang dimeterai di antara syarikat swasta sepanjang LIMA `11 adalah sebanyak 12 transaksi. Namun begitu, nilai kontrak dan MOU antara syarikat dengan syarikat swasta tidak didedahkan kepada umum atas pertimbangan komersil.

*LIMA '11 recorded 36 contracts/MOU/Letter of Agreement/Letter of Intent worth RM1.8 billion. Trade value for contracts and MOUs entered into between private companies throughout LIMA '11 was 12 transactions. Due to commercial consideration, the value of the MOU between the private companies was not disclosed.*

# 2011

# SEKTOR DASAR
# POLICY SECTOR

- Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik
  *Policy And Strategic Planning Division*
- Bahagian Industri Pertahanan
  *Defence Industry Division*
- Depoh Simpanan Pertahanan
  *Defence Reserve Depot*



Majlis Perasmian Gotong Royong Perdana 5S Kementerian Pertahanan pada 1 Jun 2012
*The Officiating Ceremony of 5S Prime Cleaning Activity on 1 June 2012*

# DEPOH SIMPANAN PERTAHANAN
# *DEFENCE RESERVE DEPOT*

## DEPOH SIMPANAN PERTAHANAN

Depot Simpanan Pertahanan (DSP) adalah sebuah organisasi yang terletak di bawah Sektor Timbalan Ketua Setiausaha Dasar – TKSU (D). Objektif umum DSP ialah untuk menyimpan peralatan bagi melengkapkan 2 Kumpulan Briged dan memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan siapsiaga (Evereadiness) untuk kegunaan semasa negara berada dalam keadaan darurat dan juga aman. Pada masa yang sama DSP juga telah diberi tugas baru untuk menguruskan keperluan Stok Bantuan Kemanusiaan (SBK) bagi tujuan bantuan kemanusiaan sama ada di dalam atau di luar Negara.



## *DEFENCE RESERVE DEPOT*

*Defence Reserve Depot (DSP) is an organization that has been placed under Deputy Chief Policy Secretary Sector – TKSU (D). The main objective of this depot is to restore all equipments to complete Two Brigade Team and to ensure that it is always at its preparedness to be used during peace and war time. At the same time, DSP also has been given new tasks to manage the Humanitarian Aid Stock (SBK) to be used in humanity assistance within or outside of the country.*

**JADUAL 1 : PERJAWATAN DSP SEHINGGA 31 DISEMBER 2011**
***TABLE 1 : DSP POSTS (UNTIL 31ST DECEMBER 2011)***

| Jenis Perkhidmatan *Type of Services* | Perjawatan Yang Diluluskan *Posts that Approved* | Perjawatan Yang Diisi *Posts that Filled in* | Kekosongan *Vacancy* | Peratus Pengisian *Percentage of Fulfillment* |
|---|---|---|---|---|
| Pegawai dan kakitangan awam *Officers and Public Servants* | 140 | 119 | 21 | 85% |
| Pegawai dan Lain-lain Pangkat ATM *Officers and other ranks* | 152 | 88 | 64 | 57.89% |
| **Jumlah** *Total* | **292** | **207** | **85** | **70.89%** |





**CARTA PALANG PERJAWATAN DI DSP**
***BAR CHART FOR DSP POST***




## 1. SUMBER MANUSIA DEPOT SIMPANAN PERTAHANAN

### 1.1 Perjawatan dan Pengisian

Perjawatan di DSP adalah terdiri daripada perjawatan awam dan perjawatan tentera. Jumlah keseluruhan perjawatan di DSP adalah sebanyak 286 perjawatan. Jumlah perjawatan awam adalah sebanyak 140 jawatan, daripada jumlah tersebut sebanyak 119 (85%) perjawatan telah diisi manakala 21 perjawatan masih kosong. Bagi perjawatan tentera pula adalah sebanyak 152 perjawatan, daripada jumlah itu sebanyak 88 (57.89 %) perjawatan telah diisi manakala 64 perjawatan masih kosong. Kedudukan perjawatan-perjawatan di DSP adalah seperti di Jadual 1.

### 1.2 Kursus dan Latihan DSP

Bagi Tahun 2011, beberapa siri latihan dan pelbagai kursus telah dilaksanakan oleh DSP. Secara keseluruhannya warga awam DSP telah menghadiri kursus-kursus sama ada kursus-kursus anjuran DSP atau anjuran BPSM / INTAN dengan jayanya. Statistik kehadiran kursus mengikut Kategori Jumlah Hari Kursus yang telah dihadiri oleh warga awam DSP sepanjang tahun 2011 adalah seperti berikut:

1.2.1 Lebih 7 hari setahun - 101 orang (86.32%)
1.2.2 Kurang 7 hari setahun - 15 orang (12.83%)
1.2.3 Tidak berkursus - 1 orang (0.85%)

## *1. HUMAN RESOURCE DEPARTMENT OF DEFENCE RESERVE DEPOT*

### *1.1 Employment and Vacancy*

*The Employment in the DSP is consists of public and military posts. The total number of the posts in DSP until now is 286 posts. 140 posts are for public workers; whereby 119 posts (85%) have been filled in. The other 21 posts are still available and open for hiring. For military posts, there are 152 posts in total with 88 (57.89%) has been filled in. The balance, 64 posts are still available. The posting structure at DSP is shown in Table 1*

### *1.2 DSP Courses and Training*

*In 2011, a series of training and other courses has been executed by DSP. Overall, people in DSP have successfully attended the courses organized by DSP or BPSM/INTAN. The course attendance statistic is based on the Total Course Duration that has been attended by DSP public workers in 2011 is shown as follows:*

*1.2.1 More than 7 days a year -101 people (86.32%)*
*1.2.2 Less than 7 days a year - 15 people (12.83%)*
*1.2.3 Not attending courses - 1people (0.85%).*

**CARTA PIE KEHADIRAN KAKITANGAN AWAM DSP UNTUK KURSUS DAN LATIHAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2011**
*PIE CHART FOR PUBLIC WORKERS COURSES AND TRAINING ATTENDANCE UNTIL 31ST DECEMBER 2011*




## DASAR STOK SIMPANAN PERTAHANAN (SSP) DAN STOK BANTUAN KEMANUSIAAN (SBK)

Stok Simpanan Pertahanan (SSP) adalah stok keperluan ketenteraan Negara apabila berlakunya darurat. Stok yang dipegang terdiri daripada pelbagai peralatan penting untuk kegunaan Tentera Darat semasa darurat. Manakala Stok Bantuan Kemanusian (SBK) adalah satu program baru yang telah diletakkan di bawah pengurusan DSP sejak September 2008 yang lalu. Program ini selaras dengan keperluan Negara dan juga Negara-negara serantau yang sering dilanda bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, gempa bumi dan lain-lain lagi. Atas keprihatianan Negara peruntukan sebanyak RM 10 juta telah diluluskan khas bagi memulakan simpanan stok bantuan kemanusiaan ini. Barang-barang yang disimpan adalah bertujuan untuk diberikan kepada mangsa-mangsa bencana yang memerlukan sama ada di dalam atau di luar Negara. Ia terdiri daripada barang-barang keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian, khemah, selimut dan lain-lain lagi.

## *DEFENCE AID STOCK POLICY (SSP) AND HUMANITARIAN AID STOCK (SBK)*

*Defence Aid Stock (SSP) is a national military required stock that was being used when emergency evolved. The stock which includes multiple important tools is used by Army during war. The Humanitarian Aid Stock (SBK) is a new programme that has been placed under DSP administration since September 2008. This program is consistent with the requirements of the national and regional disaster-prone, such as floods, landslides, earthquakes and others. Due to the national concern over this matter, the allocation of RM 10 millions was approved to start this humanitarian supply. Stored goods are to be given to the disaster victims in need especially the aids for basic essentials such as foods, drinks, clothing, tents, blankets, and others."*







Stor bantuan kemanusiaan
*Humanitarian Aids Stock*

## PELBAGAI KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI OLEH DSP SEPANJANG TAHUN 2011

### LATIHAN DARURAT

DSP telah mengadakan latihan Darurat pada 06 Jul – 07 Jul 2011. Buku Arahan Latihan telah dikeluarkan bertujuan untuk memberikan penjelasan tentang format latihan tersebut yang diadakan selama 36 jam. Latihan Darurat diadakan adalah untuk menguji dan mengukur kecekapan pegawai dan staf DSP di dalam proses pengeluaran SSP sekiranya berlaku Darurat. Latihan pada tahun ini turut disertai oleh Y.Bhg Dato' TKSU (P) untuk memantau dan menyaksikan sendiri perjalanan latihan tersebut. Pencapaian latihan didalam pengurusan pengeluaran SSP adalah 5 Jam 46 Minit.

## *VARIOUS SUCCESSES ACHIEVED BY THE DSP DURING THE YEAR 2011*

### *EMERGENCY TRAINING*

*DSP had held emergency training on 6-7 July 2011. Therefore, the Training Order Book which explained on the 36 hours of training format was released. Emergency training was carried out to measure the efficiency among DSP officers and staff in the SSP production process when emergency had emerged. This year training was joined by Deputy Secretary General (P), the Honourable Dato ', to monitor and witness the training course himself. During the management training, the best time achieved in the production of SSP is 5 hours and 46 minutes.*



Pelancaran Latihan Darurat Oleh Y. Bhg Dato' TKSU(P)
*The honourable Dato' Deputy Secretary General (P) officiating the emergency exercise*



Pengambilan kakitangan bagi latihan darurat
*Recruitment for emergency training*



Stok simpanan pertahanan yang siap untuk dikeluarkan
*Defence reserved stock*

## STOR BESTARI

Pada 22 Januari 2010, Y. Bhg Dato' Seri KSU telah melancarkan Projek Stor Bestari Perintis Peringkat Kementerian Pertahanan. Enam (6) buah stor (Pasukan Tentera dan Bahagian Awam) di Bawah Kementerian terpilih menjadi Pasukan Stor Bestari Perintis kepada lain-lain stor pasukan di dalam Kementerian dan DSP adalah salah satu daripadanya. DSP dan pasukan-pasukan berkenaan terpilih sebagai Stor Bestari Perintis adalah kerana memenuhi beberapa ciri stor Bestari. Antara ciri-ciri stor bestari adalah seperti Perkhidmatan Yang Cepat, Cekap dan Berkualiti, Kos Bantuan Bekalan Yang Menurun, Kadar Pusingan Stok Yang Tinggi, Pekerja Yang Kompeten, Berintegriti serta Berproduktiviti Tinggi, Penggunaan Teknologi Informasi dan Komunikasi Yang Terkini, Persekitaran Stor Yang Kondusif dan Tahap Keselamatan Fizikal serta Kesihatan pekerja yang terpelihara.






Gambar sijil dan banner pelancaran projek stor bestari perintis DSP
*The photos of certificate and launching banner of the DSP smart store pioneer project*

## *SMART STORE*

*On January 22, 2010, the Deputy Secretary General (P) the Honourable Dato' has launched Smart Store Pioneer at Ministry of Defence level. Six stores (Publics and Army Forces) under the ministry have been selected as the Smart Store Pioneer Team and DSP is one of them. DSP and the teams selected as the Smart Store due to its fulfillment in all smart storage features. The Smart Store features that has taken into consideration are prompt, efficient and quality, the cost of supplies, stock rotation rate is high, employee competence, integrity and high productivity, usage of information and communication technology, store environment that is conducive with safety physical and occupational health sustainability.*

## MENGEKALKAN PENCAPAIAN PENARAFAN 4 BINTANG BERDASARKAN ACCOUNTABILITY INDEX MONITORING SYSTEM (AIMS) DAN PENGANUGERAHAN PTJ TERBAIK DAN PTJ TERBAIK KESELURUHAN

Berdasarkan Accountability Index Monitoring Systems (AIMS) iaitu sistem pengauditan Pengurusan Kewangan secara online yang dijalankan oleh Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Am (BADSA) pada 8 dan 9 Disember 2011, DSP telah berjaya mengekalkan penarafan 4 bintang.

## *SUSTAINING THE ACHIEVEMENT OF 4 STAR RATING BASED ON ACCOUNTABILITY INDEX MONITORING SYSTEM (AIMS) AND THE RECOGNITION OF AWARD OF BEST PTJ AND BEST PTJ OVERALL.*

*Based on the AIMS system; that is an online financial management audit conducted by the internal audit and general inquiries (BADSA) from 8-9 December 2011, DSP has successfully maintained its rating of 4 stars.*

## MISI BANTUAN KEMANUSIAAN KE THAILAND

Pihak DSP telah menghantar Misi Bantuan Kemanusiaan ke Thailand yang dillanda pada 15 November 2011 melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sebanyak 27 item telah dikeluarkan bernilai RM1.7 juta untuk tujuan tersebut.

## *HUMANITARIAN AIDS MISSION TO THAILAND*

*DSP has been sending Humanitarian Aid to flood-hit victims in Thailand on November 15, 2011 through the National Security Council (NSC). A total of 27 items were issued valued at RM1.7 million for the aid purposes.*





## MISI PENGHANTARAN SUMBANGAN BARANG-BARANG BANTUAN KEMANUSIAAN KE JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MUAR, JOHOR.

Pihak DSP telah menghantar sumbangan berupa barang-barang keperluan banjir ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Muar, Johor pada 26 Disember 2011 melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sebanyak 49 item telah dikeluarkan yang bernilai RM1.09 juta untuk tujuan tersebut.

## *THE MISSION ON HUMANITARIAN AID GOODS DELIVERY TO SOCIAL WELFARE DEPARTMENT OF MUAR, JOHOR.*

*DSP has sent the donation for essential items to flood victims in Social Welfare Department of Muar, Johor on December 26, 2011 through the National Security Council (NSC). A total of 49 items valued at RM 1.09 million has been issued for this purpose.*

## LAPORAN PRESTASI KEWANGAN 2011

DSP telah diberi Peruntukan Belanja Mengurus (OE) berjumlah RM 2,169,500.00 dengan pecahan Objek Am 10000 (Emolumen) RM 80,000.00, Objek Am 20000 (Bekalan dan Perkhidmatan) RM 1,909,500.00 dan Objek Am 30000 (Harta Modal) RM 180,000.00.

Dari jumlah tersebut DSP telah berjaya membelanjakan sebanyak RM2,044,801.47 (94.25%) dan bakinya RM124,698.63 (5.75%) sahaja.

## *FINANCIAL PERFORMANCE REPORT 2011*

*DSP has been given Allowance Expenditure (OE) of RM 2,169,500.00 with Fraction Object 10,000 (Emoluments) RM 80,000.00, General Object 20000 (Supplies and services) RM 1,909,500.00 and General Object 30 000 (capital assets) RM 180,000.00.*

*From the total allocation, DSP has spent a total of RM2, 044,801.47 (94.25%) and left the remainder of RM 124,698.63 (5.75%) only.*

**CARTA PAI MENUNJUKKAN JUMLAH PERBELANJAAN KEWANGAN DSP SEHINGGA 31 DISEMBER 2011**
***PIE CHART SHOWS DSP TOTAL FINANCIAL EXPENDITURE UNTIL DECEMBER 31, 2011***




MAJLIS PENYERAHAN BOT LAYAR
DK47 - UTARID
7th DISEMBER 2011
ZL 8888
www.navy.mil.my

# 2011

# AGENSI DIBAWAH KEMENTERIAN
# AGENCY UNDER MINISTRY

- **Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan**
  ***Science & Technology Research Institute For Defence***
- Jabatan Latihan Khidmat Negara
  *National Service Training Department*
- Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM
  *Malaysian Armed Forces Veterens Affairs Department*
- Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera
  *Ex-servicemen Affairs Corporation*



Majlis Pelancaran Askar Wataniah Kumpulan 3 dari Platun Media pada 17 Mac 201
*The Launching Ceremony for Reserved 3rd Soldier Team from Media Platun on 17th March 201*

# INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS & TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE)

# *SCIENCE & TECHNOLOGY RESEARCH INSTITUTE FOR DEFENCE (STRIDE)*

## 1. PENDAHULUAN

2011 adalah tahun permulaan Pelan Strategik STRIDE 2011–2015, digubal untuk mencapai kecemerlangan STRIDE. Usaha untuk mencapai visinya iaitu terkemuka dalam teknologi pertahanan & keselamatan, dengan misinya menerajui daya usaha sains & teknologi untuk pertahanan & keselamatan Malaysia melalui penyelesaian inovatif, dikukuhkan dengan pelbagai program sepanjang tahun 2011. Pencapaian program-program tersebut dilaporkan di sini.

## *1. INTRODUCTION*

*2011 is the start of STRIDE's Strategic Plan 2011–2015, formulated to achieve STRIDE's excellence. Efforts to achieve its vision of being at the forefront in defence & security technology, with its mission to lead science & technology for defence & security of Malaysia through innovative solutions, are strengthened with various programmes throughout 2011. The achievement of these programmes is reported here.*

## 2. AKTIVITI UTAMA

### 2.1 R&D Pertahanan

#### 2.1.1 R&D RMK-10

2011 juga adalah tahun pertama Rancangan Malaysia ke–10. Bagi perancangan 5 tahun ini STRIDE telah diberi kelulusan menjalankan 16 projek penyelidikan pertahanan. Projek–projek ini meliputi pelbagai bidang teknologi berkaitan pertahanan seperti corak samaran, rangsum tempur, kompatibiliti elektromagnetik, bahan termaju, kenderaan tanpa pemandu, sistem pengawasan dan penderia agen biologi & kimia.

Sempena berakhirnya RMK9 dan permulaan RMK10, STRIDE telah menganjurkan satu Persidangan Penyelidikan Pertahanan pada 17 hingga 19 Oktober di Marina Island Resort, Lumut, Perak. Ketua-ketua projek telah membuat pembentangan laporan kemajuan projek masing-masing sepanjang Persidangan tiga hari tersebut, di hadapan panel pengurusan.



**PERSIDANGAN PENYELIDIKAN**
***PERTAHANAN DEFENCE RESEARCH CONVENTION***
**17–19 October 2011, Marina Island Resort, Lumut, Perak**

## *2. MAIN ACTIVITIES*

### *2.1 Defence R&D*

#### *2.1.1 10TH MP R&D*

*2011 is also the first year of the 10th Malaysia Plan. For this 5–year plan, STRIDE has been approved to undertake 16 defence research projects. The projects cover various technology fields such as camouflage patterns, combat rations, electromagnetic compatibility, advanced materials, unmanned vehicles, surveillance systems and sensors for biological & chemical agents.*

*In conjunction with the end of 9thMP and the beginning of 10thMP, STRIDE organised a Defence Research Convention from 17 to 19 October 2011 at Marina Island Resort, Lumut, Perak. Project leaders presented their project progress reports throughout the three-day Convention, in-front-of the management panel.*





#### 2.1.2 Kerjasama R&D Dengan Industri Tempatan

Sepanjang 2011, STRIDE telah menjalin kerjasama dengan lapan syarikat industri tempatan untuk menjalankan projek-projek R&D pertahanan. Mereka ialah Dewina Food Industries Sdn Bhd, Vita Berapi Sdn Bhd, Muadamzam Oto (M) Sdn Bhd, Astronautic Sdn Bhd, Metro Koats Technology Sdn Bhd, Unmanned Systems Technology Sdn Bhd dan The Armour Factory. Projek–projek ini merangkumi pelbagai bidang termasuk rangsum tempur, senjata api, pesawat tanpa pemandu, pakaian keselamatan personel dan cat samaran.

#### *2.1.2 R&D Cooperation with Local Industries*

*Throughout 2011, STRIDE forged cooperation with eight local industries to carry out defence R&D projects. They are Dewina Food Industries Sdn Bhd, Vita Berapi Sdn Bhd, Muadamzam Oto (M) Sdn Bhd, Astronautic Sdn Bhd, Metro Koats Technology Sdn Bhd, Unmanned Systems Technology Sdn Bhd and The Armour Factory. The projects cover various fields including combat rations, weapons, unmanned aerial vehicles, personnel protective clothing and camouflage paint.*

### 2.2 Sokongan Teknikal

Sepanjang 2011 STRIDE juga memberi keutamaan khidmat teknikal kepada MinDef, ATM dan sektor keselamatan lain, dan pencapaian aktiviti–aktiviti ini adalah seperti di Jadual 1 di bawah:

### *2.2 Technical Support*

*Throughout 2011 STRIDE also gave priority in technical services to MinDef, MAF and others in the security sector, and the performance of these activities are as in Table 1 below:*

| **Aktiviti** *Activities* | **Pencapaian** *Achievement* |
|---|---|
| a. Pembangunan dan Pengesahan Spesifikasi Perolehan Pertahanan *Development and Validation of Defence Procurement Specifications* | 130 permohonan *130 applications* |
| b. Ujian Makmal dan Medan *Field and Laboratory Tests* | 512 ujian *512 tests* |
| c. Penilaian Teknikal *Technical Evaluations* | 251 permohonan *251 applications* |
| d. Penyiasatan Kegagalan dan Kajian Kes *Failure Investigations and Case Studies* | 25 kes penyiasatan *25 investigation cases* |
| e. Kalibrasi *Calibrations* | 38 permohonan *38 applications* |









Aktiviti Teknikal
*Technical Activities*

### 2.3 Fasiliti Termaju
***Akreditasi Makmal MS ISO/IEC 17025:2005***

Akreditasi Makmal MS ISO/IEC 17025:2005 adalah penting bagi memastikan makmal-makmal yang terlibat dalam pengujian teknikal adalah kompeten dalam semua aktiviti yang dijalankan dan mempunyai tenaga kerja yang layak selaras dengan keperluan perkhidmatan yang dijalankan. Pada 2011, STRIDE telah memulakan usaha ke arah memperolehi persijilan tersebut pada tahun 2012.

### *2.3 Advanced Facilities*
***Laboratory Accreditation MS ISO/IEC 17025:2005***

*Laboratory accreditation to MS ISO/IEC 17025:2005 is important to ensure that the laboratories involved in technical tests are competent in all the activities carried out and have a qualified workforce in line withe required services. In 2011, STRIDE made efforts to obtain the said certification by 2012.*









## 3. PRESTASI KEWANGAN 2011

### 3.1 Belanja Mengurus (OE)

Untuk 2011 STRIDE diperuntukkan Belanja Mengurus sejumlah RM4,837,650.00. Jumlah ini merupakan kenaikan RM 1,091,650.00 atau 29.9% daripada jumlah peruntukan Belanja Mengurus STRIDE bagi tahun 2010.

PTJ STRIDE telah mencapai prestasi perbelanjaan cemerlang iaitu sebanyak 98.98% bagi peruntukan Belanja Mengurus tahun 2011.

### 3.2 Belanja Pembangunan (DE)
*Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMK-10)*

Bagi memenuhi keperluan STRIDE sebagai sebuah Institusi Penyelidikan utama untuk pertahanan, untuk RMK-10 STRIDE telah diluluskan 16 projek penyelidikan dibawah butiran 12 (PK12) dengan peruntukan RM 9,900,010.00. Rajah di bawah menunjukkan peruntukan dan perbelanjaan STRIDE sepanjang 2011. Keseluruhannya STRIDE mencapai prestasi perbelanjaan cemerlang 97.50% dengan perbelanjaan sebanyak RM 9,656,712.39 daripada keseluruhan peruntukan yang diberi.

## *3. FINANCIAL PERFORMANCE 2011*

### *3.1 Operational Expenditure (OE)*

*For 2011 STRIDE was allocated RM4,837,650.00 for Operational Expenditure. This amount is an increase of RM1,091,650.00 or 29.9% of the total Operational Expenditure allocation for 2010.*

*PTJ STRIDE achieved an excellent expenditure performance expenditure performance of 98.98% for Operational Expenditure allocation for 2011.*

### *3.2 Development Expenditure (DE)*
*The Tenth Malaysia Plan (10thMP)*

*To fulfill STRIDE's requirements as a prime Research Institute for defence, for the 10th MP STRIDE has been approved to undertake 16 research projects under item 12 (PK12) with an allocation of RM9,900,010.00. The figure below shows STRIDE's allocation and expenditure throughout 2011. Overall STRIDE achieved an excellent financial performance of 97.50% with an expenditure of RM9,656,712.39 from the total amount allocated.*

**JADUAL 1 : PRESTASI BELANJA RMK-10 2011**
*TABLE 1 : EXPENDITURE PERFORMANCE 10TH MP 2011*



### 3.3 Akaun Amanah Penyelidikan & Pembangunan (R&D) STRIDE 2011

Akaun Amanah Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) STRIDE bagi tahun 2011 telah mencatatkan penerimaan dan perbelanjaan seperti berikut:

### *3.3 Research & Development (R&D) Trust Account STRIDE 2011*

*STRIDE's R&D Trust Account for 2011 recorded the amounts it received and spent as follows:*

**JADUAL 2 : AKAUN AMANAH PENYELIDIK DAN PEMBANGUNAN (R&D) STRIDE 2011**
***TABLE 2 : RESEARCH AND DEVELOPMENT (R&D) TRUST ACCOUNT STRIDE 2011***

| | |
|---|---|
| Baki 01 Januari (RM)/ *Balance 01 January (RM)* | 309,871.14 |
| Jumlah terimaan (RM) / *Amount Received (RM)* | 695,363.18 |
| Jumlah perbelanjaan / *Amout Spent* | -126,111.30 |
| Baki 31 Disember (RM) / *Balance 31 December (RM)* | 569,251.88 |

Sepanjang tahun 2011, sebanyak dua aktiviti telah dibuat menggunakan peruntukan akaun amanah iaitu Kursus Asas Weapons System – Small Arms dan latihan bidang Chemical, Biological, Radiological and Nuclear (CBRN) Protection bagi saintis Uganda.

*Throughout 2011, two activities that were carried out utilised the allocation in the trust account, namely The Weapons System – Small Arms Basic Course, and The Chemical, Biological, Radiological and Nuclear (CBRN) Protection Training for Ugandan scientists.*

### 3.4 Perolehan Dan Pembelian Aset

Aktiviti perolehan bagi tahun 2011 mencatatkan sebanyak 1 perolehan tender, 52 perolehan sebutharga, dan 465 perolehan pembelian terus bagi perbekalan, perkhidmatan dan kerja-kerja di STRIDE. Perolehan aset dan inventori baru STRIDE pada tahun 2011 telah merekodkan sebanyak 204 perolehan aset dan 115 inventori telah dibuat sepanjang tahun dengan jumlah harga sebanyak RM9,642,320.42 bagi aset dan RM368,297.00 bagi inventori.

### *3.4 Procurement And Asset Acquisition*

*Procurement activities for 2011 recorded 1 acquisition by tender, 52 by quotations and 465 by direct purchase, for supplies, services and other works in STRIDE. STRIDE's asset acquisition and new inventories in 2011 recorded a total of 204 asset acquisition and 115 new inventories throughout the year with a total amount of RM9,642,320.42 for assets and RM368,297.00 for inventories.*

**CARTA PAI PEROLEHAN SEBUTHARGA 2011**
***PIE CHART FOR PROCUREMENT BY QUOTATIONS 2011***








## 4. PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

### 4.1 Kompleks Induk STRIDE

Pembangunan infrastruktur Kompleks Induk STRIDE fasa kedua giat diteruskan dan pada bulan Disember 2011 warga STRIDE yang bertugas di Pejabat Pentadbiran Taman Kajang Utama telah berpindah ke bangunan baru Blok A Kompleks Induk.

### 4.2 Bahagian Teknologi Maritim Lumut

Pembinaan Kompleks Teknologi Maritim Lumut telah melebihi 60% bagi tahun 2011. Pembangunannya agak perlahan kerana masalah struktur tanah yang berbatu di lereng bukit.

## *4. INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT*

### *4.1 STRIDE's Main Complex*

*The second phase infrastructural development of STRIDE's Main Complex was expedited and by December 2011, STRIDE's occupants in the Administration Office at Taman Kajang Utama moved to the new Block A building of the Main Complex.*

### *4.2 Maritime Technology Division Lumut*

*The building of Lumut's Maritime Technology Complex has achieved more than 60% for 2011. Its development is a bit slow due to soil structure problems on a hilly terrain.*



Pejabat Pentadbiran
*Administrative Office*



Auditorium
*Auditorium*



Dewan Serbaguna
*Multipurpose Hall*



Masjid
*Mosque*

## 5. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### 5.1 Kursus Dalaman

Pada 2011 STRIDE telah menganjurkan 10 kursus, 5 bengkel dan 1 persidangan R&D untuk warganya. Kursus dan bengkel merangkumi bidang teknikal seperti analisa getaran, ujian fizikal ke atas bahan getah, pengaturan perisian, pengurusan data, penyelidikan operasi dan fotografi teknikal. Bidang bukan teknikal termasuk pemantapan modal insan, protokol dan keselamatan dokumen. STRIDE juga berjaya menganjurkan dua karnival; Karnival Kesihatan & Kecergasan serta Karnival ICT.

### 5.2 Kursus Dalam Dan Luar Negara

Warga STRIDE telah diberi peluang untuk menghadiri 66 kursus, 15 seminar dan 9 bengkel seperti sains, teknologi dan inovasi (STI), fatig, tribologi, konvensyen senjata kimia (di United Kingdom, Japan, the Netherlands), sistem pengurusan pertahanan (di Singapura), pengurusan projek, operasi mesin milling, keselamatan radiasi, kalibrasi, krisis siber, penulisan laporan teknikal, pengujian kenderaan, mikroskop elektron, sains fundamental, penyelenggaraan peralatan elektronik, pengurusan risiko, komputer, metodologi penyelidikan, kewangan, bahasa Inggeris, pengurusan aset dan kursus induksi.

### 5.3. Lawatan

Warga STRIDE telah membuat 12 lawatan teknikal ke beberapa agensi luar seperti Agensi Nuklear Malaysia, Institut Veterinar Ipoh, SIRIM, Pangkalan TLDM, Hospital Selayang, PDRM dan beberapa agensi industri tempatan.

STRIDE juga menerima kunjungan pelawat termasuk YB Timbalan Menteri Pertahanan, YBhg KSU Kementerian Pertahanan, delegasi tentera dari Thailand dan TLDM, pelajar-pelajar universiti UIA, UPM, UPNM, MSU, juga agensi lain seperti MIROS dan MITI.

## *5. HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT*

### *5.1 Internal Courses*

*For 2011 STRIDE organised 10 courses, 5 workshops and 1 R&D convention for its personnel. The technical courses and workshops include vibration analysis, physical tests on rubber products, software programming, data management, operations research and technical photography. The non-technical ones are team building, protocol and document security. STRIDE also successfully organised two carnivals; Health & Fitness Carnival, and ICT Carnival.*

### *5.2 Local And Overseas Courses*

*STRIDE's personnel were given opportunities to attend 66 courses, 15 seminars and 9 workshops such as science, technology and innovation (STI), fatigue, tribology, chemical weapons convention (at United Kingdom, Japan, the Netherlands), defence management system (in Singapore), project management, milling machine operation, radiation safety, cyber crisis, technical report writing, vehicle testing, electron microscope, fundamental science, electronic equipment maintenance, risk management, computer, research methodology, finance, English, asset management and induction course.*

### *5.3 Visits*

*STRIDE's personnel made 12 technical visits to various local agencies such as Malaysia Nuclear Agency, Veterinary Institute Ipoh, SIRIM, RMN Naval Base, Selayang Hospital, RMP and some local industry agencies*

*STRIDE also received visitors including YB Deputy Defence Minister, YBhg Defence Ministry Secretary General, military delegations from Thailand and RMN, university students from IIU, UPM, UPNM, UPM, and also other agencies such as MIROS and MITI,*

# 2011

# AGENSI DIBAWAH KEMENTERIAN

# AGENCY UNDER MINISTRY

- Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan
  *Science & Technology Research Institute For Defence*
- **Jabatan Latihan Khidmat Negara**
  ***National Service Training Department***
- Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM
  *Malaysian Armed Forces Veterens Affairs Department*
- Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera
  *Ex-servicemen Affairs Corporation*

# JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA (JLKN)
## *NATIONAL SERVICE TRAINING DEPARTMENT (JLKN)*



Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) merupakan jabatan yang ditubuhkan untuk merancang, melaksana dan memantau serta menilai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejajar dengan keputusan Kabinet dan Akta Latihan Khidmat Negara 2003 yang diberi kuasa kepada Jabatan Latihan Khidmat Negara untuk mengendali Program Latihan kepada setiap remaja yang berumur 18 hingga 35 tahun. Jabatan ini telah ditubuhkan pada 15 Oktober 2003. Sehingga tahun 2011, JLKN telah melaksanakan 8 siri dan melahirkan lebih 600 ribu pelatih-pelatih PLKN di seluruh negara.

*National Service Training Department (NSTD) is the department which established to plan, implement, monitor and evaluate the National Service (NS) programme to be in line with the Cabinet decision and the National Service Training Act 2003 which authorized the National Service Training Department to operate this programme on each teenagers aged from 18 to 35 years old. This department was established on October 15, 2003. Until 2011, NSTD has implemented 8 series of programme and produced more than 600 thousand of trainees throughout the country.*

### Majlis Latihan Khidmat Negara

Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) adalah bertanggungjawab bagi melaksanakan fungsi yang diberikan oleh atau di bawah Akta Latihan Khidmat Negara tahun 2003 ini dan hendaklah menasihati Menteri tentang segala perkara yang berhubung dengan Latihan Khidmat Negara. MLKN diwakili oleh Pengerusi MLKN, YB Dato' Dr. Tekhee @ Tiki Lafe dan lima orang ahli yang terdiri daripada wakil-wakil kerajaan termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan serta tiga orang tetapi tidak lebih daripada lima orang anggota lain yang terdiri daripada wakil kaum-kaum utama di Malaysia.

### *National Service Training Council*

*National Service Training Council (NSTC) is responsible for carrying out the functions given by or under the National Service Training Act 2003, and also advises the Minister on all matters relating to National Service Programme. NSTC is represented by the Chairman, YB Dato 'Dr. Tekhee @ Tiki Lafe and five members consist of the representatives of government, including the Secretary General of the Ministry of Defence, Dato 'Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad, Secretary General of the Ministry of Youth and Sports, Secretary General of Ministry of Education, the Secretary General of the Ministry of Health and three other people but not more than five other members which represented the major races in Malaysia.*

### *Secretariat and Customer Services of*



Majlis Penyerahan Cek Rayuan Hari Pahlawan pada 15 Mac 2011
*The Cheque Give away Ceremony for Warrior Day on 15th March 2011*





### Kajian Kepuasan Pelatih PLKN Siri 8/2011

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan berikut:

i. Mengenal pasti tahap kepuasan pelatih selaku Pelanggan utama PLKN terhadap perkhidmatan teras yang disediakan di kem-kem merangkumi faktor Prasarana, Pengurusan Kem dan Jurulatih; dan
ii. Hasil kajian dapat membantu JLKN dalam menambah baik perkhidmatan yang diberikan kepada pelatih di kem-kem PLKN.

Kajian Kepuasan Pelatih PLKN telah dilaksanakan kepada pelatih yang menghadiri latihan PLKN berdasarkan tiga (3) perkhidmatan teras iaitu Prasarana dan Pengurusan Kem dan Jurulatih. Keputusan hasil kajian secara keseluruhan terhadap tahap kepuasan pelatih adalah seperti berikut:

### *NSTD*
### *NS Trainee Satisfaction Survey Series 8/2011*

*The study was conducted with the following goals:*

*i. To identify the satisfaction level of the trainees as the main customers of the NS Programme on NS core services; including the Infrastructure, Camp Management and Instructors, and*
*ii. The findings is hope to help NSTD in improving their services provided to the trainees in NS camps.*

*NS Trainee Satisfaction Survey was carried out to the trainees who attended NS training based on three (3) core services; Infrastructure, Camp Management and Instructors. The results of the overall research on the level of trainees' satisfaction are as follows:*

**KESELURUHAN TAHAP KEPUASAN PELATIH SIRI 8/2011**
***OVERALL TRAINES STATISFACTION LEVEL SIRIES 8/2011***




Secara keseluruhannya, hasil Kajian Kepuasan Pelatih terhadap tiga (3) perkhidmatan teras yang disediakan di Kem-kem PLKN bagi Siri 8 Tahun 2011 mendapati tahap kepuasan pelatih berada pada tahap yang memuaskan, iaitu secara purata berada pada tahap 87.90%. Sekiranya perbandingan dibuat terhadap tiga (3) faktor kepuasan yang dikaji, tahap kepuasan terhadap Jurulatih berada di peratusan yang tertinggi, iaitu 92.08%. Di samping itu, peratusan tahap kepuasan pelatih yang kedua tertinggi ialah di bawah faktor Pengurusan Kem, iaitu 88.33%. Sementara itu, faktor Prasarana berada di tempat ketiga, iaitu 83.28%.

*Overall, the results of this Trainee Satisfaction Study over three (3) core services provided at NS camps for Series 8 of 2011 shows that the level of trainee satisfaction is at a satisfactory level, the average is at 87.90%. If the comparison is made within three (3) satisfaction factors studied, the level of satisfaction with instructors at the highest percentage, ie 92.08%. In addition, the percentage of student satisfaction is the second highest in the Camp Management factor, which is 88.33% and the infrastructure factors are in third place, which is 83.28%*

## Pembangunan Latihan JLKN

Pelaksanaan Sub Modul Budaya Kerja di dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah diputuskan Jemaah Menteri yang bersidang pada 2 Jun 2010. Kajian semula dibuat terhadap Modul Pembinaan Karakter iaitu dengan memperkenalkan sub Modul Budaya Kerja dan dilaksanakan dalam latihan PLKN bermula pada Kumpulan 1, Siri 8/2011. Objektif sub Modul Budaya Kerja ini adalah untuk meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama di kalangan remaja di dalam usaha melahirkan warga kerja yang profesional ke arah negara maju selaras dengan Pelan Transformasi Kerajaaan.

Pelaksanaan Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) di dalam PLKN ini adalah selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 6 November 2009 yang bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial. PKRS dilaksanakan di dalam PLKN mulai Kumpulan 2 Siri 8/2011.

Modul i-SMART dibangunkan bagi meningkatkan tahap penguasaan dan pemahaman Bahasa Malaysia bagi pelatih-pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mempunyai masalah dalam berkomunikasi, membaca dan menulis. Bagi maksud tersebut bengkel Pembangunan Modul Fasa Pertama telah diadakan pada 22 Mac hingga 25 Mac 2011, bertempat di Hotel Emperor, Melaka. Bengkel Pembangunan Modul I-SMART Fasa Kedua telah diadakan pada 18 Julai – 22 Julai 2011 di Crystal Crown Hotel, Johor. Bengkel ini bertujuan untuk memurnikan draf modul pengajaran dan pembelajaran (P&P) literasi 2M yang telah dihasilkan melalui fasa pertama pada 22 Mac – 25 Mac 2011. Keseluruhan bengkel ini berkonsepkan percambahan fikiran (brainstorming) di dalam kumpulan dan pembentangan kertas kerja berkenaan pengisian Modul I-SMART. Hasil penilaian ke atas 482 orang pelatih PLKN yang mengikuti modul ini didapati 78% telah meningkat pencapaiannya selepas selesai menjalani Modul I-SMART.

## Pengurusan Pelatih JLKN

Pada tahun 2011 seramai 140,000 pelatih telah dipilih daripada 516,047 orang yang lahir pada tahun 1993 untuk menyertai PLKN di kem-kem PLKN di seluruh Malaysia. Ia telah dipilih secara rawak melalui komputer dan mengikut polisi yang telah ditetapkan

## *Training Development of NSTD*

*The Implementation of Work Culture Sub Module in the National Service Training Program (NS) has been decided by the Cabinet which met on June 2, 2010. The review has been made to the Character Construction Module by introducing the sub module of Work Culture and is being implemented in the NS training starting from Group 1, Series 8/2011. The objective of this Work Culture sub module is to increase awareness, commitment and cooperation among young adults in the effort of building professional nations towards the developed countries and is according with Government Transformation Plan.*

*The Implementation of Reproductive Health Education and Social Programme (PKRS) in NS is in line with the Policy and Action Plan for Reproductive Health Education and the National Social approved by the Cabinet on 6 November 2009 which aims to produce individuals who are knowledgeable and have positive attitudes in the health reproductive and social. PKRS was implemented in NS from Group 2 Series 8/2011.*

*I-SMART modules were developed to increase the level of mastery and understanding of Bahasa Malaysia for all trainees of National Service (NS) who have problems in communicating, reading and writing. To meet the purposes of the module, the First Phase Module Development workshop was held on March 22 to March 25, 2011, at the Emperor Hotel, Malacca. The Second Phase of the I-SMART Module Development Workshop was held on 18 July to 22 July 2011 at Crystal Crown Hotel, Johor. This workshop is intended to refine the draft of teaching and learning modules (P & P) 2M literacy that has been produced through the first phase on 22 March to 25 March 2011. This whole concept of this workshop is group brainstorming and the presentation of paperwork regarding the content of I-SMART module. The results of the assessment conducted on the 482 trainees who attended this module show an increment of 78% in their performance after the completion of Module I-SMART.*

## *Trainee Management JLKN*

*In 2011, a total of 140,000 trainees were selected from 516,047 persons who born in 1993 to join NS in NS camps throughout Malaysia. It was chosen randomly by computer and follows the policy set for the complete national integration objectives as the main*





bagi mengisi objektif integrasi nasional sebagai matlamat utama program selain sifat patriotik, kesukarelawan, bertoleransi dan keperibadian tinggi. Pada tahun 2011 juga Bahagian Pengurusan Pelatih dalam usaha untuk memperkasakan bekas pelatih PLKN atau Alumni PLKN agar dapat terus menyumbangkan bakti kepada masyarakat secara sukarela melalui Unit Alumni PLKN yang ditubuhkan dengan kerjasama Sekretariat Alumni PLKN

*goal of this program besides nurturing patriotism, volunteerism, tolerance and determination. In 2011, the Trainee Management Department made an effort to strengthen the former trainees or NS Alumni in order to continue contributing to the society as a voluntary service through NS Alumni Unit which was established in partnership with NS Alumni Secretariat.*





Wajah ceria pelatih PLKN
*Cheerful shownby the PLKN trainee face*

## Operasi JLKN



Pergerakan Kemasukan Pelatih PLKN Siri 8/2011 telah diadakan pada 2 Januari 2011 di Padang Bola Sepak Bangunan Zetro yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia. Pada 25 Januari 2011 pula telah diadakan Majlis PLKN Pemangkin 1 Malaysia bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC), Putrajaya. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datin Paduka Seri Rosmah Mansor. Seramai 3000 orang pelatih PLKN daripada 15 buah kem PLKN terlibat dalam majlis ini.

## *NSTD Operation*

*NS Trainee Admission Movements Series 8/2011 was held on January 2, 2011 in Football Field, Zetro Building which was officiated by YB Dato 'Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Minister of Defence, Malaysia. On January 25, 2011, NS Council: Catalyst of 1 Malaysia was held at the International Convention Centre (PICC), Putrajaya. This ceremony was officiated by the Honourable Datin Paduka Seri Rosmah Mansor. A total of 3000 NS trainees from the 15 NS camps were involved in the ceremony.*






Kemasukan pelatih PLKN 8/2011
*National Service Trainee Admission*

Pada 20 April 2011 pula telah diadakan Seminar Komandan Kem PLKN di Pulau Pinang yang melibatkan seramai 81 orang Komandan Kem PLKN seluruh Malaysia. Ia diadakan adalah untuk memberi maklumat dan garis panduan tentang pentadbiran dan isu-isu pengurusan kem PLKN dan kaedah menangani masalah. Seminar Menambah baik mutu disiplin juga diadakan pada 25 Julai 2011 di Port Dickson bagi memberi panduan dan kaedah terbaik dalam menguruskan hal ehwal disiplin serta cara mengatasi masalah.

Majlis Perhimpunan "Kami Anak 1 Malaysia" diadakan pada 14 Oktober 2011 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil Kuala Lumpur yang dihadiri oleh 15,000 bekas pelatih PLKN. Ia telah menghimpunkan bekas-bekas pelatih PLKN dari seluruh Malaysia dalam satu acara bagi mendengar amanat dari YAB Perdana Menteri serta pelbagai lagi acara yang diadakan khas untuk mereka.

*On 20 April 2011, NS Camp Commandant Seminar was held in Penang, involving 81 NS camp commander throughout Malaysia. It was held to provide information and guidelines for the administration and the management issues in NS camps and overcome methods. Seminar on Improving the Quality of Discipline was also held on July 25, 2011 in Port Dickson to provide guidance and best method of managing the discipline cases and how to fix the problem.*

*The assembly of "We Are 1 Malaysia Kids" held on October 14, 2011 at National Hockey Stadium in Bukit Jalil, Kuala Lumpur was attended by 15, 000 former NS trainees. It has gathered together the former trainees from all over Malaysia in one event to hear out the message from our Prime Minister and also, various events has been held specifically for them during the event.*





Perhimpunan Kami Anak 1 Malaysia
*The assembly of "We are 1 Malaysia kids'*

### Pengurusan Maklumat JLKN

### *NSTD Information Management*

**SISTEM PROGRAM KHIDMAT NEGARA (SPKN)**

***SYSTEMS OF NATIONAL SERVICE PROGRAM (SPKN)***

Setiap tahun lebih kurang 500,000 remaja kelahiran bagi tahun pemilihan pelatih akan diperolehi dari JPN. Data tersebut perlu diproses dan dianalisa terlebih dahulu bagi memastikan data yang dibekalkan adalah lengkap. Statistik pengambilan pelatih PLKN sehingga 2011 adalah seperti dibawah. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan berkaitan dengan sistem SPKN di sepanjang tahun 2011 adalah seperti berikut:-

*Each year, about 500,000 teenagers birth on the selected years will be obtained from the National Registration Council. Data must be processed and analyzed in advance to ensure that the data supplied is completed. The statistics for the trainees intake up to 2011 are as follows. The activities which have been conducted concerning NS system during the year 2011 are as follows:*

**Proses Pemilihan Berkomputer Secara Rawak (Balloting) Program Latihan Khidmat Negara Bagi Siri 9/2012**

***Computerized Randomly Selection Process (Balloting) National Service Training Program For Series 9/2012***

Majlis pelancaran proses Balloting bagi Siri 9/2012 telah diadakan pada 8 Julai 2011 bertempat di Bilik Teratai Tingkat 5, Wisma Pertahanan di mana senarai nama cetakan bagi 140,000 pelatih terpilih yang lahir pada tahun 1994 telah dijana. Jumlah pecahan mengikut kumpulan yang ditetapkan adalah seramai 41,000 pelatih bagi Kumpulan 1, 46,000 bagi Kumpulan 2 dan 53,000 bagi Kumpulan 3

*The launching of Balloting Process of the Series 9/2012 was held on July 8, 2011 at the Teratai Room, 5th Floor, Ministry of Defence whereby, the printed list of selected 140,000 trainees who were born in 1994 was generated. The total fractions are according to the stated team which was about 41,000 students for Group 1, 46, 000 for Group 2 and 53,000 for Group 3*

**STATISTIK PENGAMBILAN PELATIH PLKN**
***STATISTIC FOR PLKN TRAINEE INTAKE***




### Khidmat Pengurusan JLKN

### *NSTD Services Management*

Pada tahun 2011, sebanyak 30 buah Kem PLKN telah dipersijilkan dengan Persijilan MS ISO 9001: 2008. JLKN melalui Kumpulan SMART juga telah berjaya menjadi Johan Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Jabatan dan di peringkat Kementerian Pertahanan untuk bersaing seterusnya di peringkat Wilayah yang diadakan di PICC pada September 2011.



*In 2011, a total of 30 NS Camps have been certified with MS ISO 9001: 2008. NSTD through SMART Team has also become the Champion for Innovative and Creative Team (ICT) at department level and at the Ministry of Defence level and to compete in the next Region level which held at the PICC in September 2011.*

### Kewangan dan Akaun JLKN

### *NSTD Finance and Accounts*

Bagi Tahun 2011, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan Belanja Mengurus bagi Program Latihan Khidmat Negara sebanyak RM752,922,000.

*In the year 2011, the Ministry of Finance has approved the Operating Budget of RM752, 922,000 for the National Service Training Program. With this amount, the budget which allocated for management activities is RM 48,505,514 or 6.44% of the total budget of Department, while the provision for training activity was RM 704,416,486 or 93.56%.*

**PRESTASI PERBELANJAAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2011 MENGIKUT OBJEK AM (OA)**
*2011 OPERATING BUDGET EXPENDITURE PERFORMANCE BASED ON GENERAL OBJECTS (OA)*

| OBJEK AM (OA) *GENERAL OBJECTS (OA)* | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) *ALLOCATED AMOUNT (RM)* | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) *TOTAL EXPENDITURE (RM)* |
|---|---|---|
| Emolumen(OA 10000) *Emolument(OA 10000)* | 41,843,450.00 | 41,576,583.09 |
| Perkhidmatan (OA 20000) *Services (OA 20000)* | 703,460,443.00 | 669,487,924.65 |
| Aset (OA 30000) *Aset (OA 30000)* | 6,220,000.00 | 6,172,977.00 |
| Ganjaran (OA 40000) *Rewards (OA 40000)* | 1,398,107.00 | 276,528.23 |
| **JUMLAH** *Total* | **752,922,000.00** | **717,514,012.97** |

**JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA DAN DISELESAIKAN DARI JANUARI - DISEMBER 2011**
*TOTAL COMPLAINTS RECEIVED AND RESOLVED FROM JANUARY - DECEMBER 2011*

| Kementerian / *Ministry* | | Jumlah Aduan/*Total of complaints* | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bulan *Month* | Agensi *Agency* | Terima *Receive* | Dalam Tindakan *In Action* | Dalam Tindakan % *In Action %* | Selesai *Settle* | Selesai % *Settle %* |
| JANUARI *JANUARY* | Kerajaan *Government* Swasta *Private* | 18 | 0 | 0% | 18 | 100% |
| FEBRUARI *FEBRUARY* | Kerajaan *Government* Swasta *Private* | 23 | 0 | 0% | 23 | 100% |
| MAC *MAC* | Kerajaan *Government* Swasta *Private* | 7 | 0 | 0% | 7 | 100% |
| APRIL *APRIL* | Kerajaan *Government* Swasta *Private* | 28 | 0 | 0% | 28 | 100% |
| MEI *MAY* | Kerajaan *Government* Swasta *Private* | 17 | 0 | 0% | 17 | 100% |
| JUN *JUNE* | Kerajaan *Government* Swasta *Private* | 6 | 0 | 0% | 6 | 100% |
| JULAI *JULY* | Kerajaan *Government* Swasta *Private* | 4 | 0 | 0% | 4 | 100% |
| OGOS *AUGUST* | Kerajaan *Government* Swasta *Private* | 4 | 0 | 0% | 4 | 100% |
| SEPTEMBER *SEPTEMBER* | Kerajaan *Government* Swasta *Private* | 5 | 0 | 0% | 5 | 100% |





| Kementerian / *Ministry* | | Jumlah Aduan/*Total of complaints* | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bulan *Month* | Agensi *Agency* | Terima *Receive* | Dalam Tindakan *In Action* | Dalam Tindakan % *In Action %* | Selesai *Settle* | Selesai % *Settle %* |
| OKTOBER *OCTOBER* | Kerajaan *Government* Swasta *Private* | 7 | 0 | 0% | 7 | 100% |
| NOVEMBER *NOVEMBER* | Kerajaan *Government* Swasta *Private* | 3 | 0 | 0% | 3 | 100% |
| DISEMBER *DECEMBER* | Kerajaan *Government* Swasta *Private* | 12 | 0 | 0% | 12 | 100% |
| **JUMLAH** | | **134** | **0** | **0%** | **134** | **100%** |

**RINGKASAN PAMERAN DAN PROMOSI DI SEKOLAH-SEKOLAH 2011**
*SUMMARY OF EXHIBITION AND PROMOTION IN SCHOOL 2011*

| Bil. kem yang telah melaksanakan pameran & promosi membuat lawatan ke kem *No. of camp that has been executing and promotion* | Bil. kem yang belum melaksanakan pameran & promosi *No. of camp has not been executing exhibition and promotion* | Bil. sekolah yang terlibat dengan pameran & promosi *No. of school that involve in exhibition and promotion* | Bil. pelajar hadir semasa pameran & promosi *No. of student attending at exhibition and promotion* | Bil. sekolah membuat lawatan ke kem *No. of school that meet a visit to the camp* |
|---|---|---|---|---|
| **35** | **47** | **66** | **8929** | **13** |

**LAPORAN STATISTIK PAMERAN JOM MASUK U ANJURAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI TAHUN 2011**
*STATISTIC REPORT 'JOM MASUK U' EXHIBITION ORGANISED BY THE MINISTRY OF HIGHER EDUCATION YEAR 2011*

| BIL *NO.* | TARIKH *DATE* | LOKASI *LOCATION* | JUMLAH PENGUNJUNG *NUMBER OF VISITOR* |
|---|---|---|---|
| 1. | 15 - 16 Jan | Terengganu Trade Centre, Kuala Terengganu | 576 |
| 2. | 22 – 23 Jan | MITC, Melaka | 630 |
| 3. | 29 – 30 Jan | PISA, Penang | 588 |
| 4. | 12 – 13 Feb | Kelantan Trade Centre, KB, Kelantan | 650 |
| 5. | 19 – 20 Feb | Dewan 2020, Perlis | 523 |
| 6. | 26 – 27 Feb | Suria Sabah, Kota Kinabalu, Sabah | 730 |
| 7. | 5 – 6 Mac | Dewan Jubli Perak Sultan Hj. Ahmad Shah, Kuantan, Pahang | 702 |
| 8. | 12 – 13 Mac | PERSADA, Johor | 682 |
| 9. | 19 – 20 Mac | Permata Exhibition Centre, Kuching, Sarawak | 689 |
| 10. | 26 – 27 Mac | Dataran Majlis Perbandaran, Ipoh, Perak | 679 |
| 11. | 2 – 3 April | MINES, KL | 789 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **7238** |

**Publisiti**

Temubual Eksklusif bersama VIP JLKN dalam slot Selamat Pagi Malaysia (RTM) dan Malaysia Hari Ini (TV3):

- Program Panorama RTM1 Sempena Sambutan Tahun Baru Cina di Kem PLKN pada 16 Jan 2011
- Program Panorama RTM1 – Aktiviti Seharian di Kem PLKN pada 9 Februari 2011
- Wawancara Ketua Pengarah JLKN bersama RTM1 dalam program Peranan Generasi Y pada 18 Jun 2011
- Wawancara Menteri Pertahanan dalam slot Selamat Pagi Malaysia pada 10 Julai 2011
- Lintas langsung program Malaysia Hari Ini di Kem PLKN Temasya Rimba Templer pada 23 Julai 2011
- Wawancara KP bersama Astro Awani
- Pelatih PLKN Kem Paya Indah di RTM sempena dengan Hari Malaysia pada 15 September 2011
- Siaran Langsung Majlis Kami Anak 1Malaysia di RTM pada 14 Oktober 2011

***Publicity***

*NSTD VIP Exclusive Interview in slot Selamat Pagi Malaysia (RTM) and Malaysia Hari Ini (TV3):*

- *RTM1 Panorama Program in conjunction with Chinese New Year Celebration in NS camps on January 16, 2011*
- *RTM1 Panorama Program – A day at NS Camp on February 9, 2011*
- *RTM1 Interview Program with NSTD General Director regarding the role of the Generation Y on June 18, 2011*
- *Interview with the Minister of Defence in the slot Selamat Pagi Malaysia on July 10, 2011*
- *Live Session in Malaysia Hari Ini program at NS Rimba Templer Camp Carnival on July 23, 2011*
- *An interview with Astro Awani*
- *NS Paya Indah Camp Trainees in RTM in conjunction with Malaysia Day on 15 September 2011*
- *Live on the 'We Are 1Malaysia Kids' on television, October 14, 2011*



Temubual ekslusif bersama Ketua Pengarah JLKN
*Exclusive interview with Director of JLKN*






Jumlah Kenyataan Akhbar yang telah dikeluarkan oleh BKK sepanjang tahun 2011 adalah sebanyak 51 kali.

*Total Press Release issued by the BKK during 2011 is 51 times.*

# 2011

# AGENSI DIBAWAH KEMENTERIAN
# AGENCY UNDER MINISTRY

- Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan
  *Science & Technology Research Institute For Defence*
- Jabatan Latihan Khidmat Negara
  *National Service Training Department*
- **Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM**
  ***Malaysian Armed Forces Veterens Affairs Department***
- Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera
  *Ex-servicemen Affairs Corporation*

# JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM (JHEV)

## *MALAYSIAN ARMED FORCES VETERENS AFFAIRS DEPARTMENT (JHEV)*

**SKIM-SKIM BANTUAN KEBAJIKAN JHEV**

**1.1 Bantuan Sara Hidup**

Bantuan Sara hidup adalah bantuan kewangan bulanan yang diberikan JHEV kepada Veteran ATM, balu dan tanggungan (anak yatim piatu) bagi meringankan beban sara hidup veteran dan tanggungan yang uzur, dhaif dan miskin berdasarkan kelayakan mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan. Kadar bantuan maksimum yang diberikan adalah RM 300.00 sebulan. Pada tahun 2011, seramai 3514 orang penerima bantuan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM4,963,220.00 atau 37% dari keseluruhan perbelanjaan di bawah Skim Bantuan Kebajikan JHEV.

**1.2 Bantuan Persekolahan**

Bantuan Persekolahan adalah bantuan yang diberikan kepada Veteran ATM yang kurang mampu untuk membiayai pelajaran anak-anak samada di peringkat sekolah rendah ataupun sekolah menengah mengikut kelayakan. Bantuan ini hanya layak untuk seorang anak bagi satu keluarga sahaja. Bagi tahun 2011, seramai 1545 orang penerima bantuan ini dengan jumlah perbelanjaan berjumlah RM1,012,700.00 iaitu sebanyak 7.7% daripada keseluruhan perbelanjaan.

**1.3 Bantuan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Politeknik**

Sebagai memberi galakan dan motivasi kepada anak-anak Veteran ATM, Jabatan ini juga menyediakan bantuan kewangan kepada anak-anak Veteran ATM yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat IPTA/Politeknik samada di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama mengikut kelayakan. Sebanyak RM6,582,600.00 telah diberikan kepada 5462 orang anak Veteran ATM. Bantuan ini juga diberikan sebagai tanda

***JHEV WELFARE ASSISTANCE SCHEME***

***1.1 Living Assistance***

*Living assistance is a monthly financial assistance given by JHEV to the Armed Forces Veteran, widows and dependents (orphans) to ease the burden of living veterans and dependents who are sick, weak and poor, based on their eligibility under the Poverty Line Income (PLI) that has been stated. The maximum assistance given is RM300.00 per month. In 2011, a total of 3514 people managed to receive assistance with a total cost of RM4,963,220.00 or 37% of the total expenditure under the JHEV Welfare Assistance Scheme.*

***1.2 School Aids***

*School aid is the assistance given to needy Veterans to fund their children's education, whether in primary or secondary school according to the qualifications. The aid is only eligible for one child in one family. For the year of 2011, 1545 recipients of this aid received the assistance which makes a total expenditure of RM1,012,700 or 7.7%.*

***1.3 Assistance on Public Institutions of Higher Learning (IPTA) / Polytechnic Children Admission***

*As an encouragement and motivation for children of Veteran, the Department is providing financial assistance to the children who were successful in their study at universities / polytechnics either Diploma or Degree level in accordance with their qualifications. A total of 6,582,600.00 were given to*



Majlis Perasmian Perpustakaan Tun Ibrahim pada 12 dan 13 Mei 2011 bertempat di Auditorium MinDef
*The Officiating Ceremony of Tun Ibrahim Library on 12th and 13th May 2011 at MinDef Auditorium*





pengucapan tahniah sekaligus, membantu meringankan beban kewangan Veteran ATM ketika pendaftaran kemasukan anak-anak mereka. Bantuan dibawah kategori ini merupakan perbelanjaan terbesar Bahagian Kebajikan iaitu sebanyak 50.2 % daripada keseluruhan perbelanjaan.

**1.4 Bantuan Peralatan Pesakit**

Bantuan ini diberikan kepada Veteran ATM tidak kira berpencen atau tidak berpencen, balu dantanggungan. Peralatan yang diberikan adalah peralatan sokongan perubatan seperti katil,kerusi roda, tilam,tongkat dan lain-lain. Perbelanjaan untuk skim ini bagi tahun 2011 telah meningkat sebanyak 43% berbanding tahun 2010 iaitu sebanyak RM426,316.80 bagi 379 orang pesakit. Perbelanjaan ini adalah sebanyak 3.2 % daripada keseluruhan perbelanjaan tahun 2011.

**1.5 Bantuan Bencana**

Bantuan Bencana adalah bantuan yang diberikan kepada Veteran ATM yang mengalami kesukaran membaiki kerosakan pada rumah milik sendiri akibat bencana alam seperti kebakaran, banjir dan lain-lain. Jabatan ini telah membelanjakan sebanyak RM131, 600.00 kepada 93 orang Veteran ATM iaitu sebanyak 1.1% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan.

**FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN**

Bahagian Pencen, JHEV berperanan untuk mengurus dan memantau pembayaran Faedah-Faedah Persaraan kepada anggota ATM yang telah menamatkan perkhidmatan.

2.1 Pembayaran Faedah-Faedah Persaraan
2.2 Faedah Perubatan
2.3 Pembayaran Balik Tuntutan Perubatan
2.4 Bayaran Bantuan Menguruskan Jenazah (BMJ) Pesara ATM
2.5 Bayaran Insentif Khas Kecederaan / Kematian Insurgensi ATM

*5462 Veteran children. This assistance is also given as a token of congratulations, to help ease the Veteran financial burden when enrollment of their children. The assistance under this category is the Welfare Division biggest expenses with a total of 50.2% of total expenditure.*

***1.4 Patients' Equipment Assistance***

*This assistance was provided to the Veteran whether pensionable or non-pensionable, widows and dependents. Equipment which provided is medical support equipment such as beds, wheelchairs, mattresses and other stuff. The expenditure for this scheme in 2011 has increased by 43% compared to the year of 2010 with a total of RM426,316.80 for 379 patients. These expenses was amounted about 3.2% of total expenditure in 2011.*

***1.5 Disaster Relief***

*Disaster aid is the assistance given to the Veteran who has difficulties in repairing damage to their own home due to natural disasters such as fire, flood and others. The department has spent a total of RM131, 600.00 for 93 people of Armed Forces Veteran or 1.1% of the total expenditure.*

***RETIREMENT BENEFITS***

*JHEV is responsible to manage and monitor the payment of Retirement Benefits for Armed Forces personnel who have completed their services. In addition, the Division also manages and monitors the payment of death benefits to dependents for the Armed Forces members who died while in service or after retirement.*

*2.1 Payment of Retirement Benefits*
*2.2 Medical Benefits*
*2.3 Reimbursement of Medical Claims*
*2.4 Funeral Assistance Payment (BMJ) for the Armed Forces Retired Personnel*
*2.5 Payment of incentives for Injury / Death Insurgency*

**PENGUKUHAN DAN PENINGKATAN SOSIOEKONOMI**

**Program Pembangunan Usahawan**

**3.1 Lantikan Konsultan**

Pada tahun 2011 sebanyak 2 sesi pemantauan telah dilaksanakan bersama-sama pihak Perunding yang telah dilantik. Program ini diadakan bertujuan untuk meninjau dan memantau perkembangan perniagaan mereka di samping membantu mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi oleh Usahawan Veteran ATM. Seramai 25 orang Usahawan telah terlibat di dalam program ini.

**3.2 Kursus**

Sebanyak 6 siri Kursus Pembangunan Usahawan telah diadakan sepanjang tahun 2011 dengan kerjasama Konsultan yang dilantik. Kursus diadakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada para Veteran ATM berkaitan bidang keusahawanan.Dalam kursus tersebut, ujian turut diadakan untuk menilai tahap kemahiran dan potensi untuk menjadi usahawan berjaya. Di akhir kursus bakal usahawanyang berpotensi telah dipilih untuk diberi perkhidmatan pemantauan sewajarnya untuk dibimbing agar terus maju dan berjaya. Daripada 6 kursus tersebut, seramai 30 orang dikenalpasti dan dipilih untuk diberi pemantauan. Sementara itu, satu Kursus Jaringan Usahawan telah diadakan di Hotel Novel Sg Besi pada 10 -14 Dis 2011. Seramai 50 orang usahawan Veteran ATM telah mengikuti kursus tersebut. Melalui program ini, mereka juga telah dapat berkongsi pengalaman dan bertukar pendapat berkaitan perniagaan yang diceburi dan dapat mewujudkan jaringan perniagaan di kalangan mereka.

**Sokongan Perniagaan/ Khidmat Nasihat**

Pada tahun 2011, terdapat seramai 116 orang Veteran ATM telah datang untuk mendapatkan khidmat sokongan/nasihat yang disediakan di JHEV. Permohonan untuk mendapatkan permit teksi persendirian mencatat peratusan tertinggi berbanding dengan permohonan lain iaitu sebanyak24 permohonan. Lain-lain pecahan surat sokongan dan perkhidmatan yang telah diberikan, bagi permohonan untuk mendapatkan lesen dan tapak untuk berniaga terdapat sebanyak 13 permohonan.

***SOCIO-ECONOMIC STRENGTHENING AND IMPROVEMENT***

***Entrepreneur Development Program***

***3.1 Appointment of the Consultants***

*In 2011, two monitoring sessions were carried out together with the consultant who has been appointed. This program aims to review and monitor the progress of their business and help to find solutions for the problems faced by the Veteran Entrepreneurs. A total of 25 entrepreneurs were involved in this program.*

***3.2 Course***

*A series of 6 courses of Entrepreneur Development held in 2011and was collaborated with the appointed consultants. The course was held with the aims of providing exposure to the Veteran on related entrepreneurship scope. In the course, tests were also conducted to assess the level of their skills and potential to become a successful entrepreneurs. At the end of the courses, potential entrepreneurs were selected to receive appropriate monitoring services to be guided to continue progress and succeed. Among the six courses conducted, a total of 30 person were identified and selected to be monitored. Meanwhile, an Entrepreneur Web Course was held at Sg Besi Novel Hotel from 10 to 14 December 2011. A total of 50 Veteran entrepreneurs have attended the course. Through this program, they also were able to share experiences and exchange ideas related to the underlying business and creating network among them.*

***Business Support / Advisory***

*In 2011, there were 116 Veterans have come to seek support / advice provided in JHEV. The application for a private taxi permits recorded the highest percentage compared with other applications, with a total of 24 applications. Other fraction of a letter of support and services rendered was 13 applications that was for licenses and sites for business. Meanwhile, there are 9 application for loan application, 23 application related to houses and 97 applications for other supports. In addition, 28 Veterans have come to seek*





Sementara itu, bagi permohonan pembiayaan terdapat 9 permohonan, permohonan berkaitan rumah sebanyak 23 dan lain-lain sokongan sebanyak 97 permohonan. Selain itu seramai 28 Veteran ATM telah datang untuk mendapatkan khidmat nasihat dari Jabatan ini.

**Promosi/Galakan**

Dalam usaha untuk mempromosikan hasil produk Usahawan Veteran ATM bagi meluaskan pasaran dan dikenali ramai di kalangan pengguna, Jabatan ini telah menyertai karnival dan ekspo. Karnival dan ekspo yang telah disertai dalam tahun 2011 adalah seperti Karnival 1 Mindef sebanyak 3 siri, 3 siri Karnival Tentera Darat, 2 siri Program Bersama Menteri Pertahanan, 3 siri Karnival Jelajah 1 Malaysia dan satu siri Perhimpunan Sejuta Belia. Seramai 21 orang Usahawan Veteran ATM telah terlibat dalam program-program tersebut. Sehubungan itu, penglibatan mereka telah memberi ruang untuk mereka memperoleh pengetahuan dan ilmu baru di samping meningkatkan mutu produk dan meluaskan jaringan perniagaan mereka.

**Penyertaan Veteran ATM Dalam PDRM**

Pada tahun 2011, seramai 100 orang Veteran ATM telah diterima masuk ke perkhidmatan PDRM. Mereka telah mengikuti Kursus Kepolisan di Pusat Latihan Polis Kuala Kubu Baru selama 4 bulan dan setamat kursus pada akhir Mei 2011, mereka telah ditugaskan di penempatan PDRM di seluruh Negara mengikut kesesuaian tugasan mereka.Mereka memulakan kerjaya di dalam PDRM dengan pangkat Konstable atau Konstable Sokongan dan akan menerima pencen apabila mencapai umur persaraan.

**Program Bagi Mempromosi JHEV**

Sepanjang tahun 2011, JHEV telah melibatkan diri dalam pameran, Kaunter Bergerak dan Majlis Dialog serta program Hari Bersama Pelanggan peringkat Kementerian Pertahanan.

**Pameran**

JHEV telah menyertai 10 kali pameran sempena Hari Bersama Pelanggan Peringkat Kementerian Pertahanan pada tahun 2011. Melalui pameran seperti ini, orang ramai khususnya Veteran ATM akan lebih mengenali kewujudan dan peranan JHEV ATM.

*advice from the Department.*

***Promotion / Incentives***

*In effort to promote and expand the market output/ products of the Veteran Entrepreneurs, and also to be well known among consumers, the Department participated in carnivals and fairs. Carnivals and fairs that have been participated in year 2011 were 3 series of 1 Mindef Carnival, 3 series of Carnival Army, two series of the Joint Program of the Minister of Defence, three series of Tour of Malaysia Carnival and a series of 1 Million Youth Assembly. A total of 21 Veteran Entrepreneurs had involved in these programs. Accordingly, their involvement has create a room for them to acquire new knowledge as well as increasing product quality and expanding their business network.*

***Participation of Armed Forces Veterans in the Royal Malaysian Police (RMP)***

*In 2011, a total of 100 Veterans were admitted to the RMP service. They have attended the Police course at the Police Training Centre in Kuala Kubu Baru for four months and ended the course in the end of May 2011, they were placed throughout the country to suit their task. They started their career in the Police with the rank of Constable or Support Constable and will receive the pension when they reach retirement age.*

***Promotion Program for the Department of Armed Forces Veterans Affairs (JHEV)***

*During 2011, JHEV has involved in the exhibition, Moving Counter, Dialogue and Client Day at Ministry of Defence level.*

***Exhibition***

*In conjunction with the 2011Ministry of Defence's Customer Day, JHEV has participated 10 times in an exhibition. Through this exhibition, the public, especially veterans will become more familiar with the existence and the role of JHEV.*

**Kaunter Bergerak**

Program Kaunter Bergerak telah dimulakan pada tahun 2007 yang mana ia bertujuan untuk membolehkan orang ramai dan Veteran ATM serta keluarga khususnya mendapat maklum tentang kewujudan JHEV serta peranannya dalam membantu Veteran. Di samping itu, program inidapat mengeratkan hubungan warga Veteran dan JHEV serta akan memudahkan untuk Veteran mengadu atau mendapatkan bantuan dalam menghadapi kehidupan selepas pesaraan. Sepanjang tahun 2011 sebanyak 46 program telah dilaksanakan di seluruh Negara.

***Moving Counter***

*Moving Counter was initiated in 2007 which intended to enable the public especially the Veteran and their families to be informed about the existence and role of JHEV in helping the veterans. In addition, this program will strengthen the relationship between JHEV and veterans citizens and will ease the veterans to make complain or seek help in dealing with life after their retirement. During 2011, a total of 46 programs were implemented throughout the country.*

**Forum Khidmat Nasihat**

Pada tahun 2011, sebanyak 40 Forum Khidmat Nasihat telah diadakan khusus untuk bakal-bakal pesara di Formasi dan Unit ATM seluruh Negara. Forum dianjurkan secara bersama oleh Markas Perkhidmatan dan PERHEBAT. Pada tahun tersebut seramai 4500 anggota ATM bakal pesara telah menyertai forum tersebut. Forum ini diadakan bertujuan untuk membantu bakal-bakal pesara dalam membuat perancangan persaraan dan maklumat berkaitan peluang kerjaya, sama ada bermajikan atau menjadi Usahawan.

***Advisory Forum***

*In 2011, a total of 40 Advisory Forum was held specifically for the prospective retirees at Armed Forces Formation and Unit nationwide. Forum was jointly organized by the PERHEBAT and Services Headquarters. In the stated year, 4500 retired Armed Forces personnel will be attending this forum. This forum aims to help retirees-to-be to plan for their retirement and career-related information, whether employees or become entrepreneurs.*

**'Profiling Test' Kepada Bakal Pesara**

Sepanjang tahun 2011, JHEV telah melaksanakan Profiling Test ke atas seramai 600 orang bakal pesara dari ketiga-tiga perkhidmatan. Ianya diadakan dengan tujuan untuk membantu dan membolehkan bakal-bakal pesara membuat penilaian diri dalam aspek kecenderungan kelakuan individu, orientasi emosi serta pesonaliti individu. Berdasarkan profiling tersebut, mereka akan dapat mengenali diri dan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri. Dari itu, mereka akan dapat memperbaiki kelemahan dan mengoptimumkan kekuatan selanjutnya menjadi panduan penting ke arah pemilihan jenis Kursus Peralihan dan bidang pekerjaan yang perlu dipilih untuk kerjaya kedua.

***'Profiling Test' to Future Retirees***

*During 2011, JHEV has conducted Profiling Test on 600 people who will retired from all three services. It was conducted to assist and enable the prospective retirees to evaluate themselves in terms of behavioral preferences of individuals, emotional orientation and individual personality. Based on the profiling, they will be able to recognize themselves and identify their strengths and weaknesses. From that, they will be able to improve and optimize the strength to become a useful guide when selecting shift courses and field work that suits them to be selected as second career.*

**PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM) BAGI TAHUN 2011**

**Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia**

Kerajaan Malaysia telah mengwujudkan PJM bagi mengenang jasa danpengorbanan yang telah diberikan oleh warga ATM dan juga anggota-anggota pengaman dari luar negara yang telah bertugas

***2011 MALAYSIA GOOD DEEDS MEDAL AWARDS***

***Award of Malaysia Good Deeds Medal***

*The Malaysian government has established Malaysia Deeds Medal (PJM) to recognized the contributions and sacrifices made by our personnel and members of foreign peacekeepers who have served to support*





menegakkan keamanan dan kedaulatan negara sepanjang perkhidmatan tempoh darurat.

a. Warga ATM yang telah berkhidmat bagi tempoh dari 1 Januari 1969 hingga 2 Disember 1989 bagi operasi menentang Parti Komunis Malaya (PKM).

b. Warga ATM yang telah berkhidmat bagi tempoh dari 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1990 bagi operasi menentang Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU).

c. Anggota Pengaman Dari Negara Luar. Anggota-anggota pengaman dari negara luar yang berkhidmat di Malaysia dari 31 Ogos 1957 sehingga 12 Ogos 1968 termasuk rakyat Malaysia yang berkhidmat dengan negara-negara berkenaan.

PJM adalah 'Campaign Medal' yang dianugerahkan kepada warga ATM dan anggota negara luar yang layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan tanpa mengira sama ada sedang berkhidmat atau telahbersara/menamatkan perkhidmatan dan masih hidup atau telah meninggal dunia.

*the cause of peace and national sovereignty during the emergency period following services:*

*a. Armed Forces. Our personnel who have served for the period from January 1, 1969 to December 2, 1989 for operations against the Communist Party of Malaya (CPM).*

*b. Our personnel who have served in the period of January 1, 1969 to October 17, 1990 for operations against the North Kalimantan Communist Party (PKKU).*

*4 FAJAR Operation and a Special FAJAR Operation were carried out by RMN auxilliary ships; BUNGA MAS 5 and 6. Both ships with Armed Forces Special Protection Team were assigned to protect the MISC ships which went through the Gulf of Aden from pirates attack. In 2011, a total of 95 ships which pass through the area were successfully accompanied by BM 5 and BM 6. FAJAR greatest success was the successful rescue of the MT BUNGA LAUREL which was seized by pirates in the Gulf of Aden on Jan 21, 2011.*

**d. *Operasi Bersama/Gabungan.***
Sebanyak 5 operasi rondaan bersama telah dilaksanakan di antara TLDM dengan beberapa tentera laut negara jiran seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura. Operasi ini telah dilaksanakan di kawasan perairan sempadan negara iaitu di Selat Melaka dan Laut China Selatan. Operasi ini telah berjaya mengekang aktiviti seperti pelanunan, pencerobohan, penyeludupan, penangkapan ikan secara haram, pencemaran laut dan juga kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Pelaksanaan operasi ini juga dapat meningkatkan hubungan diplomatik dan interoperability kedua-dua negara.

***d. Joint Operation / Combined.***
*Total of five joint patrols operations were carried out between RMN with several Naval neighboring countries like Indonesia, Philippines, Thailand and Singapore. This operation was implemented in the border of the Straits of Malacca and South China Sea. This operation managed to curb activities such as piracy, invasion, smuggling, illegal fishing, marine pollution and the entry of illegal immigrants (PATI). The implementation of this operation can also improve diplomatic relations and interoperability between the two countries.*

**e. *Eksesais Dalam Negara.***
Sebanyak 3 eksesais dalam negara telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2011 iaitu Eks OSTEX/SUBFIT, Eks ANGSA dan Eks WIRA LAUT. Selain itu, 3 latihan penembakan misil juga telah berjaya dilaksanakan iaitu penembakan misil Exocet MM 40 oleh KD LEKIR, penembakan misil Sea Skua oleh helikopter Super LYNX dan penembakan misil Seawolf oleh KD LEKIU. Pelaksanaan eksesais dan latihan penembakan ini adalah bertujuan untuk menentukan tahap kompetensi warga dan keupayaan aset serta sistem persenjataan TLDM berada pada tahap yang tinggi.

***e. Exercise within the country.***
*Three exercises within the country have successfully being carried out in 2011 that is OSTEX/SUBFIT, ANGSA and WIRA LAUT exercise. In addition, three missile firing exercise was done with 40 MM Exocet anti-ship missile firing made by KD LEKIR, Sea Skua missile firing by Super LYNX helicopter and Seawolf firing missiles by KD Lekiu. The execution of this firing exercises and training are intended to determine the level of staff competency and capacity assets and RMN weapons systems are at high level.*

**f. *Eksesais Bersama/Gabungan.***
Sebanyak 16 eksesais bersama/ gabungan secara bilateral dan multilateral telah berjaya dilaksanakan. Eksesais ini melibatkan tentera laut negara asing seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Itali, Australia, New Zealand, Jepun, Korea Selatan, China, Pakistan, Bangladesh, Thailand, Filipina, Indonesia, Singapura dan Brunei. Eksesais yang dilaksanakan ini berjaya meningkatkan tahap profesionalisme warga TLDM dan kesiagaan Armada TLDM, di samping meningkatkan perhubungan dua hala di antara negara.

***f. Joint Exercise / Combined.***
*A total of 16 joint exercises / combined in bilateral and multilateral have been successfully being implemented. This exercise involves naval forces of foreign countries like United States, United Kingdom, France, Italy, Australia, New Zealand, Japan, South Korea, China, Pakistan, Bangladesh, Thailand, Philippines, Indonesia, Singapore and Brunei. Exercises that have been carried out was successfully increasing the level of RMN staff professionalism and preparedness, also in enhancing bilateral relations between countries.*





Pelaksanaan Operasi dan Eksesais Bertujuan Meningkatkan Tahap Kesiagaan TLDM
*Implementation operations and exercises aimed to improve the preparedness level of the Navy*





## PERHUBUNGAN DIPLOMATIK

Usaha mengekalkan hubungan diplomatik di antara negara turut menjadi salah satu agenda utama TLDM. Pelaksanaan program dan aktiviti bagi meningkatkan kerjasama dan persefahaman di antara TLDM dengan tentera laut asing dapat mewujudkan hubungan harmoni kedua-dua negara. Komitmen ini dapat dibuktikan dengan pelaksanaan program dan aktiviti seperti berikut:

## *DIPLOMATIC RELATIONS*

*The effort in maintaining diplomatic relations between the countries has become one of the main agenda of the RMN. The implementation of programs and activities which aims to enhance cooperation and understanding between the RMN with naval forces can ensure harmonious relationship between the two countries. This commitment is proved with the implementation of programs and activities as follows:*

**a. *Lawatan Operasi Kapal Perang Negara Asing.***
Pada tahun 2011, sebanyak 49 buah kapal daripada 11 negara telah membuat lawatan operasi ke Malaysia, iaitu Amerika Syarikat, Australia, New zealand, Perancis, Jepun, Korea Selatan, India, Turki, Indonesia, Thailand dan Singapura.

***a. Visit by Foreign Warships operations.***
*In 2011, a total of 49 ships from 11 countries have made site visits to Malaysia, United States, Australia, New Zealand, France, Japan, South Korea, India, Turkey, Indonesia, Thailand and Singapore.*

**b. *Mesyuarat Bilateral dan Multilateral.***
Mesyuarat bersama tentera laut asing yang dilaksanakan adalah seperti Fleet Staff Talk dan Submarine Staff Talk (SST) bersama Amerika Syarikat, Navy to Navy Talks dan Western Pacific Naval Symposium (WPNS) (Medicine) di Australia, CNWG MALPHI di Filipina, Mesyuarat TPOL dan TPLL di Indonesia, SST bersama Perancis, CNWG dan MCMEX/DIVEX WPNS di Singapura, 19th WPNS Workshop di Tahiti dan HADR WPNS di Thailand.

***b. Bilateral and Multilateral meetings.***
*Meeting with foreign navies like Fleet Staff Talk and Submarine Staff Talk (SST) with the U.S. Navy to Navy Talks and the Western Pacific Naval Symposium (WPNS) (Medicine) in Australia, CNWG MALPHI in Philippines, TPLL and TPOL Meeting in Indonesia, SST with France, CNWG and MCMEX / DIVEX WPNS in Singapore, WPNS 19th Workshop in Tahiti and HADR WPNS in Thailand.*

**c. *Lawatan oleh Panglima Tentera Laut Asing.***
Lawatan yang diterima sepanjang tahun 2011 adalah lawatan daripada PTL Singapura, PTL Filipina, PTL Perancis dan PTL Thailand.

***c. Navy Foreign Admiral visits.***
*Visit received during 2011 was a visit from Navy Admiral of Singapore, the Navy Admiral of Philippines, Navy Admiral of France and Navy Admiral of Thailand.*





Lawatan oleh Tentera Laut Negara Asing Meningkatkan Hubungan Diplomatik Kedua-dua Negara
*Visit by foreign Naval ti improve diplomatic relation between the two countries*

## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kecemerlangan modal insan merupakan aspek yang sentiasa diberi perhatian oleh TLDM. Di dalam menyediakan modal insan yang kompeten, profesional dan bermotivasi tinggi, pelbagai inisiatif serta program telah dilaksanakan seperti berikut:

a. Peningkatan motivasi warga melalui penambahbaikan Dasar Pakaian Seragam TLDM.

b. Peningkatan Keupayaan Pasukan Simpanan Sukarela TLDM melalui penubuhan PALAPES Laut di Akademi Laut Malaysia (ALAM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

c. Pewujudan Perintah Tetap PALAPES Laut atau PETPAL dalam mengurus dan mentadbir semua PALAPES Laut di IPTA dan IPTS.

d. Peningkatan kemudahan latihan di laut melalui perolehan 2 buah keel boat untuk tujuan latihan kemahiran pelayaran kepada warga TLDM.

e. Pewujudan tawaran melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi menerusi program Pengajian Jarak Jauh (PJJ) dan program K-Force.

Kecemerlangan warga TLDM turut diiktiraf dan dihargai sewajarnya melalui mekanisme seperti kenaikan pangkat, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan juga penganugerahan pingat. Seramai 251 pegawai dan 1,279 anggota LLP telah dinaikkan pangkat, manakala 170 pegawai dan 1,263 anggota LLP telah dianugerahkan APC. Penganugerahan pelbagai pingat Persekutuan, Negeri dan Darjah Kebesaran Angkatan Tentera turut diberi kepada 136 pegawai dan 118 anggota LLP bagi mengiktiraf jasa yang telah disumbangkan.

## *MANAGEMENT AND DEVELOPMENT OF HUMAN CAPITAL*

*Excellence in human capital is one of the aspects that have always been given attention by the RMN. In preparing the human capital which are competent, professional and highly motivated, various initiatives and programs were implemented as follows:*

*a. Increasing Navy People motivation through the improvement of Navy Uniform Policy.*

*b. Increase the capability RMN Volunteer Reserve Force through the establishment of PALAPES in Malaysian Maritime Academy (ALAM) and Universiti Malaysia Sabah (UMS).*

*c. Create Standing Orders for the PALAPES or PETPAL in managing and administering all PALAPES (L) in public and private universities.*

*d. Increasing the facilities training at sea through the acquisition of two keel boat for sailing skills training for Navy People.*

*e. Offer further studies chances or higher level education through Long Distance Education (PJJ) and K-Force program.*

*Navy staff excellence was also recognized and rewarded accordingly through mechanisms such as promotion, Excellent Service Award (APC) and the medal award. Total of 251 officers and 1279 members of the other ranks were promoted, while 170 officers and 1263 members of the other ranks were awarded the APC. The award of various Federal, State and Decorations Army medals were given to 136 officers and 118 members of the other ranks to recognize the contributions being donated.*





Pengiktirafan berbentuk Anugerah Khidmat Cemerlang dan Kenaikan Pangkat diberi kepada Warga TLDM yang cemerlang
*Recognition in the form service excellence award and promotion given to an outstanding senior Navy*





Seramai 16,505 warga TLDM telah diberi peluang untuk menghadiri pelbagai kursus sama ada di dalam dan luar negara bagi meningkatkan tahap kompetensi anggota. TLDM juga telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Billet Pre-Requisite sesuatu perjawatan dalam memastikan peningkatan kompetensi warga dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

*16,505 RMN people were given the opportunity to attend various courses within and outside of the country to raise staff competency. RMN also took the initiative to introduce Billet Pre-Requisite courses to ensure staff competency will be improved from time to time.*

## KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN WARGA

Kesejahteraan merupakan salah satu elemen penting di dalam memastikan kebajikan warga TLDM sentiasa terpelihara. Beberapa projek dan inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kesejahteraan warga TLDM, di antaranya:

a. Pembinaan Rumah Keluarga TLDM (RKTLDM) Langkawi yang melibatkan pembinaan 122 buah rumah, dewan serba guna, surau, kedai, TADIKA dan Rumah BAKAT Laut.

b. Menaik taraf Bangunan Kompleks Sukan, Kompleks Memanah dan Bangunan Prasekolah serta projek pembaikan 2 buah blok Rumah Keluarga TLDM (RK TLDM) merangkumi 200 unit rumah di Pangkalan TLDM Lumut.

c. Pembangunan Semula KD SRI PINANG untuk kegunaan latihan Pasukan Simpanan Sukarela TLDM.

d. Peningkatan kemudahan latihan, penyediaan alat bantuan mengajar dan kemudahan asas di pusat-pusat latihan TLDM iaitu KD PELANDOK, KD SULTAN IDRIS 1 dan Pusat Kepimpinan TLDM.

## *WELFARE AND PEOPLE WELL-BEING*

*Wellness is one of the key elements in ensuring the welfare of citizens is safeguarded by RMN. Several projects and initiatives have been implemented to enhance the Navy People, including:*

*a. RMN Family House Construction (RKTLDM) Langkawi which involved the construction of 122 houses, community halls, prayer rooms, shops, kindergarten and BAKAT (L) Home.*

*b. Upgrading the Sports Complex Building, Archery Complex and Pre-School Building and Construction project of 2 blocks RMN Family House (RMN RK), which included about 200 housing units at Lumut Naval Base.*

*c. Reconstruction of the KD SRI PENANG as the training center for RMN Volunteer Reserve Force.*

*d. Increased training facilities, teaching aids and the provision of basic amenities in RMN training centers which KD PELANDOK, KD SULTAN IDRIS 1 and RMN Centre for Leadership.*






Projek Pembangunan dan Naik Taraf Bangunan Meningkatkan Kesejahteraan Warga TLDM
*Development project and upgrading building in improving the well-being of navy people*





Projek Jiwa Murni dan Bantuan Penerbangan Ihsan Merupakan Salah Satu Tanggungjawab Sosial TLDM kepada Masyarakat
*Jiwa murni project and flight assistance as one of the responsibility of the Navy towards society*

### TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

TLDM turut mempunyai tanggungjawab korporat kepada masyarakat dalam memastikan hubungan TLDM dengan rakyat umum sentiasa terpelihara. Tanggungjawab korporat TLDM selain daripada melaksanakan Projek Jiwa Murni adalah seperti bantuan pemindahan organ, bantuan medical evacuation, bantuan penerbangan ihsan dan bantuan rawatan menggunakan hyperbaric chamber atau kebuk mampatan.

### *CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY*

*RMN also has a corporate responsibility to the society to ensure the RMN relationship with the population is maintained. Other than the implementation of Jiwa Murni Project, RMN Corporate Responsibilities includes organ transplant support, medical evacuation assistance, aid flight grace and medication use hyperbaric chamber or the compression chamber.*

### PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

Pembudayaan inovasi dan kualiti merupakan pemangkin kepada kecemerlangan TLDM. Budaya ini diterapkan di setiap peringkat warga agar mereka dapat menyumbang ke arah mencapai kecemerlangan organisasi. Kejayaan yang telah dicapai oleh TLDM dalam aspek inovasi dan kualiti adalah seperti berikut:

a. Johan Kategori Inovasi Pengurusan Projek bagi Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan (AIKP) 2011 melalui Projek MINEU MOD38 oleh Depot Peluru dan Letupan TLDM.

b. Johan Kategori Inovasi Pengurusan Pelanggan bagi Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan (AIKP) 2011 melalui Projek Sound Analysis Integrated Training System (SAINTS) oleh Markas Angkatan Kapal Selam TLDM.

c. Johan Kategori Inovasi Teknologi Maklumat bagi Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan (AIKP) 2011 melalui Projek Electronic Navigation Chart (My ENC) oleh Pusat Hidrografi Nasional.

### *PERFORMANCE AND RECOGNITION*

*Acculturation of innovation and quality is a catalyst to excellence in the RMN. This culture embedded at every level so that they can contribute to achieve organizational excellence. The success achieved by RMN in innovation and quality are as follows:*

*a. 1st Place in Project Management Innovation Award, Ministry of Defence (AIKP) 2011 thru MINEU MOD38 Project by RMN Ammunition and Explosives Depot.*

*b. Winner for Customer Management Innovation in Ministry of Defence Innovation Award (AIKP) 2011 thru Sound Analysis Integrated Training System (SAINTS) Project by RMN Submarine Base.*

*c. 1st Place in Information Technology Innovation, Ministry of Defence Innovation Award (AIKP) 2011 thru Electronic Navigation Charts Project (My ENC) by National Hydrographic Centre.*





d. Status Emas untuk kategori Badan Berkanun di dalam Konvensyen Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Peringkat Kebangsaan yang diwakili oleh KD PELANDOK.

e. Naib Johan Kategori Teknikal dalam pertandingan KIK KEMENTAH melalui projek Steady Alternator Test Unit oleh KD PELANDOK.

f. Anugerah Kesiagaan Panglima Angkatan Tentera (SIAGA PAT) kepada KD PANGLIMA HITAM di atas kejayaan mengekalkan tahap kesiagaan tinggi pada tahun 2011.

g. Mewakili Kementerian Pertahanan bagi Pertandingan Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2011 melalui Projek Kapal Auxiliary BUNGA MAS 5 dan BUNGA MAS 6.

h. Menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Negara (AIN) melalui Projek Kapal Auxiliary BUNGA MAS 5 dan BUNGA MAS 6.

*d. Gold status for the category of Statutory Bodies in the Convention on 5S Practices National Quality Environment, represented by KD PELANDOK.*

*e. 2nd Place in Technical Category in MinDef ICC Competitions through Steady Alternator Test Unit Project by KD Pelandok.*

*f. Chief of Defence Force Preparedness Award to KD Panglima Hitam on the successful of preserving the high level of preparedness in 2011.*

*g. Representing the Ministry of Defence for Prime Minister's Innovation Awards Competition (AIPM) in 2011 through the Auxiliary Vessel Project BUNGA MAS 5 and BUNGA MAS 6.*

*h. The involvement on National Innovation Award Contest (AIN) through Auxiliary Vessel Project MAS BUNGA MAS 5 and BUNGA MAS 6.*





Kecemerlangan TLDM Dalam Inovasi dan Kualiti Mendapat Pengiktirafan Sewajarnya
*The Navy excellence in innovation and quality get deserverd recognition*

Kecemerlangan TLDM diteruskan melalui bidang sukan di mana TLDM telah berjaya menjadi Johan Pertandingan Sukan Antara Perkhidmatan Tahun 2011. Kejayaan ini merupakan kali keempat berturut-turut dan kali kelima dalam tempoh 6 tahun kebelakangan. TLDM telah berjaya menjadi Johan bagi 19 acara, Naib Johan bagi 9 acara dan hanya 1 acara di tempat ketiga daripada 29 acara yang dipertandingkan. Seramai 21 atlet TLDM turut cemerlang di dalam menyumbangkan pingat untuk negara pada Sukan Sea ke-26 di Indonesia. TLDM bukan sahaja melahirkan atlet-atlet Kebangsaan malahan juga atlet bertaraf dunia.

*RMN continued its excellence through sport in which the RMN has successfully became the champions in Inter Services Sports Competition 2011. This success is the fourth in a row and fifth time in the past 6 years. RMN managed to become the Champion for 19 events, nine runner-ups for the event and one in third place out of 29 events being contested. Total of 21 athletes excel in the RMN has contribute medals for the country at the 26th SEA Games in Indonesia. RMN not only produce national athletes but also world-class athletes.*

KD PELANDOK dan KD SULTAN IDRIS I merupakan pusat latihan TLDM yang berperanan dalam melatih warga dalam latihan maritim. Pada tahuan 2011, kedua-dua unit ini telah diiktiraf sebagai salah sebuah Institusi Latihan Maritim oleh Jabatan Laut Malaysia. Pengiktirafan tersebut membolehkan kedua-dua unit ini layak untuk melaksanakan kursus-kursus Standard of Training and Certification for Watchkeeping 1995 (STCW 95) mengikut Standard International Maritime Organization (IMO). Pengiktirafan ini secara langsung telah memberi manfaat kepada warga TLDM yang mengikuti latihan di pusat latihan TLDM.

*KD PELANDOK and KD SULTAN IDRIS I is RMN training center which train Navy People in maritime training. In 2011, both units have been recognized as one of the Maritime Training Institute by the Marine Department of Malaysia. The recognition provided made both units eligible to implement the courses of Standards of Training and Certification for Watchkeeping 1995 (STCW 95) according to International Maritime Organization (IMO) Standard. This recognition will directly benefit the Navy to pursue training at RMN.*

Pencapaian TLDM turut dinilai berdasarkan kepada kejayaan penganjuran dan pelaksanaan aktiviti yang telah dirancang. Beberapa aktiviti besar yang berjaya dilaksanakan pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

a. Perasmian PALAPES Akademi Laut Malaysia (ALAM) pada 11 Feb 11.

b. Santapan Tengah Hari Krew BUNGA MAS 5 bersama DYMM Sultan Selangor di KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, Klang pada 3 Mac 11.

c. Santapan Malam Warga TLDM bersama SPB YDP Agong di Pangkalan TLDM Teluk Sepangar, Kota Kinabalu pada 9 Mac 11.

d. Penyelaman KD TUNKU ABDUL RAHMAN bersama SPB YDP Agong pada 10 Mac 11.

e. Sambutan Hari TLDM ke-77 pada 27 Apr 11.

f. Majlis Makan Malam BBQ Sempena Lawatan Perpisahan Panglima Angkatan Tentera ke Pangkalan TLDM Lumut pada 6 Jun 11.



Panglima Tentera Laut Memberi Taklimat Tentang Pengoperasian Kapal Selam Kepada SPB YDP Agong Sempena Aktiviti Penyelaman Bersama KD TUNKU ABDUL RAHMAN

*Navy admiral briefing on the sub marine operational to YDP Agong in accordance to diving activities with KD TUNKU ABDUL RAHMAN*




*RMN Achievement was assessed based on the successful organization and implementation of the planned activities. Several major activities implemented in 2011 are as follows:*

*a. Opening ceremony for PALAPES in Malaysian Maritime Academy (ALAM) on February 11, 2011.*

*b. Mid-day meal BUNGA MAS 5 Crew with Sultan Selangor in KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, Klang on March 3, 2011.*

*c. RMN Dinner with SPB Agong in Sepangar Bay Naval Base, Kota Kinabalu on March 9, 2011.*

*d. Diving of KD Tunku Abdul Rahman with SPB Agong on March 10, 2011.*

*e. 77th Navy Day celebration on April 27, 2011.*

*f. BBQ Dinner in conjunction with the Chief of Defence Forces farewell visit to the Lumut Naval Base on June 6, 2011.*





g. Majlis Sambutan Kepulangan BUNGA MAS 5 serta Tim OP FAJAR 9 di Pangkalan TLDM Lumut pada 30 Jun 11.

h. Perbarisan Tamat Latihan bagi Pegawai Kadet Pengambilan Terakhir (Pengambilan ke-59) pada 2 Jul 11.

i. Majlis Pelepasan BUNGA MAS 6 di Pangkalan TLDM Lumut pada 13 Ogos 11.

j. Majlis Buka Puasa Warga TLDM bersama Sultan Selangor di Pangkalan TLDM Lumut pada 13 Ogos 11.

k. Majlis Perasmian Rumah Keluarga TLDM Langkawi pada 8 Dis 11.

l. Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 2011 (LIMA '11) pada 5 hingga 10 Dis 11.




Panglima Tentera Laut Sebagai Moderator Semasa Chief of Navy Roundtable Talks Sempena LIMA 2011

*The Navy admiral as moderator of Navy Roundtable Talks in conjuction at LIMA 2011*

*g. Welcoming Celebration of the BUNGA MAS 5 and FAJAR 9 Ops at Lumut Naval Base on June 30, 11.*

*h. Passing Out Parade for Cadet Officer Last Intake (Intake for-59) on July 2, 2011.*

*i. The Release Ceremony of BUNGA MAS 6 at Lumut Naval Base on August 13, 2011.*

*j. Breaking Fast Ceremony with the Sultan of Selangor Lumut Naval Base on August 13, 2011.*

*k. RMN Family House Opening Ceremony at Langkawi on Dec 8, 2011.*

*l. Langkawi International Maritime and Aerospace 2011 (LIMA '11) from 5 to Dec 10, 2011.*

**PENUTUP**

TLDM sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan kedaulatan dan kepentingan maritim Malaysia sentiasa terpelihara. Justeru, TLDM akan terus memastikan segala kecemerlangan yang dicapai akan dapat dikekalkan dan ditingkatkan dari semasa ke semasa. Kejayaan ini seterusnya akan menjadi pendorong kepada TLDM untuk lebih cemerlang dalam menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan pada masa akan datang.

**SEDIA BERKORBAN!**

***CONCLUSION***

*RMN always gives strong commitment to ensure Malaysia's sovereignty and maritime interests are safeguarded. Thus, the RMN will continue to ensure that the excellence is achieved will be maintained and upgraded from time to time. This success will drive for RMN towards excellence in fulfilling great responsibility in the future.*

***READY TO SACRIFICE!***




# ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
# MALAYSIA ARMED FORCES
# 2011

- Markas Angkatan Tentera Malaysia
  *Malaysian Armed Forces Headquarter*
- Markas Angkatan Bersama
  *Joint Task Forces*
- Markas Tentera Darat
  *Malaysian Army*
- Markas Tentera Laut
  *Royal Malaysian Navy*
- **Markas Tentera Udara**
  ***Royal Malaysian Air Forces***

## MARKAS TENTERA UDARA
## *ROYAL MALAYSIAN AIR FORCES*

### PENDAHULUAN

Sepanjang tahun 2011, TUDM telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik di mana beberapa tugas dan aktiviti telah yang dirancang dapat disempurnakan dengan jayanya. Ini termasuk operasi dan eksesais, pengukuhan diplomasi pertahanan serta program sosial dan kebajikan. Selain itu, TUDM juga telah melancar Pelan Transformasi (Air Force Next Generation atau singkatan AF-NG) ke arah 'a full spectrum Air Force as a way forward'. Beberapa pengiktirafan juga telah di capai sepanjang tahun 2011.

### TRANSFORMASI TUDM

Pada 30 Mac 2011, TUDM telah melancarkan Pelan Transformasi yang bertujuan untuk membangun satu angkatan udara berspektrum penuh. Pelan ini melibatkan tiga fasa iaitu Fasa Persediaan yang bermula tahun 2011 hingga 2012, Fasa Perubahan tahun 2013 - 2017 dan seterusnya Fasa Pengukuhan bermula 2018 hingga 2020. Pelan ini juga memberi tumpuan kepada empat tonggak utama iaitu Doktrin, Ketumbukan, Warga dan Organisasi. Sepanjang tahun 2011, beberapa aktiviti telah dijalankan seperti berikut:

a. Melaksanakan Bengkel Kecemerlangan Organisasi pada 13 Mei 11 di PLPL, TUDM Kinrara dan 17 Okt 11 di Pangkalan Udara KL.

b. Melaksanakan program 'Awareness Roadshow Program' dalam bentuk ceramah berkaitan AF-NG ke unit-unit TUDM mulai bulan Jul hingga Dis 12.

c. Menganjurkan tiga siri kursus 'Organizational Change' yang melibatkan pegawai di peringkat Lt Kol/Mej/Kapt TUDM dan PTBK. Kursus dilaksanakan di Pangkalan Udara KL, Subang dan SITU, Pulau Pinang dalam bulan Sep hingga Nov 12.

d. Melaksanakan penubuhan 'Idea Generation Team (IGT)' di kalangan pegawai muda TUDM

### *INTRODUCTION*

*In meeting with its roles and functions, the Royal Malaysian Air Force has successfully conducted all its planned task and activities throughout the year 2011. These include operational tasking and training exercises, defense diplomacy, and its social and welfare programme. It was also in 2011, that the RMAF launched the RMAF Transformation Plan (Air Force Next Generation or AF-NG) towards a full spectrum Air Force as a way forward. During the period, some awards and recognitions have also been achieved by the organisation.*

### *AIR FORCE TRANSFORMATION*

*On March 30, 2011, the RMAF Transformation Plan was launched towards developing a full spectrum Air Force. Briefly, this plan involves three phases: Preparation phase from 2011 to 2012, Implementation phase in 2013 - 2017 and followed by Result/ Final phase that will begins in 2018 until 2020. This plan focuses on four main pillars i.e Doctrine, Force, People and Organisation. Some of the activities conducted during the preparation phase in 2011 were:*

*a. Workshop on excellence organisation on 13 May 11 at PLPL, Kinrara and on 17 Oct 11 at Kuala Lumpur Airbase.*

*b. Lectures on awareness programme on AF-NG during road shows to RMAF units from June to December 12.*

*c. Series of courses on organisational change involving officers in the rank of Lt Col/Mej/Capt RMAF and SNCOs. Courses were conducted at RMAF Bases in Subang and SITU, Penang from September to November 12.*

*d. Forming Idea Generation Teams among junior officers to encourage*



Konferensi Pertahanan Keselamatan (MIDAS) pada 13 September 2011 di Putrajaya
*Security and Defence Conference on 13 th September 2011 at Putrajaya*





bagi menggalakkan penampilan idea-idea baru secara lebih terbuka dan informal. Sebanyak 15 IGT telah ditubuhkan sebagai permulaan.

*exchange of ideas and innovation. A total of 15 IGTs were established in 2011.*

### OPERASI DAN EKSESAIS

### OPERASI

Sepanjang tahun 2011, di sebalik limitasi yang ada, TUDM telah mampu melaksanakan tugas utamanya dalam mengawasi ruang udara Malaysia dari pencerobohan. Selain itu, pelaksanaan tugas-tugas sekunder juga tidak diabaikan. Aset-aset TUDM telah digerakkan untuk memenuhi keperluan ini dengan jayanya. Operasi signifikan pada tahun 2011 ialah Operasi Piramid yang merupakan operasi membawa pulang rakyat Malaysia dari negara Mesir ekoran rusuhan dan keadaan huru-hara di negara tersebut. Ops Piramid telah menguji keberkesanan dan tahap kesiapsediaan TUDM apabila diperlukan di barisan hadapan oleh negara. Ops Piramid telah dilancarkan pada 2 Feb 12 dan tamat pada 11 Feb 12. Sebanyak 18 penerbangan ulang alik telah dilakukan oleh 3 x pesawat C-130 dengan jumlah 3482 rakyat Malaysia telah berjaya dibawa keluar dari Mesir. Selain TUDM, operasi ini juga melibatkan syarikat penerbangan Malaysia Airline dan Air Asia. Ia adalah manifestasi kerjasama erat antara kerajaan Malaysia, pihak swasta dan agensi-agensi di luar negara. Operasi ini juga telah didokumenkan oleh TUDM dalam bentuk buku sebagai sejarah dan rujukan masa hadapan.



Ketibaan pelajar-pelajar Malaysia Di Jeddah dengan menaiki pesawat C-130 TUDM
*Malaysia students arrival in Jeddah with Royal Malaysia Air Force C-130 aircraft*

### *OPERATION AND EXERCISE*

### *OPERATION*

*During 2011, despite existing limitations, the RMAF was still able to fulfill its main roles in safeguarding the sovereignty of the Malaysian airspace as well as meeting its secondary roles by mobilising RMAF assets. Significant among these were the extraction of Malaysian citizens from Egypt due to the civil uprising and chaos in that country. Ops Piramid has tested the RMAF operational readiness to be at the forefront in time of need. Ops Piramid was launched on 2 Feb 12 and ended on 11 Feb 12. A total of 18 sorties were flown by 3 x C-130 aircraft with a total number of 3482 Malaysians extracted out of Egypt. The operation also involved the civil airlines from Malaysia Airlines and Air Asia. It is a manifestation of a close cooperation between the Malaysian government, the private sector and other agencies. The RMAF has also documented this operations as a historical event and reference for future similar operations.*

### EKSESAIS

Eksesais - eksesais yang telah dilaksanakan pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

**A. PERKHIDMATAN TUNGGAL/EKSESAIS BERSAMA**

**(1) *Eksesais PARADISE 1/2011.***
Eksesais perkhidmatan tunggal ini telah dilaksanakan pada 10 hingga 23 Jul 11 di

### *EXERCISE*

*The following exercises were conducted by the RMAF in 2011:*

***A. SINGLE SERVICE/JOINT EXERCISE***

***(1) Ex. PARADISE 1/2011.***
*This single service exercise was conducted from 10 – 23 Jul 11 in Sabah and Sarawak to*

Sabah dan Sarawak. Latihan berbentuk field training exercise (FTX) ini adalah untuk menguji keupayaan operasi udara melibatkan pesawat pejuang, angkut dan helikopter serta elemen-elemen lain. Pecahan seperti berikut:

(a) Pejuang. 5 x MiG-29N, 5 x F/A-18D, 6 x Hawk dan 6 x SU-30MKM.

(b) Angkut/Maritim. 4 x C-130H, 1 x CN235 dan 1 x B200T

(c) Helikopter. 4 x S-61A.

(d) Anggota. 667 orang.

(2) ***Eksesais ANGSA 6/2011.*** Ini adalah eksesais bersama di antara TUDM dan TLDM yang dilaksanakan setiap tahun secara bergilir untuk menguji tahap kesiapsiagaan operasi dalam Operasi Maritim Udara. Eksesais telah dilaksanakan pada 14 hingga 29 Sep 11 di PU Butterworth.

**B. EKSESAIS GABUNGAN**

(1) ***Eksesais AIR THAMAL 21/2011.*** Command post exercise (CPX) dua hala TUDM/RTAF ini telah dilaksanakan dari 8 hingga 21 Mei 11 di Korat, Thailand. TUDM melibatkan sistem simulasi Extended Air Defence Simulation System (EADS) dan 60 anggota.

(2) ***Eksesais BALANCE MINT 11-1.*** Eksesais ini telah dilaksanakan pada 14 Mei hingga 3 Jun 2011 di Kuantan dan merupakan latihan bersama di antara TUDM dengan 353 Special Operation Group (SOG) dan 320 Special Tactic Squadron (STS), USAF. Eksesais ini berkaitan dengan Combat Search and Rescue (CSAR), Joint Tactical Air Control (JTAC) Special Recon (Using Special Unmanned Aerial System) dan Para Tactical Insertion. Aset-aset TUDM yang terlibat adalah Rejimen TUDM (PASKAU), 1 x C130, 1x S61A4 dan 4 x Hawk.

(3) ***Eksesais CARAT 2011.*** Eksesais gabungan di antara ATM dan United States Marines Corp (USMC) telah dianjurkan oleh Markas Angkatan Bersama (MAB). Eksesais dijalankan dalam bentuk CPX dari 2 Jun hingga 8 Jun 11 di Kuantan dan FTX pada 6 Jun hingga 14 Jun 11 di perairan Laut China Selatan. Aset-aset TUDM yang terlibat adalah 4 x Hawk dan 1 x S-61A.

*evaluate the capabilities of air operations. This field training exercise (FTX) involved aircraft from the fighter, helicopter and transport squadrons as well as other support elements of the RMAF. Breakdown as follows:*

*(a) Fighter. 5 x MiG-29N, 5 x F/A-18D, 6 x Hawk and 6 x SU-30MKM.*

*(b) Transport/Maritime. 4 x C-130H, 1 x CN235 and 1 x B200T.*

*(c) Helicopters. 4 x S-61A.*

*(d) Personnel. 667.*

*(2) **ANGSA 6/2011.** This is a annual joint exercise between the RMAF and RMN which was conducted to evaluate the operational preparedness for Maritime Air Operations. The exercise was carried out from 14 – 29 Sep 11 at Butterworth Airbase.*

***B. COMBINED EXERCISE***

*(1) **AIR THAMAL 21/2011.** Command post exercise (CPX) between RMAF and RTAF was conducted from 8 - 21 May 11 in Korat, Thailand. Sixty RMAF personnel were involved in the exercise using Extended Air Defence System (EADS) simulation system.*

*(2) **BALANCE MINT 11-1.** This exercise was conducted from 14 May to 3 Jun 11 in Kuantan between the RMAF and USAF from the 353rd Special Operation Group (SOC) and the 320th Special Tactic Squadron (STS). This exercise was about Combat Search and Rescue (CSAR), Joint Tactical Air Control (JTAC) Special Recon using special unmanned aerial system dan para tactical insertion. RMAF assets involved were the RMAF Regiment (PASKAU), 1 x C-130, 1 x S61A4 and 4 x Hawk.*

*(3) **CARAT 2011.** This CPX was between MAF and the United States Marines Corp (USMC) was organised by the Joint Force Headquarters (JFHQ). It was conducted in Kuantan from 2 Jun to 8 June 8 11 and followed by FTX until 14 Jun 11 in the South China Sea. The RMAF sent 4 x Hawk and 1 x S-61A4 for the exercise.*





(4) ***Eksesais LATMA ELANG MALINDO 24/11.*** Eksesais di antara TUDM/TNI-AU ini telah dilaksanakan pada 21 Sep - 29 Sep 2011 di LANUD Supardio, Pontianak, Indonesia. Objektif eksesais adalah untuk meningkatkan kemampuan TUDM dan TNI-AU dalam melaksanakan Military Operation Other Than War (MOOTW) dan Military Operation War (MOW) disamping meningkatkan kemampuan operational/interoperability kedua-dua angkatan udara. Aset-aset TUDM yang terlibat adalah 1 x CN 235, 1 x S61A-4 dan 3 x Hawk.

(5) ***Eksesais ELANGAROO.*** Eksesais di antara TUDM/RAAF ini bertujuan untuk mengukur tahap juruterbang dalam melaksanakan misi Offensive Counter Air (OCA) dan Defensive Counter Air (DCA) serta Pre-Qualification Air to Air Refuelling telah dilaksanakan pada 5 Okt 11 - 18 Okt 11 bertempat di PU Butterworth. Aset-aset TUDM yang terlibat adalah 4 x F/A-18D, 5 x MiG-29N, Skn 310 dan Skn 320 serta 64 anggota.



(6) ***Eksesais BERSAMA SHIELD 2011.*** Eksesais anjuran HQ IADS ini melibatkan perjanjian Five Power Defence Arrangements (FPDA) telah dilaksanakan pada 28 Apr hingga 13 Mei 2011 di kawasan ruang udara dan perairan Malaysia dan Singapura.

(7) ***Eksesais PACIFIC AIRLIFT RALLY 11.*** Eksesais HADR pelbagai hala tajaan Pacific Air Force (PACAF) ini telah dijalankan pada 21 hingga 26 Ogos 2011 di Ratmalana Air Base, Sri Lanka. Aset TUDM yang terlibat adalah 1 x C130 beserta 30 anggota.

(8) ***Eksesais BERSAMA LIMA 11 (EKS BL 11).*** Eksesais FPDA ini telah dilaksanakan di kawasan ruang udara serta perairan Malaysia dan Singapura pada 17 Okt hingga 4 Nov 11. Eksesais ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Command Post Exercise (CPX) dan Field Training Exercise (FTX) melalui Command

*(4) **LATMA ELANG MALINDO 24/11.** This RMAF/TNI-AU combined exercise was conducted on 29 Sep 11 at LANUD Supardio, Pontianak. The objective of the exercise was to test the capabilities of both forces in conducting Military Operation Other Than War (MOOTW) and Military Operation War (MOW). The RMAF assets involved were 1 x CN 235, 1 x S61A-4 and 3 x Hawk.*

*(5) **ELANGAROO.** Combined exercise between RMAF and RAAF to evaluate the proficiency of fighter pilots in Offensive Counter Air (OCA) and Defensive Counter Air (DCA) missions and pre-qualification air to air refueling mission from 5 - 18 Oct 11 at Butterworth Airbase. RMAF assets involved in this exercise were 4 x F/A-18D, 5 x MiG-29N and air defence asset from the 310 and 320 Squadron. A total of 64 personnel participated in the exercise.*

*(6) **BERSAMA SHIELD 2011.** This exercise was organised by HQ IADS which involved nation from the Five Power Defence Arrangements (FPDA). It was conducted from 28 Apr until 13 May 11 in the Malaysian and Singaporean airspace and territorial waters.*

*(7) **PACIFIC AIRLIFT RALLY 11.** This combined exercise on HADR was sponsored by the Pacific Air Force (PACAF) from 21 – 26 Aug 11 at Ratmalana Air Base, Sri Lanka. The RMAF sent 1 x C130 and 30 personnel.*

*(8) **BERSAMA LIMA 11 (EKS BL 11).** FPDA exercise conducted within the air space and waters of Malaysia and Singapore on 17 Oct to 4 Nov 11. This exercise was divided into two parts; CPX and FTX through Command and Control (C2). A total of 204 personnel participated in this exercise which involved*

and Control ($C^2$). Seramai 204 anggota telah mengambil bahagian dalam eksesais ini dengan penglibatan beberapa pesawat pejuang, maritim, helikopter dan skuadron pertahanan udara.

*fighters, maritime, helicopter and air defence assets.*

**DIPLOMASI PERTAHANAN**

Sepanjang tahun 2011, beberapa kerjasama dua hala telah dilaksanakan oleh TUDM bagi meningkatkan diplomasi pertahanan. Kerjasama ini melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:

a. Lawatan Kerja Panglima Tentera Udara ke Tentera Udara Perancis (Armee del Air), Paris pada 16 Mac 2011.



b. Lawatan Panglima Operasi Udara ke International Aerospace Symposium dan Seoul International Aerospace & Defence Exhibition 2011 di Seoul, Korea Selatan pada 17 hingga 19 Oktober 2011.

c. Lawatan Commanding General Philippines Air Force, Lt Gen Oscar H Rabena pada 3 Okt 2011.

d. Program Pertukaran Pegawai antara TUDM dengan Tentera Negara Indonesia (TNI) pada 13 Nov 2011.

e. Program Pertukaran Pegawai antara TUDM dengan Philippine Air Force (PAF) pada 21 Nov 2011.



f. Penganugerahan Sayap Kehormat Penerbangan TUDM kepada Panglima Tentera Udara Brunei, Brig Jen (U) Dato' Seri Pahlawan Hj Jofri bin Hj Abdullah pada 23 Nov 2011.

***DEFENCE DIPLOMACY***

*Defence diplomacy was further strengthened throughout 2011 with several visits and programmes as follows:*

*a. Chief of the Air Force working visit to the French Air Force (Armee del Air) in Paris on 16 Mar 11.*

*b. Panglima Operasi Udara working visit to the International Aerospace Symposium and Seoul International Aerospace and Defence Exhibition 2011 in Seoul, South Korea from 7 – 19 Oct 11.*

*c. Official visit by Philippines Air Force Commanding General, Lt Gen Oscar H Rabena on 3 Oct 11.*

*d. Officer Exchange Programme between RMAF and TNI on 3 Nov 11.*

*e. Officer Exchange Programme between RMAF and Philippines Air Force (PAF) on 21 Nov 11.*

*f. The award of honorary wings to Chief of Air Force, Brunei, Brig Jen (U) Dato' Seri Pahlawan Hj Jofri bin Hj Abdullah on 23 Nov 11.*





g. Kunjungan hormat daripada H.E Vorobyeva Lyudmila Georgievna, Ambassador Extra Ordinary, Kedutaan Rusia ke atas Panglima Tentera Udara (PTU) pada 28 Dis 2011.

*g. Courtesy call by H.E Vorobyeva Lyudmila Georgievna, Ambassador Extra Ordinary, Embassy of Russia in Kuala Lumpur to the Chief of Air Force on 28 Dec 11.*

**SOSIAL DAN KEBAJIKAN**

**HARI TERBUKA TUDM**

Pada 18 Mac 2011, TUDM telah menganjurkan Hari Terbuka yang diadakan di Pangkalan Udara Kuantan. Hari Terbuka ini bertujuan untuk mendekatkan masyarakat dengan TUDM dan seterusnya memberi peluang kepada masyarakat memahami tugas dan tanggungjawab serta mengenali aset-aset TUDM. Perasmian telah disempurnakan oleh PTU dan telah menarik minat hampir 10,000 orang pengunjung dari seluruh Malaysia. Pengunjung telah dipersembahkan dengan pertunjukan aerobatik pesawat pejuang dan pameran-pameran statik.

**BAKAT**

Pada 1 Jun 2011, BAKAT Udara juga telah menganjurkan satu program kesedaran kepada 60 remaja terpilih di Kompleks Sukan Pangkalan Udara Kuala Lumpur. Program berbentuk ceramah ini tertumpu kepada permasalahan remaja yang kian meningkat pada masa kini dan di sampaikan oleh Prof. Dr. Muhd Kamil Ibrahim dari UITM. Program diakhiri dengan lawatan ke Rumah Orang Tua di Lembah Klang.



Pada 3 Jun 2011, PTU telah merasmikan pembukaan Amal Shoppe BAKAT Udara bertempat di Rumah BAKAT Pangkalan Udara Kuala Lumpur. Amal Shoppe merupakan satu lagi projek BAKAT Udara yang bertujuan untuk memupuk semangat kesukarelawan, mendidik warga TUDM amnya untuk mengamalkan konsep kitar semula dan

***SOCIAL AND WELFARE***

***RMAF OPEN DAY***

*On 18 Mar 11, the RMAF Open Day, officiated by the Chief of Air Force was held at Kuantan Airbase. It has attracted 10,000 visitors to the many static displays and stalls. It also gave an opportunity to the public to know, understand and realise the roles and functions of the RMAF. The highlight of the Open Day was the aerobatic air display from the fighter squadrons.*

***BAKAT***

*On 1 Jun 11, RMAF BAKAT organised an awareness programme at the Sport Complex, KL Airbase to 60 selected youth. This programme conducted by Prof. Muhd Kamil Ibrahim from UiTM focused on the many challenges concerning present day youth. The programme was rounded of with a working visit to the Elderly Home in Klang Valley.*

*On 3 Jun 11, the Chief of Air Force officiated the opening of Amal Shoppe BAKAT at Rumah BAKAT in Kuala Lumpur Airbase. Amal Shoppe is a BAKAT project to foster the spirit of volunteerism, educating the Air Force people on the concept of recycling and 'caring is sharing'. Amal Shoppe sells used goods (in good condition) contributed by the Air Force people*

menyemarakkan semangat 'caring and sharing'. Amal Shoppe merupakan sebuah kedai amal yang menjual barang-barang terpakai hasil sumbangkan oleh warga TUDM serta makanan sejuk beku hasil tangan dari ahli-ahli BAKAT. Kedai ini diuruskan oleh ahli BAKAT Pangkalan Udara Kuala Lumpur dan telah mendapat sambutan yang tinggi.

*and frozen food made by the members of BAKAT. Amal Shoppe is managed by members of RMAF BAKAT Kuala Lumpur and has since received overwhelming support.*

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Mengambil kesempatan dari Pameran LIMA 2011 di Langkawi, pada 9 Dis 2011, TUDM telah mengadakan satu Majlis Penyerahan Sumbangan Basikal kepada pelajar-pelajar tempatan yang kurang berkemampuan. Majlis telah disempurnakan oleh PTU. Seramai 15 pelajar dari SK Padang Matsirat, SK Ewa dan SK Kuala Teriang telah menerima sumbangan ini untuk kemudahan ke sekolah. Seterusnya, pelajar-pelajar telah dibawa melawat pameran LIMA 2011.

## *SOCIAL RESPONSILITY*

*On 9 Dec 11, the RMAF fulfill its social responsibility to the public by giving away bicycles to students from the low income group. This contribution was made in conjunction with LIMA exhibition in Langkawi to 15 students from SK Memorandum, SK Ewa and SK Kuala Teriang. The students were later invited to the LIMA exhibition.*

## PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

### KURSUS DALAM DAN LUAR NEGARA

Kursus Pemerintahan dan Staf di Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) Siri 40/2011 telah dihadiri oleh lebih dari 150 pegawai dari tiga perkhidmatan dalam ATM dan juga pegawai tentera dari luar negara. Pada kursus siri ini, penuntut terbaik telah dirangkul oleh TUDM seperti berikut:

a. Mej Sebastian William TUDM - Penuntut Terbaik Keseluruhan.

b. Mej Hamdan bin Ahmad TUDM - Penuntut Terbaik Modul UM.



Bagi kursus luar negara pula, 2 pegawai kanan berikut telah terpilih sebagai penuntut terbaik di kalangan penuntut negara luar:

a. Mej Ahmad Rashidi bin Ithnin TUDM - Best International Military Student Award semasa Kursus Armed Forces of The Philippine Command and General Staff College di Manila.

## *ACHIEVEMENT AND RECOGNITION*

### *LOCAL AND OVERSEA COURSES*

*The Command and Staff Course at the Armed Forces Staff College (MPAT) Serial 40/2011 was attended by more than 150 officers from three services of the Malaysian Armed Forces as well as foreign armed forces. The best student for this course was from the RMAF.*

*a. Mej Sebastian William TUDM - Best Overall Student.*

*b. Mej Hamdan bin Ahmad TUDM - Best Student for Universiti Malaya (UM) module.*

*Apart from the local course, two RMAF officers were nominated as best foreign student for the following courses.*

*a. Mej Ahmad Rashidi bin Ithnin TUDM nominated Best International Military Student Award during the Armed Forces of the Philippines Command and General Staff College in Manila.*





b. Mej Ahmad Fauzi bin Puad TUDM - Phase Honour Graduate I AND II dan US Basic EOD Technicians Badge semasa Kursus International Explosive Ordnance di Englin Air Force Base Florida, Amerika Syarikat.

*b. Mej Ahmad Fauzi bin Puad TUDM nominated as best student for Phase Honor Graduate I and II and U.S. Basic EOD Technicians Badge in Explosive Ordnance International Course at Eglin Air Force Base, Florida, USA.*

## TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT ATM

Pada 29 Sep 2011, ATM telah menganjurkan Majlis Tilawah Al Quran Peringkat ATM Ke-62. Johan qari dalam kategori pegawai dimenangi oleh TUDM. Qari TUDM, Kapt Azizur Rahman bin Abd Aziz TUDM dari Pangkalan Udara Subang telah menerima wang tunai sebanyak RM 5,000.00, hadiah iringan dan sijil penyertaan serta menerima pakej menunaikan fardhu haji. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Menteri Pertahanan.

## *MAF AL-QURAN RECITAL COMPETITION*

*During the 62nd Al-Quran recital competition organised by the MAF on 29 Sep 11, the reader for the officers category was won by the RMAF. Kapt Azizur Rahman bin Abd Aziz TUDM from Subang Airbase received the cash prize of RM 5 000.00, a certificate and a package to perform the Haj. The prize giving ceremony was performed by the Minister of Defence.*

## ANUGERAH KHAS MENTERI PERTAHANAN

TUDM telah memenangi 4 daripada 5 kategori anugerah yang dipertandingkan dalam Anugerah Inovasi MinDef 2011. Anugerah yang dimenangi mengikut kategori:

***a. Kategori Pengurusan Kewangan***
(1) Materiel (Belanjawan), MTU - Johan.
(2) Cawang Materiel, PU Gong Kedak - Naib Johan.

***b. Kategori Pengurusan Projek/Sistem Teknikal.***
(1) Cawang Kejuruteraan, PU Gong Kedak - Naib Johan.

***c. Kategori Pengurusan Teknologi dan Maklumat***
(1) PUSPEKA, PU Subang - Ketiga.

***d. Kategori Pengurusan Pelanggan***
(1) Markas Logistik Udara (Beli), PU KL - Ketiga.

## SUKAN

Beberapa atlet TUDM telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang sukan masing-masing dengan penyertaan di beberapa kejohanan di peringkat Asia sepanjang tahun 2011. Kecemerlangan mereka seterusnya telah mengharumkan nama negara dan TUDM serta memberi perangsang kepada anggota lain untuk memajukan diri dalam bidang sukan.

## *SPECIAL AWARD BY MINISTER OF DEFENCE*

*The RMAF won four of the five categories award in the MinDef Innovation Award 2011 as follows:*

***a. Financial Management Category.***
*(1) Material (Budgeting), Air Force HQ – First placing.*
*(2) Material Branch, Gong Kedak Airbase – Second placing.*

***b. Project/Technical Management.***
*(1) Engineering Branch, Gong Kedak Airbase – Second placing.*

***c. ICT Management.***
*(1) PUSPEKA, Subang Airbase – Third placing.*

***d. Customer Service.***
*(1) Markas Logistik Udara (Beli), KL Airbase – Third placing.*

## *SPORT*

*The RMAF has also achieved some sporting excellence during 2011. RMAF athletes have represented the country in several championship in Asia. Their achievement has certainly brought honour to the country and RMAF and should inspire others to excel in sports.*

**a. Kejohanan Bina Badan Asia Pasifik 2011 di Filipina.**
718579 FSjn Buda ak Anchah telah merangkul gelaran johan dalam kejohanan ini. Pada tahun 2009, beliau juga telah menduduki tempat keempat peringkat dunia dalam Kejohanan Bina Badan Dunia 2009 di Dubai.

*b. **Sukan SEA Ke-26 di Palembang dan Jakarta, Republik Indonesia.***

(1) 722972 LUK Mohd Saiful Nizam bin Mohd dan 725458 LUK Mohd Helmi bin Ismail dari sukan sepak takraw telah menyumbang gangsa kepada pasukan Malaysia.


12 • Utusan Malaysia • Wednesday, June 1, 2011

Anggota TUDM harumkan nama negara

(2) 728689 LU II Mohd Hafizudin bin Mohd Daud, 728699 Mohamad Hakem bin Ahmad Saberi dan 9000990 LU I (W) Amira Erni bt Azman telah mewakili Malaysia dalam sukan petanque. Pasangan Hafizuddin dan Hakem telah berjaya menyumbangkan sebutir pingat gangsa buat negara menerusi acara Double.

*a.Asia-Pacific Body Building Championship 2011 in Philippine.*
*718579 FSjn Buda ak Anchah won first placing in this championship. For the record, he was ranked fourth in the World Body Building Championship 2009 held in Dubai.*

*b. The 26th SEA Games in Palembang and Jakarta, Republic of Indonesia.*

*(1) 722972 LUK Mohd Saiful Nizam bin Mohd and 725458 LUK Mohd Helmi bin Ismail contributed bronze to Malaysia in Sepak Takraw.*

*(2) 728689 LU II Mohd Hafizudin bin Mohd Daud, 728699 Mohamad Hakem bin Ahmad Saberi dan 9000990 LU I (W) Amira Erni bt Azman represented Malaysia in Petanque. LU Hafizuddin and Hakem also contributed bronze to the country through the double event.*

**HAL-HAL LAIN**

**PASUKAN AEROBATIK**



Sempena Pameran LIMA 2011 di Langkawi, satu pasukan aerobatik kebangsaan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak. Tim aerobatik yang dinamakan "Krisakti" ini ditubuhkan oleh syarikat Aerotree Defence & Services Sdn Bhd dengan juruterbang berpengalaman dari TUDM. Krisakti menggunakan empat buah pesawat "Extra 300L" buatan Jerman dan telah mengambil bahagian di dalam air display semasa Pameran LIMA 2011.

***OTHER MATTERS***

***AEROBATIC TEAM***

*In conjunction with LIMA Exhibition 2011 in Langkawi, a national aerobatic team was launched by the Prime Minister of Malaysia, YAB Dato' Seri Najib Tun Razak. The Aerobatic team 'Krisakti' was formed by Aerotree Defence & Services Sdn. Bhd. and flown by experienced pilots from the RMAF. Krisakti used four German made aircraft, the Extra 300L and took part in the aerobatic aerial display during LIMA 2011.*





Brunei Darussalam International Defence Exhibition 2011 (BRIDEX 11) merupakan pameran ketenteraan negara Brunei yang melibatkan penyertaan lebih 200 syarikat, 4 000 tetamu dan wakil-wakil daripada 60 buah negara. TUDM telah menghantar pasukan aerobatiknya dari No 17/19 Skuadron. Tim Taufan Ganas a.k.a. Smokey Bandits yang diketuai oleh Lt. Kol Mior Nor Badrishah TUDM telah melakukan aksi penerbangan aerobatik semasa air display dengan menggunakan 5 pesawat MIG-29N.



*The Brunei International Defence Exhibition 2011 (BRIDEX 11) saw the participation of over 200 companies, 4 000 guests and representatives from 60 countries. The RMAF aerobatic team Tim Taufan Ganas a.k.a. Smokey Bandits comprising of five MIG-29N aircraft from No. 17/11 squadron, led by Lt. Kol Mior Nor Badrishah TUDM participated in the aerobatic aerial display.*


UPNM bangun
pertahanan negara
maklumat keselamatan bagi tempoh tiga tahun.
Katanya, projek terbabit ialah komunikasi tanpa wayar, maklumat keselamatan, simulator, mikroelektronik dan semikonduktor.
Feroz Abu Bakar
Perhuda Brig Jen wanita
pertama Tentera Darat
Iktirafan ATM untuk pegawai dari kalangan
Najib puji kecekapan PASKAL
KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib R
menyampaikan ucapan
niah bagi pihak ke
dan rakyat Malaysia
da pasukan Angkatan
tera Malaysia (ATM) yang
bertindak pantas menye
mat kapal tangki Malaysia
yang dirampas lanun Som
lia di Teluk Aden, kira
300 batu nautika
Oman, kelmarin.
Catat rekod untung dalam sejarah
KD Selangor unik
Aset terkini TLDM ini dibin
syarikat tempatan, Bouste
KD SELANGOR
Pentauliahan KD Selangor
LANGKAH PERTAMA
Manfaat berganda Lautan
LTAT agih RM616.3 juta dividen

# 2011

# KELAB & PERSATUAN BERDAFTAR

# CLUB & REGISTERED ASSOCIATION

- **Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia**
  ***Puspanita***
- Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan
  *Ministry Of Defence Civil Servants' Club*
- Badan Amal Kebajikan Angkatan Tentera Malaysia
  *Bakat*

Sambutan 1 Malaysia dan Hari Kemerdekaan ke-54 pada 16 September bertempat di Dataran Merdeka
*Celebration of 1 Malaysia and 54 th Independent Day on 16 th September 2011 at Dataran Merdeka*



## PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
## *PUSPANITA*

Pada tahun 2011, secara keseluruhannya, kesemua perancangan aktiviti tahun 2011 telah dapat dijalankan dan beberapa aktiviti utama diadakan dengan gabungan bersama KAKEP, PAKPAI dan Kementerian Pertahanan atas arahan penjimatan oleh Y.Bhg KSU. Hanya sebilangan kecil aktiviti yang tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh masalah yang tidak dapat dielakkan.

*Majority of the activities planned in year 2011 has been conducted. Most of the main activities were conducted together with KAKEP, PAKPAI and Ministry of Defence. Only several activities cannot be implemented due to some inevitable problems.*

Dari perancangan yang dilakukan, kesemua Jawatan Kuasa Puspanita telah dapat memastikan aktiviti yang dijalankan dilaksanakan dengan jayanya.

*With a proper planning, PUSPANITA committees have ensured that all activities were successfully executed.*

### AKTIVITI PUSPANITA

### *PUSPANITA ACTIVITIES*

Kedai PUSPANITA berjalan setiap hari bagi membantu ahli-ahli mendapatkan barangan keperluan harian dengan mudah. Ianya juga merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan.

*PUSPANITA store opens every Monday to Friday day .The store's profit is the major contributor for the of PUSPANITA MinDef fund.*

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-28 telah diadakan pada 10 Mac 2011 bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan. Sambutan daripada ahli-ahli PUSPANITA amat menggalakkan dengan kehadiran ahli-ahli dari sekitar Lembah Klang. Mesyuarat kali ini telah diadakan perlantikan Jawatankuasa Puspanita bagi Sesi 2011/2013. Bersempena dengan mesyuarat ini turut diadakan gerai jualan selama 2 hari untuk ahli-ahli Puspanita dan warga Wisma Pertahanan.

*The 28th Annual General Meeting was held on 10th March 2011 at the Auditorium, Ministry of Defence. The meeting received a very good response from the PUSPANITA members who came from Lembah Klang area. The main agenda of the meeting is the appointments of PUSPANITA new committee for the 2011/2013 Session. In conjunction of the meeting, the PUSPANITA organized the 'jualan gerai' for two days.*

Pada tahun ini, PUSPANITA telah menerima lawatan kerja daripada Yang Di Pertua PUSPANITA Kebangsaan iaitu Yang Berbahagia Puan Sri Wan Noorlina Wan Hussin pada 13 April 2011. Bersempena lawatan tersebut beberapa beberapa aktiviti telah dijalankan untuk meraikan kehadiran beliau iaitu

*This year, PUSPANITA has received a working visit by the President of PUSPANITA Kebangsaan, Puan Sri Wan Noorlina Wan Hussin on 13th April 2011. In conjunction to the visit, few activities have been conducted*



YBhg Puan Sri Wan Noorlina Hussin
*YBhg Puan Sri Wan Noorlina Hussin*



Lawatan YDP PUSPANITA Kebangsaan
*Visit by PUSPANITA National President*





Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang, Perasmian Kedai Puspanita dan Lawatan ke Pusat Anak Permata MinDef. Selain daripada itu, lawatan ini juga dapat mengeratkan silaturrahim, beramah mesra dan bertukar pendapat antara ahli Puspanita Cawangan Kementerian Pertahanan dan Jawatankuasa Majlis Tertinggi PUSPANITA Kebangsaan.

*such as Outstanding Student Awards, PUSPANITA store opening ceremony and visiting Anak Permata MinDef centre. Besides that, this visit also can foster friendship, and exchanging views between PUSPANITA MinDef members and PUSPANITA National Committee.*

JKK Keusahawanan telah mengadakan beberapa kelas masakan pada tahun ini iaitu Demonstrasi Masakan I dan II Periuk Serbaguna Syarikat GREASE bagi '5 jenis masakan', Demonstrasi Masakan daripada TupperCheff, dan tiga siri kursus sehari Confectionary pelbagai pilihan resepi. Semua ahli yang terlibat sangat teruja untuk mempelajari masakan dan mempelbagaikan menu harian mereka. Program lawatan yang telah diadakan oleh Puspanita ialah Lawatan ke Penjara Wanita Kajang yang bertujuan untuk berkongsi pengalaman disamping mengeratkan silaturrahim antara ahli dan dapat melihat aktiviti-aktiviti banduan wanita yang sedang menjalani hukuman. Lawatan ke Kilang Coklat Dezzariz Sdn Bhd, di kawasan Perindustrian Nilai 3. Sambutan yang diterima dari ahli Puspanita sangat menggalakkan. Selain dari menambah kemahiran diri dan hobi, ia juga dapat menambahkan pendapatan keluarga seisi rumah. Disamping lawatan yang diadakan Puspanita juga turut memberikan sedikit sumbangan. Lawatan kebajikan turut dilakukan bagi meringankan sedikit beban ahli yang terlibat dalam kesulitan dan kepayahan hidup.

*The Entrepreneurship Committee has conducted several cooking class such as Grease Company II Multipurpose Pots and Cooking Demonstration I for '5 types of dishes'. Cooking Demonstration by TupperCheff, and Confectionary's three series courses with various recipes.. The members learned new cooking skill and diversify their daily menu. PUSPANITA also organized the visit to Kajang Women Prison. Experiece sharing with the woman prisoners was the main objectives of the visit. There were also a visit to Dezzaris Sdn Bhd Chocolate Factory at Nilai Industrial Area 3. The response from the PUSPANITA members is very encouraging. Besides increasing their skills and hobby, it can encourage the members to create a business to increase their household income. PUSPANITA also held charity visits and delivers some contribution.*

Bazaar Ramadhan diadakan setiap hari pada bulan Ramadhan di Kafetaria Wisma, Pertahanan. Bazaar yang dibuka adalah anjuran PUSPANITA dengan kerjasama KAKEP. Sebanyak 30 buah gerai jualan telah dibuka dengan pelbagai jenis barangan yang dijual untuk persediaan berbuka puasa dan mempelbagaikan pilihan untuk ahli Puspanita dan warga Wisma Pertahanan membeli belah bagi persiapan hari raya.

*The Ramadhan Bazaar was held every day during Ramadhan at the MinDef Cafeteria. The bazaar was organized by PUSPANITA and KAKEP. 30 stalls were opened with various types of goods sold for breakfast preparation and other goods for Eid Mubarak preparation.*



YBhg Puan Sri Wan Noorlina Hussin
melawat Taska PERMATA MinDef
*YBhg Puan Sri Wan Noorlina Hussin visits PERMATA MinDef kindergarden*



Lawatan ke Penjara Wanita Kajang
*Visit to Kajang Women's Prison*

Bagi tahun 2011, JKK Kebajikan dan Agama merupakan JKK yang paling aktif melaksanakan pelbagai aktiviti antaranya Ceramah Maulidur Rasul bertajuk "Kami Mencintaimu Ya Habiballah" yang diadakan dengan kerjasama AJK Muslimat Surau Al-Hidayah Kementerian Pertahanan. Penceramah Jemputan adalah Prof. Madya Wan Maseri Wan Muhamad daripada Universiti Malaysia Pahang (UNIMAP).



Ceramah Maulidur Rasul
*Maulidur Rasul talks*

*In 2011, Charity and Religion Committee is the most active committee, where many activities were organized such as Maulidur Rasul Lecture entitled "Kami Mencintaimu Ya Habiballah" which were held in collaboration with MinDef's Muslimat Surau Al-Hidayah committee members. The guest speaker was Prof Madya Wan Maseri Wan Muhamad from Malaysian Pahang University (UNIMAP).*

Ceramah Rumahku Syurgaku telah diadakan di Auditorium, Wisma Pertahanan dan dihadiri oleh seramai 300 orang peserta. Penceramah jemputan adalah Ustazah Norhafizah Musa daripada UTM. Majlis Tahlil Arwah Perdana diadakan di Surau Al-Hidayah, MinDef. Selain bacaan Yaasin dan tahlil, solat berjemaah zohor dan solat sunat hajat dan tasbih turut diadakan. Pembimbing program ini adalah Ustazah Hajah Halipah Ismail.

*Another lecture of Rumahku Syugaku was held at the Auditorium Ministry of Defence which received 300 participants. The guest speaker was Ustazah Norhafizah Musa from UTM. The Supreme 'Tahlil Arwah' Ceremony was held at Surau Al-Hidayah. There were also Yassin recitation, tahlil, Zohor prayers and sunat prayers. The mentor for this program was Ustazah Hajah Halipah Ismail.*

Pada bulan Ramadhan yang lalu, PUSPANITA telah mengadakan Tadarus & Khatam Quran Perdana, di Surau Al-Hidayah, Kementerian Pertahanan. Seramai 90 orang ahli telah mengambil bahagian dan majlis bermula jam 11.00 pagi sehingga jam 2.30 petang. Selain bertadarus, solat berjemaah zohor dan solat sunat hajat dan tasbih turut diadakan.

*Last Ramadhan, PUSPANITA also organized Tadarus @ Khatam Quran Perdana at Surau Al-Hidayah, Ministry of Defence. There were 90 participants took part in this event and the ceremony started at 11a.m in the morning until 2.30 p.m. in the evening.*

Puspanita juga telah mengadakan pelbagai jenis kursus yang berbentuk keagamaan, ICT dan kemahiran untuk ahli-ahli Puspanita. Antaranya Kursus Kerohanian (Pembentukan Peribadi Solehah), Kursus Peningkatan Solat @ Smart Solah 2 merupakan lanjutan daripada siri 1 yang telah diadakan pada tahun lalu. Seminar Kemahiran Jari Emas dan Keusahawanan dapat memberi penerangan asas keusahawanan sebagai sumber pendapatan sampingan. Manakala Kursus Adobe Photoshop, Internet dan Emel dan Penyelenggaraan PC pula dapat meningkatkan pengetahuan ahli dalam bidang IT dan memudahkan tugasan harian di pejabat.

*PUSPANITA also held various religion courses, ICT and skills courses to its members. The courses includes Spirituality Courses (Pembentukan Peribadi Solehah), Prayer Upgrading Courses @ Smart Solah 2 which is the extension from the 1st series on the previous year, and the Golden Finger Skills Seminar. ICT courses were held such as adobe photoshop, internet, e-mail and computer maintenance courses which targeted to increase PUSPANITA members' knowledge in IT field.*

**AKTIVITI TASKA PERMATA MinDef**

Lawatan ke Pusat Sains Negara di Bukit Kiara bersama-sama ibubapa anak-anak Taskanita MinDef pada 16 Mei 2011. Aktiviti bebas pembelajaran yang menyeronokkan diadakan untuk anak-anak bersama ibubapa masing-masing.

***MinDef PERMATA KINDERGARTEN ACTIVITIES***

*Visit to National Science Centre at Mont Kiara were organized on 16th May 2011 which involving MinDef Kindergarten children with their parents. There were many exciting learning activities were conducted involving the children and parents.*





Program Bacaan Yaasin sempena menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak bersama AJK Taska Permata MinDef dan Ibu/penjaga sempena menyambut bulan Ramadhan pada 29 Julai 2011.

*There were also Yaasin Recitation Program with the conjunction of the month of Ramadhan Al-Mubarak. This program was held on 29th July 2011 and participated by the kindergarten's committee and the parents.*

Sambutan Hari Merdeka dan Jamuan Hari Raya Aidilfitri diadakan pada 15 September 2011 bertempat di Taska Permata MinDef. Majlis ini turut melibatkan ibubapa atau penjaga bersama pendidik serta AJK Taska.

*The Independent Day Celebration and Hari Raya Aidilfitri Celebration were held on 15th September 2011 at the MinDef Permata Kindergarten.*

**AKTIVITI BERTERUSAN**

***CONTINUOUS ACTIVITIES***

Program Senaman dan Tarian Poco-poco pada hari Selasa setiap minggu bertempat di Bilik PUSPANITA diadakan. Ahli-ahli dapat mengeratkan silaturrahim antara satu sama lain selain salah satu cara yang dapat meningkatkan kesihatan badan.

*Exercise Program and Poco-poco Dance were organized every Tuesday at PUSPANITA room.*

JKK Agama juga menjalankan aktiviti berterusan bercorak keagamaan samada di Surau Al-Hidayah Wisma Pertahanan atau Bilik PUSPANITA. Aktiviti tersebut ialah Kelas Tajwid dan Kelas Haji setiap hari Isnin. Kelas Fiqh setiap hari Selasa. Kelas Tauhid setiap hari Khamis Kelas Harfiah setiap hari Rabu terakhir bulan berkenaan dan Tazkirah, Bacaan Yaasin, solat hajat dan solat zohor berjemaah setiap hari Jumaat. Majlis Bacaan Yaasin, Tahlil dan Solat Hajat khas untuk anak-anak ahli sempena UPSR, PMR, SPM, STPM juga diadakan.

*Religion committee also held continuous religion activities at Surau Al-Hidayah or PUSPANITA room. The activities includes Tajwid Class and Pilgrimage Class which were held every Monday. Fiqh Class every Tuesday, Tauhid Class , every Thursday and Harfiah Class , every Wednesday. Religious class, Yaasin recitation, Hajat prayer and Zohor prayer were held every Friday. Yaasin recitation, tahlil and Hajat prayer ceremony also was held for special occasion such as for PUSPANITA members' children who will seat for UPSR, PMR, SPM and STPM exams.*




# 2011

# KELAB & CLUB

PERSATUAN BERDAFTAR

REGISTERED & ASSOCIATION

- Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia
  *Puspanita*
- **Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan**
  ***Ministry Of Defence Civil Servants' Club***
- Badan Amal Kebajikan Angkatan Tentera Malaysia
  *Bakat*



Karnival 1 MinDef Sandakan Sabah pada 22-25 Julai 2011 bertempat di Sandakan, Sabah
1 MinDef Carnival at Sandakan, Sabah on 22 nd - 25 th July 2011

## KELAB KAKITANGAN AWAM KEMENTERIAN PERTAHANAN (KAKEP)
## *MINISTRY OF DEFENCE CIVIL SERVANTS' CLUB*

Kelab kakitangan Awam Kementerian Pertahanan atau KAKEP adalah sebuah pertubuhan bagi pekerja-pekerja awam dalam Kementerian Pertahanan Malaysia. Ditubuhkan bagi memajukan gerakan-gerakan masyarakat dalam Kementerian dan juga untuk menjaga kepentingan bersama ahli-ahli serta membantu satu sama lain atas hal kebajikan termasuklah perkara kematian.

*Ministry of Defence Civil Servant's Club or KAKEP is an organization of public employees in the Ministry of Defence Malaysia. Established for the development of movements in the Ministry with community members and help each other on welfare matters including the death.*

### Sambutan Maulidur Rasul 1432H

Jawatankuasa Kecil Agama bersama Bahagian Sumber Manusia telah menganjurkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul pada 18 Februari 2011 yang telah diadakan di Auditorium Wisma Pertahanan. Majlis dimulakan pada jam 8.00 pagi sehingga 12.00 tengahari. Majlis telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan merangkap Presiden KAKEP. Majlis telah dimeriahkan dengan syarahan agama yang bertajuk " Transformasi Mengikut Amalan Nabi Muhammad S.A.W.

### *Maulidur Rasul 1432 H Celebration*

*On 18th February 2011, the ceremony of Maulidur Rasul Celebration was held at Ministry of Defence's Auditorium. The ceremony which was organised by Religion Small Committee and Human Resource Department starting from 8.00 am until 12 noon. The ceremony was attended by the Secretary General for Ministry of Defence, Y.Bhg Datuk Dr Haji Ismail bin Haji Ahmad which also the president of KAKEP. The ceremony was highlighted by a lecture which entitled "Transformasi Mengikut Amalan Nabi Muhammad S.A.W".*





### Karnival Sukan KAKEP Antara Rumah

Satu karnival sukan KAKEP telah berlangsung pada 18 Januari 2011 yang berlangsung di Kem Wardieburn dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Abdullah bin Kassim merangkap Naib Presiden (1) KAKEP. Rumah biru telah dinobatkan sebagai Johan bersama dengan Rumah Oren dan acara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nadzri bin Siron.



### *KAKEP Sports' Carnival*

*A KAKEP sport's carnival was held on 18th January 2011 at Wardieburn Camp and officiated by Vice President (1) of KAKEP, YBhg. Dato' Abdullah bin Kassim. In this carnival, the blue team has been crowned as the champion along the orange team and the gift away ceremony was completed by YBhg. Dato' Nadzri bin Siron.*

### Mesyuarat Agung KAKEP Kali ke -31

Mesyuarat Agung Tahunan KAKEP kali ke-31 telah diadakan pada 20 April 2011 bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan dan dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Mesyuarat dimulakan dengan pembentangan laporan tahunan dan disusuli dengan pembentangan penyata kira-kira bagi tahun 2010.

### *31st KAKEP Annual General Meeting*

*The 31st KAKEP Annual General Meeting has been held on 20th April 2011 at Ministry of Defence's Auditorium and was officiated by Secretary General for Ministry of Defence, YBhg Datuk Dr Haji Ismail bin Haji Ahmad. The meeting was started with the annual report presentation and followed by financial presentation for year 2010.*





### Hari Keluarga KAKEP 2011

Hari Keluarga KAKEP telah diadakan pada 23 April 2011 bertempat di Tasik Titiwangsa dan telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan YB Datuk Dr. Abdul Latif bin Ahmad. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti acara senamrobik, sukaneka antara rumah, cabutan bertuah dan aktiviti jualan makanan dan minuman.

### *KAKEP Family Day 2011*

*KAKEP family Day was held on 23rd April 2011 at Titiwangsa Lake and officiated by Deputy Minister of Defence, YBhg Datuk Dr. Abdul Latif bin Ahmad. Various activities have been conducted such as aerobics, food and drinks sales, mini sports and lucky draw.*





### Mencandat Sotong di Pulau Kapas

Aktiviti mencandat sotong di Pulau Kapas selama 3 hari 2 malam telah diadakan pada 9-11 Jun 2011. Aktiviti telah disertai seramai 59 orang peserta dan bermalam di Hostel Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia(LKIM), Chendering Terengganu. Peserta juga telah dibawa untuk membeli belah di Pasar Payang untuk membeli cenderamata kenang-kenangan.

### *Squid Jigging at Kapas Island*

*The squid jigging activity at Kapas Island was held for 3 days and two nights starting from 9th to 11th June 2011. The activity has been participated by 59 participants and they were stayed in the hostel owned by the Fisheries Development Authority of Malaysia, Chendering Terengganu. The participants also have been given the opportunity to shopping souvenirs at Payang Market.*





### Sambutan Israk Mikraj Peringkat Kementerian Pertahanan 1432H

Jawatankuasa Kecil Agama dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan Majlis Sambutan Israk & Mikraj Kementerian Pertahanan di Auditorium pada 24 Jun 2011. YBhg. Dato' Abu Hassan Din Al-Hafiz telah di jemput untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Israk Mikraj Menguji Keimanan'. Majlis telah dimeriahkan dengan kehadiran 600 orang peserta.

### *Israk Mikraj Celebration at MinDef Level 1432 H*

*The ceremony of Israk Mikraj celebration at MinDef level has been held at Ministry of Defence's Auditorium on 24th June 2011 and was organised by Religion Small Committee and Human Resource Department. YBhg. Dato' Abu Hassan Din Al-Hafiz has been invited to give lecture entitled 'Israk Mikraj Menguji Keimanan'. The ceremony has attracted 600 people of participants.*





### Program Integrasi Sabah

Pada 26-28 Jun 2011, satu program Integrasi Sabah yang julung kalinya diadakan melibatkan MinDef Sarawak, MinDef Kuala Lumpur dan juga MinDef Sabah selaku tuan rumah. Seramai 150 orang peserta telah terpilih untuk menyertai acara dan memberikan sokongan terhadap pasukan yang bertanding. Peserta telah diterbangkan ke Sabah dengan menggunakan pesawat TUDM CN 130 dan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu pada pukul 11.30 pagi. Para peserta telah diberikan penginapan di Marina Court Apartment, Kota Kinabalu. Aktiviti seperti pertandingan futsal, persembahan kebudayaan dan lawatan sambil belajar dan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Awam Mindef Sabah telah diadakan. Program telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan merangkap Presiden KAKEP.

### *Sabah Integration Program*

*On 26-28th June 2011, a Sabah Integration Program that was first time held has involved Sarawak MinDef, Kuala Lumpur MinDef and Sabah MinDef as the host. There were 150 participants has been chose to participate and give their support to the competed teams. The participants has been flied to Sabah with TUDM CN 130 aircraft and landed at Kota Kinabalu International Airport. All the participants stayed at Marina Court Apartment, Kota Kinabalu. The activities that were included are futsal tournament, cultural show, study tour and Sabah MinDef Public Service Award Giving Ceremony. The program officiated by Secretary General Ministry of Defence, YBhg Datuk Dr Haji Ismail bin Haji Ahmad who also the president of KAKEP.*










### Kursus Pengurusan Jenazah

Jawatankuasa Kecil Agama dengan kerjasama JAWI telah menganjurkan kursus Pengurusan Jenazah dan telah dihadiri seramai 165 orang peserta pada 7 Jun 2011. Pengisian kursus adalah seperti Ceramah Prosedur Keselamatan Pengurusan Jenazah , Ceramah tuntuan Fardhu Kifayah dan Sesi Praktikal Pengurusan Jenazah yang telah disampaikan oleh Pegawai dari JAWI.



### *Funeral Course*

*On 7th June 2011, a funeral course organised by Religion Small Committee with the cooperation from JAWI was held and was participated by 165 people. The contents during the course includes funeral safety procedure lecture, the requirement of Fardhu Kifayah lecture and funeral practice session given by the JAWI officer.*

### Festival Nasyid Peringkat Wilayah Persekutuan 2011

Kumpulan Voice of MinDef telah menyertai Festival Nasyid Peringkat Wilayah Persekutuan yang telah di anjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 28 Julai 2011 di Dewan Muktamar Pusat Islam. Kumpulan Voice of MinDef.



### *Federal Nasyid Festival 2011*

*The Voice of MinDef has participated in Federal Nasyid Festival that was organised by Malaysia Department of Islamic Development (JAKIM) on 28th July 2011 at Muktamar Hall, Islam Centre.*

## Pengagihan Bubur Lambuk

Di sepanjang bulan Ramadhan, Jawatankuasa Kecil agama KAKEP telah menganjurkan Majlis Pengagihan Bubur Lambuk yang telah dilancarkan oleh YBhg. Datuk Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad, Presiden KAKEP pada 7 Ogos 2011. Dianggarkan sebanyak 8670 bungkusan bubur lambuk telah berjaya diagihkan ke bahagian-bahagian.

## *Bubur Lambuk Distribution*

*During the fasting month, KAKEP Religion Small Committee has organised Bubur Lambuk Distribution Ceremony that has been launched by KAKEP President, YBhg. Datuk Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad on 7th August 2011. Total of 8670 parcel of bubur lambuk has been distributed to every department.*





## Majlis Korban & Aqiqah

Sekali lagi KAKEP dapat menganjurkan Majlis Korban & Aqiqah yang telah diadakan di PERHEBAT, Sungai Buloh pada 9 November 2011. Sebanyak 11 ekor lembu telah disumbangkan oleh Menteri Pertahanan, Timbalan Menteri Pertahanan, KSU dan pihak-pihak yang lain. Aktiviti penyembelihan telah di sertai oleh Pengurusan Tertinggi MinDef dan kakitangan PERHEBAT serta ahli-ahli KAKEP.

## *Korban & Akikah Ceremony*

*Once again KAKEP had the opportunity to organised Korban and Akikah Ceremony that has been held at PERHEBAT, Sungai Buloh on 9th November 2011. Total of 11 cows was contributed by Minister of Defence, Deputy Minister of Defence, Secretary General Ministry of Defence and others. The slaughtering activity was participated by top management of MinDef, PERHEBAT staffs and KAKEP members.*





# 2011

# KELAB & CLUB

## PERSATUAN BERDAFTAR & REGISTERED ASSOCIATION

- Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia
  *Puspanita*
- Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan
  *Ministry Of Defence Civil Servants' Club*
- **Badan Amal Kebajikan Angkatan Tentera Malaysia**
  ***Bakat***

## BADAN AMAL KEBAJIKAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
## *BAKAT*

### MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS PENGERUSI JEMAAH TERTINGGI BAKAT ATM

Majlis serah menyerah tugas Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM telah dilaksanakan di Ruang Perkasa Tingkat 5, Wisma Pertahanan pada 15 Jun 2011. Acara ini telah dihadiri dan disaksikan oleh Pegawai Kanan Perkhidmatan ATM dan Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Perkhidmatan serta ahli-ahli BAKAT ATM . Pelantikan Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom binti Wan Awang selaku Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM adalah berikutan pertukaran jawatan suami beliau Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin menjadi Panglima Angkatan Tentera bermula pada 15 Jun 2011.




Acara dimulakan dengan Majlis Menandatangani Sijil Serah Terima Tugas di antara Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Norainee binti Abd Rahim dengan Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom binti Wan Awang, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM yang baru. Majlis seterusnya diikuti dengan amanat perpisahan daripada mantan Pengerusi BAKAT ATM, Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Norainee binti Abd Rahim yang telah menerajui BAKAT ATM mulai 4 September 2009 hingga 14 Jun 2011.



### *THE HANDING OVER CEREMONY OF CHAIRPERSON OF BAKAT MAF*

*The handover of duties ceremony of the new chairperson of the BAKAT Supreme Council took place at the Ruang Perkasa, Level 5 of Wisma Pertahanan on the 15 June 2011. The historical ceremony was witnessed by the senior officers of the MAF, the chairperson of the respective Services' BAKAT and members of MAF BAKAT. Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom binti Wan Awang was appointed as incoming chairperson of MAF BAKAT after her husband Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin was promoted as the new Chief of Defence Force with effect from the 15 June 2011.*

*The signing ceremony was held between Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Norainee binti Abd Rahim the incumbent chairperson to her sucessor Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom. The ceremony was further graced with a short address by Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Norainee binti Abd Rahim the incumbent Chairperson who was at the helm of the organization from 4 September 2010 until 14 June 2011.*



Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat MinDef pada 21 November 2011 bertempat di Auditorium MinDef
*National Language Month, MinDef on 21st November 2011 at MinDef Auditorium*

### LAWATAN KERJA DAN MAJLIS PENYEMPURNAAN SUMBANGAN MULTI SENSORI KEPADA PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK) ATM AL-MAWADDAH KEM PERDANA SUNGAI BESI KUALA LUMPUR

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat Malaysia telah meluangkan masa untuk menghadiri lawatan kerja ke PPDK ATM Al-Mawaddah, Kem Perdana Sungai Besi pada 28 Apr 11 disamping menyempurnakan majlis menyampaikan sumbangan Multi Sensori bernilai RM 20,000.00 daripada Syarikat Procter & Gamble (P&G) Sdn Bhd kepada PPDK ATM Al-Mawaddah.



Majlis tersebut turut dihadiri oleh Cik Ellie Xie, Ketua Pegawai Eksekutif P&G (Malaysia), Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Norainee binti Abd Rahim, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM pada ketika itu dan Pengerusii Jemaah Tertinggi BAKAT Perkhidmatan serta ahli-ahli BAKAT.

Acara dimulakan dengan nyayian Lagu Negaraku, bacaan doa, persembahan oleh kanak-kanak PPDK Al-Mawaddah dan ucapan oleh Ketua Pegawai Eksekutif P&G (Malaysia) serta tayangan video CSR Open Mind P&G). Majlis seterusnya diikuti dengan ucapan dan majlis penyempurnaan penyampaian sumbangan Multi Sensori oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat Malaysia kepada PPDK Al-Mawaddah, lawatan ke bilik Multi Sensori PPDK ATM Al-Mawaddah, sidang akhbar dan diakhiri dengan jamuan ringan.

### *WORKING VISIT AND HANDING OVER DONATIONS OF MULTI SENSOR TO PPDK ATM AL MAWADDAH KEM SUNGAI BESI KUALA LUMPUR*

*The Hounorable Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Minister of Women. Family and Community Development conducted a working visit to PPDK ATM Al-Mawaddah, Kem Perdana Sungai Besi on 28 Apr 11. The visit included the presentation of RM20,000.00 worth of multisensory donated by Proctor & Gamble to the PPDK ATM Al-Mawaddah.*

*The ceremony was witnessed by Mis Ellie Xie, Executive Officer of Proctor & Gamble (Malaysia), Puan Sri Datin Sri Norainee binti Abdul Rahim, Chairperson of the Supreme Committee of MAF BAKAT, chairperson of respective Services' BAKAT and members of MAF BAKAT.*

*The event commenced with the rendition of the national anthem followed by prayers. The event was further graced by a presentation from the PPDK Al-Mawaddah children. Proctor & Gamble took the opportunity to screen its Corporate Social Responsibility (CSR) video entitled "Open Mind" followed by an address from its Executive Officer. The Honourable Minister then visited the Multi-sensor Room of the centre. A press conference was held at the conclusion of the visit.*






Lawatan kerja dan majlis penyempurnaan sumbangan Multi Sensori kepada pusat pemulihan dalam Komuniti (PPDK) ATM, Al Mawaddah Kem Sungai besi, Kuala Lumpur.
*Working visit and healing overdonations of Multi Sensor to PPDK ATM Al-Mawaddah, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur.*

## PERTANDINGAN BOLING BAKAT ATM

Pertandingan Boling BAKAT ATM telah dilaksanakan dengan jayanya pada 24 Julai 2011 di Ampang Super Bowl @ Flamingo, Ampang Selangor. BAKAT Laut telah berjaya menjulang Piala Pusingan Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom setelah ditabalkan sebagai Johan keseluruhan. Tempat kedua disandang oleh BAKAT Darat manakala tempat ketiga disandang oleh BAKAT Gabungan Mk ATM. Pertandingan pada kali ini telah dikoordinasikan oleh BAKAT Laut dan melibatkan lebih 100 orang yang terdiri daripada pemain, jemputan dan sekretariat. Sebelum pertandingan bermula, YBhg Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom binti Wan Awang, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM telah merasmikan pertandingan tersebut dan mengharapkan agar semangat kesukanan dan setiakawan dapat diterapkan di kalangan ahli-ahli BAKAT di samping membentuk warga BAKAT yang berdaya saing.





## *BOWLING TOURNAMENT OF THE MAF BAKAT*

*The bowling tournament of the MAF BAKAT was held on 24 July 2011 at the Ampang Super Bowl @ Flamingo. The event was organised by the RMN BAKAT which also saw the organization capture the Puan Sri Datin Umi Kalsom Trophy. The Army BAKAT managed to secure second placings while the Combined BAKAT was second runners up. A total of 100 participants were involved in the event. The MAF BAKAT Chairperson, Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom observed that the tournament has managed to strengthen the bonds of friendship as it provided much needed fun.*

## LAWATAN MUHIBAH BAKTI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI (ABDB) KE MIRI SARAWAK

Lawatan Muhibah BAKTI ABDB telah diadakan di Miri, Sarawak pada 17 dan 18 Disember 2011 bersempena Mesyuarat Dua Hala ATM dan ABDB. Aktiviti tahunan secara selang seli ini telah dianjurkan oleh BAKAT ATM. Pelbagai acara telah dirancang semasa lawatan muhibah ini berlangsung antaranya Majlis Ramah Mesra, Demonstrasi Masakan dan Hi-Tea serta Pertandingan Boling antara BAKAT ATM dengan BAKTI ABDB. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim yang sedia terjalin di antara BAKAT ATM dengan BAKTI ABDB di samping dapat berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar pendapat dalam menjalinkan hubungan dua hala Malaysia - Brunei.



## *FRIENDLY VISIT OF BAKTI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI (ABDB) TO MIRI SARAWAK*

*The visit of BAKAT Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) to Miri, Sarawak was held on 17 December to 18 December 2011. The event was organized by BAKAT MAF which also involved participants from BAKAT MAF and BAKTI (ABDB). In the events, various activities was held such as Majlis Ramah Mesra, Cooking Demonstration, Hi-Tea and Bowling Tournament. The major purpose of this visits is to strengthen the relationship between BAKAT ABDB and BAKAT MAF.*









## MAJLIS PEMBUNGKUSAN SUMBANGAN HARI RAYA TAHUN 2011

Sempena perayaan Aidilfitri, ahli BAKAT ATM telah bekerjasama mengadakan aktiviti pembungkusan barang-barang sumbangan oleh para dermawan untuk diagih-agihkan kepada pegawai dan anggota ATM yang bertugas di perantauan dan bertugas di pagi Syawal. Seramai 70 orang ahli-ahli BAKAT ATM diketuai oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom binti Wan Awang terlibat dalam kerja-kerja pembungkusan secara gotong-royong bersama-sama Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Perkhidmatan serta ahli-ahli BAKAT ATM. Acara ini telah dilaksanakan pada 28 Julai 2011 di Dewan Seroja Kem KEMENTAH mulai jam 0900 hingga 1230. Bungkusan Hari Raya yang diagihkan ini merupakan tanda ingatan daripada ATM kepada warganya yang mana mampu mengubati perasaan rindu setiap pegawai dan anggota ATM yang bertugas ketika mana umat Islam lain menyambut hari lebaran bersama keluarga tersayang.



## *AIDILFITRI 2011 GOODIES PACKING CEREMONY*

*In the event of every Aidilfitri festival, members of MAF BAKAT share their commitment of packing raya goodies to be distributed among MAF personnel who will be on duty during the festive season. Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom binti Wan Awang the chairperson of the highest Committee of MAF BAKAT were joined by 70 BAKAT members at the ceremony, held at the Seroja Hall, MINDEF on 28 July 2011 . This package is distribute as assign memory and appreciation from Armed Forces to officers and members who served in a foreign country.*




Army rolls into t
Military to prepare personnel for warfare
efence chief also has to be a
The public has always supported, and will continue to support, the army to protect our beloved homeland.
government of the day. It remains apolitical and owes no allegiance whatsoever to any political party.
It is for this reason that soldi
are required to abstain from
taking part in politics,
indirectly.
Navy rescue
ning forces
Tabik buat PLKN
Maybank
prevention: The newly-formed integrated police-army security team patrolling down
Bangsar yesterday.
efence Universit
olice-army joint patrol launch
M. KUMAR and DESIREE TRESA GASPER

**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**
Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur.
Tel +603-2692 1333 / +603-2071 3890
Fax: +603-2691 1757
http: www.mod.gov.my